# HATI BUDI MELAYU DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*

FYP FTKW

SITI NUR ANIS BINTI WAN ABDULLAH

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# HATI BUDI MELAYU DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*

SITI NUR ANIS BINTI WAN ABDULLAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

| | | |
|---|---|---|
| [√] | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| [ ] | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh…..sehingga….. |
| [ ] | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| [ ] | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

ANIS

Tandatangan

Siti Nur Anis binti Wan Abdullah
C19A0767
Tarikh: 22/2/2023

Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob
Tarikh: 22/2/ 2023

FYP FTKW

Penghargaan

Assalamualaikum dan *Bismillahir-Rahmanir-Rahim*

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya dapat juga saya menyempurnakan tesis ini. Sepanjang menjalankan tugasan ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman amat berharga dan bermakna dalam hidup sebagai seorang pelajar universiti serta pengalaman ini amatlah bermanfaat kepada saya pada masa akan datang.

Saya, Siti Nur Anis binti Wan Abdullah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Mohd Firdaus bin Che Yaacob kerana beliau sebagai penyelia tesis saya telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Tunjuk ajar dan perkongsian ilmu dari beliau amatlah membantu saya dalam usaha menyempurnakan kajian ini.

Di samping itu, saya turut berterima kasih kepada ibu bapa yang sentiasa menyokong saya secara fizikal dan mental dalam melaksanakan kajian ini. Kata-kata semangat yang diberikan dijadikan sebagai pemangkin semangat kepada saya. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam memberikan semangat dan menyumbang idea ketika diperlukan. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua tugasan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

Siti Nur Anis binti Wan Abdullah
Kampung Dabong Hulu,
18200 Dabong,
Kelantan.
Emel: anis.c19a0767@siswa.umk.edu.my

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

JADUAL KANDUNGAN


| | KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|---|
| PENGESAHAN TESIS | | i |
| PENGHARGAAN | | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | | iii |
| SENARAI JADUAL | | v |
| SENARAI CARTA | | vi |
| SENARAI RAJAH | | vii |
| ABSTRAK | | viii |
| ABSTRACT | | ix |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Penyataan Masalah | 4 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 7 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 | Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.7 | Definisi Operasional | 16 |
| | 1.7.1 Hati Budi Melayu | 16 |
| | 1.7.2 Cerita Rakyat | 18 |
| | 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu | 19 |
| 1.8 | Organisasi Kajian | 20 |
| 1.9 | Penutup | 23 |
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 | Pengenalan | 24 |
| 2.2 | Pengkajian Cerita Rakyat | 25 |
| 2.3 | Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu | 59 |
| 2.4 | Penutup | 81 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 82 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 82 |
| 3.3 | Kaedah Kajian | 83 |
| | 3.3.1 Kaedah Kepustakaan | 83 |
| | 3.3.2 Kaedah Rujukan Teks | 83 |
| 3.4 | Teori Pengkaedahan Melayu | 85 |
| | 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah | 86 |
| | 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan | 87 |
| | 3.4.1.2 Pendekatan Moral | 87 |
| | 3.4.1.3 Pendekatan Firasat | 87 |
| | 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan | 88 |
| | 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah | 89 |
| | 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan | 89 |
| | 3.4.2.3 Pendekatan Seni | 89 |
| 3.5 | Kerangka Konseptual | 90 |
| 3.6 | Penutup | 91 |
| BAB 4 | ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 92 |




FYP FTKW

| | | |
|---|---|---|
| 4.2 | 26 Komponen Teras Hati Budi Melayu | 93 |
| 4.3 | Hidup Berteraskan Agama Islam | 94 |
| 4.4 | Pendidikan Demi Membentuk Manusia yang Berilmu | 100 |
| 4.5 | Nilai Kerja Kerajinan | 105 |
| 4.6 | Taat dan Berkhidmat kepada Ibu Bapa | 111 |
| 4.7 | Setia kepada Pemimpin yang Adil, Terpuji dan Benar | 117 |
| 4.8 | Halus Budi Bahasa dan Budi Pekerti | 122 |
| 4.9 | Hidup Bermasyarakat | 127 |
| 4.10 | Hormat dan Khidmat Pergaulan dengan Tetamu | 133 |
| 4.11 | Sederhana Bukan Ekstremis | 137 |
| 4.12 | Menjaga Maruah Diri | 140 |
| 4.13 | Bertindak Sewajarnya | 146 |
| 4.14 | Membela dan Mempertahankan Kebenaran dan Keadilan | 149 |
| 4.15 | Menanam Budi dan Membalas Budi | 154 |
| 4.16 | Sifat Pemurah | 148 |
| 4.17 | Sifat Kasih Sayang | 163 |
| 4.18 | Hidup Sederhana | 167 |
| 4.19 | Ikhlas | 170 |
| 4.20 | Sikap Berdikari | 173 |
| 4.21 | Menghormati Hak dan Milik | 178 |
| 4.22 | Kejujuran | 183 |
| 4.23 | Berbaik Sangka | 188 |
| 4.24 | Sifat Keterbukaan | 192 |
| 4.25 | Sifat Amanah | 196 |
| 4.26 | Memanfaatkan Waktu | 201 |
| 4.27 | Memandang Masa Depan | 205 |
| 4.28 | Mensyukuri Nikmat | 209 |
| 4.29 | Penutup | 215 |
| BAB 5 | KESIMPULAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 216 |
| 5.2 | Rumusan | 217 |
| 5.3 | Cadangan | 219 |
| 5.4 | Penutup | 223 |
| BIBLIOGRAFI | | 224 |
| BIODATA PENULIS | | 236 |

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI JADUAL HALAMAN

Jadual 1.5.1: Senarai Tajuk Cerita Rakyat 10
Jadual 1.5.2: Senarai Komponen Teras Hati Budi Melayu 11

FYP FTKW

SENARAI CARTA HALAMAN


Carta 3.4.2: Pengkaedahan Alamiah 86
Carta 3.4.3: Pengkaedahan Keagamaan 88


FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| SENARAI RAJAH | HALAMAN |
| --- | --- |


Rajah 3.5: Kerangka Konseptual 90



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hati Budi Melayu Dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*

FYP FTKW


ABSTRAK

Cerita rakyat ialah penyampaian hasil pengucapan secara lisan yang amat mudah difahami, mengandungi unsur hiburan dan memiliki nilai-nilai murni yang tinggi kepada lapisan masyarakat yang disampaikan oleh nenek moyang pada zaman dahulu. Kajian ini adalah satu kajian yang mengkaji secara terperinci berkaitan hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Hati budi dapat menggambarkan keperibadian seseorang manusia yang ditampilkan melalui cara pertuturan, sifat dan tingkah laku. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis hati budi Melayu dalam cerita rakyat mempengaruhi keperibadian generasi kini dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Reka bentuk kajian kualitatif diaplikasikan dalam kajian merangkumi kajian kepustakaan dan kaedah rujukan teks dan dokumen. Teori Pengkaedahan Melayu juga digunakan sebagai deduktif kajian iaitu menggunakan pendekatan kemasyarakatan, dakwah dan moral. Menerusi kajian ini juga, pengkaji membataskan pengkajian kepada 26 komponen teras hati budi Melayu seperti hidup berteraskan agama Islam, menanam budi, sikap berdikari dan banyak lagi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa hati budi Melayu dalam cerita rakyat memberikan impak yang positif terhadap kehidupan generasi kini serta memupuk pembentukan insaniah dan melahirkan seorang insan yang budiman.


Kata Kunci: Cerita Rakyat, Hati Budi, Teori Pengkaedahan Melayu

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Hati Budi Melayu In Text *Of The Oral Narrative In The Basin Of Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*


ABSTRACT

Folklore is the presentation of verbal speech results that are very easy to understand, contain elements of entertainment and possess high values to the people presented by the ancestors of ancient times. This study is a study that examines in detail the Malay heart in folklore. A heart can describe a human personality that is displayed through a way of speech, traits and behavior. This study was carried out to identify and analyze the Malay hearts in folklore influencing the personality of the current generation based on the text of *the Oral Narrative Seuntaian in Sungai Pengkalan Datu Basin, Kelantan*. Qualitative study design applied in studies includes library studies and text and document reference methods. The theory of Malay Methodology is also used as a deductive study which is to use the community, dakwah and moral approach. Through this study, the researchers limited the study to 26 core components of the Malay heart such as living on the basis of Islam, instilling favor, self-reliance and more. The findings show that the Malay hearts in folklore have a positive impact on the lives of the current generation as well as fostering soft formation and producing a gentleman.



Keywords: Folklore, Hati Budi, Malay Methodical Theory



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan ialah melambangkan cerminan terhadap karya-karya kerana penghasilannya yang baik dan indah. Berdasarkan pandangan Muhammad Haji Salleh (1995) kesusasteraan ialah penciptaan karya secara bertutur atau bertulis untuk menyampaikan elemen cerita rekaan sekali gus didedahkan menerusi penggunaan istilah yang indah serta kepelbagaian makna. Di samping itu, keindahan dalam sesebuah karya bersifat positif dan baik untuk penerimaan pengarang dan khalayak serta menyalurkan suasana lebih nyaman kepada masyarakat dan menerapkan sifat yang berperikemanusiaan yang tinggi. Menerusi kesusasteraan rakyat, mampu mencungkil bakat dan daya pemikiran yang imaginatif dalam diri seseorang insan semakin meningkat terutamanya kepada seseorang yang gemar menulis bahkan mereka akan dapat menghasilkan karya yang tersendiri. Selain itu, sastera rakyat adalah sejenis prosa lama yang mengamalkan penyampaian secara pertuturan.

Hati budi ialah perwatakan diri seorang manusia. Hati budi dapat menggambarkan keperibadian seseorang manusia yang ditampilkan melalui cara pertuturan, sifat dan tingkah laku. Pengertian budi menurut pandangan Hashim Musa (2008) turut menegaskan bahawa budi dilambangkan sebagai akal kepada seseorang insan. Ini membuktikan bahawa akal melaksanakan fungsi yang berkesan dalam kehidupan terutamanya dalam daya fikir manusia. Seseorang insan yang budiman memiliki sifat kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang tinggi dalam diri yang membolehkan mereka untuk memahami dan menentukan sesuatu perkara secara rasional. Daya fikir yang dimiliki oleh seseorang insan memberikan impak iaitu sifat manusia dapat dibezakan dengan makhluk yang lain.



FYP FTKW

Seterusnya, Hashim Musa (2008) juga menyatakan bahawa hati merupakan satu aspek rohaniah dalam diri manusia dan memiliki satu perhubungan dengan jantung. Hati mampu mengungkapkan satu perasaan dan kemahuan serta mampu menggambarkan perasaan suka, duka, risau yang terwujud dari hati dan jiwa. Secara ringkasnya, hati budi adalah unsur pemikiran yang boleh bertindak dalam diri seseorang insan yang ditampilkan melalui tingkah laku dan pemikiran. Tingkah laku seseorang insan dapat melambangkan keperibadian diri.

Selain itu, pengkaji memilih untuk mengkaji buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Cerita rakyat ialah karya sastera yang dikenali sebagai sebuah cerita warisan yang menjadi simbolik kepada masyarakat Melayu secara turun temurun dari masyarakat zaman dahulu hingga masyarakat zaman kini serta semakin berkembang secara meluas yang disampaikan secara lisan kepada masyarakat dan memiliki banyak peringkat lapisan pencerita. Cerita rakyat menjadi salah satu daripada warisan budaya yang perlu dilestarikan supaya dapat dikekalkan kepada generasi akan datang.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) cerita rakyat mudah difahami, menghiburkan dan menyampaikan teladan kepada lapisan masyarakat yang disampaikan oleh orang-orang dahulu. Ianya mampu membentuk keperibadian yang membina dan meningkatkan mutu diri seseorang. Cerita rakyat mampu menggambarkan kekayaan budaya dan sejarah suatu masyarakat serta memiliki keistimewaan yang tersendiri. Terdapat beberapa ciri-ciri yang digunakan untuk membezakan antara cerita rakyat dengan cerita yang lain iaitu cerita rakyat memiliki sifat tradisional dan penyampaian yang dilakukan secara lisan.

Berdasarkan perspektif daripada Fatimah Md. Yassin (1990) menyatakan generasi kini menjadikan naratif lisan sebagai satu saluran hiburan dan pendedahan kepada penyebaran ilmu didikan bagi masyarakat. Malahan ianya amat bermanfaat



FYP FTKW

dalam menjamin kehidupan yang lebih bermoral dan berilmu serta menambah pengetahuan bagi setiap individu.

Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu memperihalkan gaya hidup dan agama bangsa Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua pengkaedahan. Antaranya ialah pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Bagi setiap pengkaedahan ini juga mempunyai beberapa pendekatan yang tersendiri seperti pengkaedahan alamiah mengandungi tiga pendekatan yang terdiri daripada pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat manakala pengkaedahan keagamaan pula terbahagi kepada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Malahan kedua-dua pengkaedahan ini saling berkaitan dan melengkapi bagi memenuhi fungsi yang tersendiri.

Tuntasnya, projek ini dijalankan bagi meneliti hati budi Melayu melalui cerita rakyat berdasarkan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob melalui pendekatan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu serta menganalisis hati budi Melayu dalam cerita rakyat.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.2 Penyataan Masalah

Berlandaskan tinjauan dari penyelidikan lepas yang pernah dijalankan menyatakan sehingga kini sudah ada kajian-kajian yang telah dilaksanakan berkaitan cerita rakyat seperti nilai baik hati, jati diri dan nilai kemasyarakatan namun kajian tentang hati budi Melayu dalam cerita lisan belum meluas. Oleh hal yang demikian, menerusi penelitian ini pengkaji akan mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci tentang teras hati budi Melayu berpandukan cerita lisan sekali gus menerapkan hati budi dalam kalangan generasi kini.

Merujuk kepada sorotan kajian yang dilaksanakan membuktikan bahawa terdapatnya kajian terhadap cerita rakyat iaitu penyelidikan yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu.* Kajian ini berperanan untuk membuka minda dan menyerlahkan kepada masyarakat bahawa cerita rakyat mengandungi nilai ketamadunan dalam kalangan masyarakat Melayu yang membantu dalam pembentukan moral yang positif. Inilah salah satu keistimewaan cerita rakyat yang perlu masyarakat Melayu sedari dan nilai ketamadunan telah membentuk jati diri masyarakat Melayu agar lebih maju. Jelaslah bahawa, kajian berkaitan hati budi Melayu dalam cerita rakyat belum meluas. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi menambah baik kekurangan yang wujud dalam kajian yang lepas. Seterusnya, kajian *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020).

FYP FTKW

Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian yang lepas memfokuskan pengkajian berkaitan nilai-nilai murni dalam naratif lisan. Antaranya ialah kajian mengenai *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari dan Nasirin Abdillah (2021), *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022).

Selain itu, masalah yang dihadapi adalah kemajuan teknologi telah menghakis kedudukan sastera rakyat di Malaysia yang dikemukakan oleh Mohd. Taib Osman (1976). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi membuktikan bahawa cerita rakyat masih wujud dan masih kaya dengan nilai yang mampu membentuk ketamadunan masyarakat yang unggul dan kukuh bagi kekal memartabatkan sastera Melayu walaupun kemajuan teknologi semakin berkembang pesat. Pengkajian yang dilaksanakan oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian yang bertajuk *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* menjelaskan bahawa cerita rakyat sudah tidak mampu menambat hati masyarakat sebagai satu hiburan kerana kecanggihan teknologi yang semakin berkembang dengan pesat dan telah mengubah gaya kehidupan mereka.



FYP FTKW

Secara keseluruhannya, hati budi Melayu amat bermakna dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, hati budi Melayu mampu membentuk perhubungan sosial yang lebih baik bagi masyarakat Melayu bahkan mampu memaparkan cara masyarakat Melayu berkomunikasi dengan baik serta dapat dijadikan teladan kepada setiap generasi. Jelaslah bahawa pelaksanaan kajian ini berperanan untuk menyampaikan informasi secara lebih terperinci berkaitan hati budi Melayu yang diterapkan dalam cerita rakyat serta memberikan kesedaran terutamanya generasi kini bahawa mereka perlu menguasai komponen hati budi Melayu menerusi pendedahan dalam bidang pendidikan serta memenuhi kelompongan diketengahkan dalam kajian-kajian yang lepas.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ialah soalan-soalan kepada objektif yang telah dinyatakan. Persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini ialah:

1.3.1 Apakah hati budi Melayu yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.2 Bagaimanakah impak penerapan hati budi Melayu mempengaruhi keperibadian generasi kini dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah sasaran sebenar oleh pengkaji yang boleh diperoleh**.** Dalam kajian terdapat dua objektif kajian antaranya:

1.4.1 Mengenal pasti hati budi Melayu dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

1.4.2 Menganalisis impak penerapan hati budi Melayu mempengaruhi keperibadian generasi kini dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, batasan kajian dilaksanakan oleh pengkaji bertujuan untuk mengehadkan kajian ini agar keseluruhan dapatan kajian dan analisis kajian yang diperolehi secara lebih terperinci serta berfokus kepada satu kajian dan lebih lengkap. Buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob menjadi buku pilihan pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Di samping itu, Mohd Firdaus bin Che Yaacob yang merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Malaysia Kelantan yang mengajar kursus Kesusasteraan Warisan. Buku ini telah diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2021. Selain itu, pembahagian cerita dalam buku ini terbahagi kepada empat bahagian merangkumi cerita yang bertemakan cerita asal-usul, cerita mistik, cerita tokoh dan cerita binatang. Secara keseluruhannya dalam buku ini terkandung 51 cerita. Oleh itu, pengkaji mengehadkan untuk mengkaji 44 cerita rakyat dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Maka, kajian ini hanya akan berfokuskan kepada cerita rakyat dalam buku ini sahaja. Hal ini kerana, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji pelbagai cerita rakyat dalam buku yang berlainan dalam satu waktu yang sama. Tamsilnya, menumpukan penggunaan cerita rakyat dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mampu membantu pengkaji mencapai objektif kajian dengan sepenuhnya dengan lebih mudah dan terancang. Pada akhirnya, kajian pengkaji ini akan lebih berfokus kepada kajian cerita rakyat.



FYP FTKW

FYP FTKW

| Bil. | Tajuk | Jenis Cerita |
|---|---|---|
| 1 | *Asal Usul Datu* | Asal Usul |
| 2 | *Asal Usul Wakaf Aik* | |
| 3 | *Asal Usul Kampung Babong* | |
| 4 | *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* | |
| 5 | *Kain Sutera Cina* | |
| 6 | *Kegemilangan Pengkalan Datu* | |
| 7 | *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* | |
| 8 | *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* | |
| 9 | *Simbolik Rebana* | |
| 10 | *Rumah Api Penyelamat Saudagar* | |
| 11 | *Musibah di Kampung Pulau Gajah* | |
| 12 | *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* | |
| 13 | *Keasyikan Suara Buluh Perindu* | |
| 14 | *Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik* | |
| 15 | *Kepesatan Pengkalan Parit* | |
| 16 | *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* | |
| 17 | *Misteri Batu Hampar* | Mistik |
| 18 | *Kehebatan Bomoh Siam* | |
| 19 | *Disorok Jin* | |
| 20 | *Milik Siapakah Saka Itu?* | |
| 21 | *Pemujaan Tok Mekong* | |
| 22 | *Misteri Gajah Berkaki Enam* | |
| 23 | *Jelmaan Mak Kurus* | |
| 24 | *Jelmaan Saka Harimau* | |
| 25 | *Berpuakakah Pengkalan Parit?* | |
| 26 | *Tok Perindu* | Tokoh |
| 27 | *Haji Long Abdul Rahman* | |
| 28 | *Kehebatan Laksamana Laut* | |
| 29 | *Tengku Mahmud Muhiyuddin* | |
| 30 | *Bidan Tok Haji Esah* | |
| 31 | *Tok Karim Guru Silat Masyhur* | |
| 32 | *Kehebatan Pawang Ali* | |
| 33 | *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* | |
| 34 | *Mok Su Nab Ular* | |
| 35 | *Nurani Che Him dalam Masyarakat* | |
| 36 | *Tentera Bergajah* | |
| 37 | *Kezaliman Seorang Raja* | |
| 38 | *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* | |
| 39 | *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* | |
| 40 | *Pengunduran Patani* | |
| 41 | *Keajaiban Si Kera Putih* | Binatang |
| 42 | *Kisah Sekumpulan Tupai* | |
| 43 | *Kebijaksanaan Burung Hantu* | |
| 44 | *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* | |

Jadual 1.5.1: Senarai Tajuk Cerita

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Pengkajian yang belum meluas berkaitan hati budi Melayu menerusi cerita rakyat berdasarkan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, maka penulis memilih buku ini sebagai bahan kajian. Selain itu, kajian ini dijadikan penghubung antara kisah masyarakat dahulu untuk generasi kini. Di samping itu, naratif lisan mengandungi bentuk dan gaya penulisan yang unik. Seterusnya, kegiatan ini berlangsung untuk meningkatkan bilangan projek dan dapatan perihal hati budi Melayu berpandukan penggunaan cerita rakyat serta ianya juga memartabatkan lagi karya-karya sastera rakyat yang semakin dilupakan walaupun cerita rakyat dikenali sebagai ilmu yang tidak boleh dicari ganti. Dalam kajian ini juga, pengkaji membataskan kepada 26 komponen teras hati budi Melayu.

| Bil | Komponen Teras Hati Budi Melayu |
|---|---|
| 1 | Hidup Berteraskan Agama Islam |
| 2 | Pendidikan Demi Membentuk Manusia yang Berilmu |
| 3 | Nilai Kerja yang Mengutamakan Kerajinan |
| 4 | Taat dan Berkhidmat Kepada Ibu Bapa |
| 5 | Setia Kepada Ketua yang Adil, Terpuji dan Benar |
| 6 | Halus Budi Bahasa dan Budi Pekerti |
| 7 | Tolong Menolong dan Mengutamakan Kebajikan |
| 8 | Hormat dan Khidmat Pergaulan dengan Tetamu |
| 9 | Sederhana Bukan Ekstremis dalam Tutur Kata dan Tingkah Laku |
| 10 | Menjaga Maruah Diri |
| 11 | Bertindak Sewajarnya |
| 12 | Membela dan Mempertahankan Kebenaran dan Keadilan |
| 13 | Menanam Budi dan Membalas Budi |
| 14 | Sifat Pemurah |
| 15 | Sifat Kasih Sayang |
| 16 | Hidup Sederhana |
| 17 | Ikhlas |
| 18 | Sikap Berdikari |
| 19 | Menghormati Hak dan Milik |
| 20 | Kejujuran |
| 21 | Berbaik Sangka |
| 22 | Sifat Keterbukaan |
| 23 | Sifat Amanah |
| 24 | Memanfaatkan Waktu |
| 25 | Memandang Masa Depan |
| 26 | Mensyukuri Nikmat |

Jadual 1.5.2: Senarai Komponen Teras Hati Budi Melayu



FYP FTKW

Pengkaji memilih untuk menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob sebagai bahan rujukan dalam kajian yang dilaksanakan kerana genre teks tersebut. Kebiasaannya untuk memiliki cerita-cerita yang pelbagai genre perlu membeli lebih daripada satu buku. Namun tidak dengan buku ini kerana di dalamnya terkandung 51 buah cerita yang mengisahkan tentang cerita asal-usul, cerita mistik, cerita tokoh dan cerita binatang. Jelaslah bahawa karya ini mengandungi empat genre yang berbeza dan ianya memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian hanya menggunakan satu buku sahaja.

Selain itu, justifikasi dalam pemilihan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ialah penulis buku. Hal ini dikatakan demikian kerana, penentuan buku yang ingin digunakan bukanlah hanya dinilai dari luaran sahaja seperti kulit buku atau kandungannya namun dinilai dari aspek keilmuan, keperibadian dan kemahiran penulis perlulah diutamakan. Mengenali latar belakang penulis buku adalah satu kepentingan sebelum membelinya agar kita mampu memahami pemikiran yang terdapat dalam sesebuah buku serta mampu memberikan pengajaran dan manfaat yang baik kepada pembaca. Tamsilnya, buku ini menjadi satu lambang kepada keilmuan penulisnya dan merupakan wakil kepada pemikiran dan idea seorang penulis.

Seterusnya, buku ini digunakan oleh pengkaji kerana kandungan buku. Pemilihan buku haruslah bersesuaian dengan kajian yang akan dilaksanakan. Sebagai contoh, pengkaji ingin mengkaji tentang hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Maka teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob amatlah bersesuaian kerana dalam buku terkandung 51 cerita lisan yang boleh dijadikan sebagai bahan ilmiah yang memaparkan gambaran kehidupan masyarakat. Jelaslah, buku ini mendorong penulis untuk memperoleh maklumat dengan lebih mudah walaupun hanya menggunakan satu buku sahaja.



FYP FTKW

Keindahan dan bahasa telah mendorong pengkaji untuk menggunakan karya Mohd Firdaus Che Yaacob iaitu *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Penggunaan bahasa yang indah mampu menzahirkan tahap pemikiran yang diolah dan diungkapkan dalam bentuk perkataan dan ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap karya yang indah mengandungi istilah yang tepat dan benar serta pemilihan kata yang penuh dengan simbolik yang mampu menarik minat pengkaji sebagai seorang pembaca.

Di samping itu, ulasan buku juga memainkan peranan yang penting kepada pengkaji dalam melakukan pemilihan buku. Hal ini dikatakan demikian kerana, ulasan yang terdapat pada teks mendedahkan maklumat asas dan memaparkan kandungan keseluruhan sesebuah buku secara ringkas. Berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memberi gambaran awal tentang cerita-cerita menarik yang diperoleh daripada penglipur lara serta mengkategorikan buku ini kaya dengan nilai-nilai murni yang mampu membentuk moral positif kepada golongan pembaca.

Pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang dalam mengkaji berkaitan hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Pengkaji menggunakan kedua-dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan namun pengkaji memfokuskan kepada penggunaan pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji keenam-enam pendekatan yang ditampilkan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, penggunaan kedua-dua pengkaedahan akan menghasilkan dapatan akan lebih berfokus, lengkap dan terperinci serta kedua-dua pengkaedahan saling melengkapi.



FYP FTKW

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan mampu memperlihatkan lagi konsep hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Pelbagai kaedah boleh digunakan dalam mengkaji aspek dalam karya-karya sastera rakyat. Melalui pencerahan konsep hati budi dapat memaparkan keperibadian seseorang bahkan mereka lebih bijak dalam menjaga hati budi yang akan melahirkan keharmonian dalam sebuah perhubungan.

Kepentingan kajian adalah menyumbangkan ke arah pemikiran yang imaginatif. Cerita rakyat tidak terbatas dan ianya amatlah luas untuk difahami. Cerita rakyat bukan sahaja wujud di negeri Kelantan dan Malaysia sahaja malahan di luar negara juga ada pelbagai cerita rakyat yang memberikan manfaat kepada semua pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat kaya dengan pengalaman hidup dalam sesebuah karya serta mengandungi bahasa yang indah. Oleh itu, pentingnya cerita rakyat ini dalam membantu masyarakat untuk menilai dan menghargai budaya Melayu serta membawa kepada pemikiran yang berimaginatif.

Seterusnya, memperkenalkan cerita rakyat kepada masyarakat juga adalah salah satu kepentingan kajian pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat kurang mendapat sambutan dalam kajian sastera dan dalam kalangan generasi muda. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pantun, sajak, syair, cerita pendek dan sebagainya. Orang-orang lama juga ramai yang telah uzur menyebabkan cerita rakyat tidak dapat disampaikan lagi kini. Oleh hal yang demikian pengkaji memilih tajuk yang berkaitan dengan kajian hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menjadi satu rujukan kepada semua pengkaji yang lain serta mampu memberikan manfaat kepada semua.

Di samping itu, penyebaran dan perwarisan cerita rakyat sentiasa terpelihara merupakan salah satu kepentingan kajian ini dilaksanakan. Cerita rakyat melambangkan warisan kepada negara yang perlu dipelihara. Penyebaran dan



FYP FTKW

perwarisan cerita rakyat ini sememangnya diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi kepada masyarakat terutamanya dalam kalangan keluarga. Penggunaan kaedah tersebut menggalakkan cerita rakyat semakin dikenali dan menjadi satu warisan yang unik kepada masyarakat. Melalui kajian ini, dapat menampilkan cerita rakyat sekali gus menyerlahkan hati budi Melayu yang terkandung dalam sastera rakyat.

Tambahan pula, kepentingan pelaksanaan kajian ini adalah meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan unsur hati budi Melayu terhadap masyarakat. Penerapan hati budi Melayu dalam diri melalui pemahaman dari cerita rakyat menggalakkan seseorang untuk berfikiran dengan terbuka. Perkara ini berperanan untuk memberikan kesedaran kepada pengkaji dan pembaca bahawa unsur hati budi Melayu kerana mereka kurang terdedah dengan konsep hati budi. Adanya cerita rakyat mampu meningkatkan kesedaran berkaitan dengan hati budi dan memperoleh banyak nilai-nilai murni yang baik.

Kepentingan yang terakhir ialah menambah koleksi dokumentasi kajian tentang kajian hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Pada masa kini, ramai pengkaji-pengkaji lebih menumpukan kajian mereka ke arah nilai estetika dan membentuk sahsiah serta peribadi yang baik. Tegasnya, pengkaji membuat kegiatan ini bagi menambah koleksi dokumentasi kajian tentang hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Di samping itu, dengan adanya kajian ini dapatlah ia dijadikan sebagai satu contoh dan rujukan yang baik kepada semua pengkaji. Kajian yang dijalankan ini juga mampu menjadi bahan pembelajaran kepada para pengkaji serta dokumentasi kajian bertambah dengan lengkap dan warisan cerita rakyat tidak pupus.



FYP FTKW

## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah makna dari istilah yang mampu menghuraikan definisi secara operasi berkaitan kajian yang dilaksanakan. Selain itu, definisi operasional juga menjelaskan istilah perihal terma-terma berdasarkan keperluan untuk kegiatan ini.

### 1.7.1 Hati Budi Melayu

Hati budi ialah perwatakan diri seorang manusia. Hati budi dapat menggambarkan keperibadian seseorang manusia yang ditampilkan melalui cara pertuturan, sifat dan tingkah laku. Selain itu, Hashim Musa (2008) turut menegaskan bahawa budi dilambangkan sebagai akal kepada seseorang manusia. Dengan ini, akal melaksanakan tanggungjawab terhadap kehidupan terutamanya dalam daya fikir manusia. Seseorang insan yang budiman memiliki sifat kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang tinggi dalam diri yang membolehkan mereka untuk memahami dan menentukan sesuatu perkara secara rasional. Melalui daya fikir, sifat manusia dapat dibezakan dengan makhluk yang lain.

Al-Ghazali (1967) telah merungkai satu istilah iaitu hati terbahagi kepada dua erti seperti jantung hati atau hati fizikal yang berfungsi untuk mengepam darah ke seluruh anggota badan manakala istilah hati yang kedua adalah unsur yang halus memiliki sifat rohaniah yang wujud dalam diri manusia. Kedua-dua hati ini saling memerlukan agar manusia dapat mengenali dan mengetahui segala perintah daripada Allah. Hati inilah yang mendorong pembentukan manusia. Seperti yang dinyatakan dalam hadis oleh Sahih Bukhari iaitu seketul daging ada di dalam badan manusia apabila baik daging itu maka baiklah orangnya manakala apabila rosak daging itu maka rosaklah badan manusia itu.



FYP FTKW

Hashim Musa (2008) juga menyatakan bahawa hati merupakan satu aspek rohaniah dalam diri manusia dan memiliki satu perhubungan dengan jantung. Hati mampu mengungkapkan satu perasaan dan kemahuan serta mampu menggambarkan perasaan suka, duka, risau yang terwujud dari hati dan jiwa. Perlakuan dalam diri seseorang atau dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, insan yang budiman akan mampu menampilkan sifatnya melalui keperibadian sosialnya kepada masyarakat. Hati budi Melayu mampu menggambarkan perwatakan yang baik.

Tamsilnya, budi merujuk kepada akal dan intelek. Hal ini dikatakan demikian kerana, sifat manusia dibentuk melalui gabungan fizikal dan otak. Penerapan budi membolehkan manusia berfikir secara rasional dalam membuat keputusan dan memiliki kefahaman dalam mendalami ilmu-ilmu untuk membentuk manusia yang menabur bakti kepada ibu bapa, masyarakat dan negara.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7.2 Cerita Rakyat

Cerita rakyat adalah karya sastera yang tinggi nilai warisannya dan dipelihara sebagai khazanah namun disebarkan untuk setiap masyarakat tanpa mengira generasi. Menurut Mohd Taib Osman (1976) menyatakan bahawa cerita rakyat ialah satu keindahan bentuk bahasa yang sentiasa dijadikan pengajaran kepada rakyat terutamanya golongan petani dan desa. Keindahan bentuk bahasa yang dikatakan yang terkandung dalam cerita rakyat adalah kesusasteraan lisan, seni tutur dan kesusasteraan ekspresif. Dengan ini, cerita rakyat amatlah menarik dan unik kerana penggunaan bahasa yang terkandung di dalamnya dan cara penyampaiannya.

Seterusnya, penyataan yang diperkatakan amatlah benar iaitu karya sastera adalah menarik dan unik. Hai ini dikatakan demikian kerana, satu pandangan telah dikemukakan dan diperjuangkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) mengisahkan cerita rakyat adalah menarik dan unik kerana penerapan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat yang diamalkan dalam kehidupan seharian iaitu menampilkan tingkah laku yang baik. Justeru itu, cerita rakyat mampu menyampaikan keteladanan yang tinggi kepada masyarakat untuk memperjuangkan sifat yang baik dalam diri sendiri dan kalangan masyarakat.

Satu perspektif daripada Osman (1991) menjelaskan setiap generasi telah dikongsikan dengan penceritaan naratif lisan dan dianggap sebagai satu hikayat yang diceritakan kepada kalangan orang Islam yang terdiri pelbagai generasi tanpa mengira umur. Menerusi komunikasi ini telah mendorong sastera rakyat semakin dikenali ramai dan kebanyakan masyarakat ingin mendalami kerana meminati sastera. Ianya juga mampu mengekalkan budaya warisan kepada generasi akan datang perihal keistimewaan naratif lisan.



FYP FTKW

### 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu adalah sebuah hukum permulaan yang diciptakan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Dalam membangunkan dan mengembangkan Teori Pengkaedahan Melayu, beliau mengutamakan prinsip berteraskan corak kehidupan seorang manusia. Justeru itu, karya yang tersendiri akan terhasil melalui kepercayaan, tingkah laku dalam kehidupan dan mengagungkan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu. Teori ini dikemukakan agar lebih sesuai diaplikasikan dengan karya-karya tempatan dan Teori Pengkaedahan Melayu merupakan satu teori baru jika dibandingkan teori yang dari luar negara seperti Teori Semiotik, Feminisme, Sosiologi dan banyak lagi. Hashim Awang (2002:2) menjelaskan bahawa dalam teori ini terkandungnya pendirian yang dijadikan panduan dan peraturan umum berkaitan karya sastera dan juga kesusasteraan Melayu. Teori ini berfungsi sebagai satu prinsip yang menguruskan dan memudahkan kefahaman terhadap sesuatu perkara.

Dua pengkaedahan yang ditampilkan teori ini. Pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat manakala pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni merupakan kandungan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan pandangan Hashim Awang (2002:12). Selain itu, semua pendekatan ini sentiasa memerlukan malahan sepadan bagi kajian pengkaji.

Pendekatan kemasyarakatan merupakan satu pendekatan yang mengemukakan berkaitan isu cinta, pelajaran, kasih sayang, dan gejala sosial dalam kehidupan remaja. Ianya menampilkan kaedah, gaya hidup, kepercayaan dan budaya dalam satu komuniti. Hashim Awang (1994) menjelaskan bahawa pendekatan kemasyarakatan mampu menilai konflik yang dihadapi oleh masyarakat berdasarkan karya serta mampu memaparkan prinsip dan daya pemikiran yang kreatif. Pendekatan ini berhubungan secara langsung berkaitan ibadah, moral, ekonomi dan politik



FYP FTKW

berteraskan pandangan Islam.

Pendekatan dakwah merupakan pendekatan yang mempamerkan nilai takwa seorang umat kepada Allah. Keimanan yang utuh mampu membuktikan perwatakan manusia yang suci dan mengutamakan agama Islam yang mulia. Selain itu, pergolakan yang dialami dikendalikan dengan mengemukakan tema permasalahan. Sifat insan yang mulia dinilai melalui faktor watak dan perwatakan.

Pendekatan moral bertunjangkan pengalaman hidup. Pendekatan moral dikemukakan kerana sastera dianggap sebagai objek alam yang melambangkan kejadian alam serta kehidupan alam. Oleh itu, pendekatan ini sangat dekat dengan pengalaman dalam kehidupan malahan mampu memberikan impak yang positif dalam kehidupan. Menurut Hashim Awang (1993) terdapat dua teras pengalaman iaitu peristiwa yang dilalui oleh manusia dan manusia dengan suasana persekitaran. Berpandukan dua teras ini, tingkah laku manusia dapat dinilai dari aspek positif dan negatif serta mampu dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat.

FYP FTKW

1.8 Organisasi Kajian

Dalam menghasilkan penulisan dalam kajian ini, terdapat lima bahagian utama yang dilaksanakan agar penulisan yang dihasilkan lebih berkesan, sistematik dan teratur.

Bab Satu

Bab satu menghuraikan berkaitan pendefinisian operasi seperti kesusasteraan, hati budi Melayu dan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan pandangan beberapa tokoh. Selain itu, dalam bab satu juga terkandungnya pengenalan terhadap kajian yang dilaksanakan dan penyataan masalah yang dihadapi dan perlu dikaji oleh pengkaji. Persoalan dan objektif kajian juga diutamakan dalam bab ini sebagai permulaan kepada pengkaji dalam menjayakan penyelidikan ini. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan berkaitan batasan kajian iaitu pengkaji membataskan penggunaan cerita rakyat dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob serta menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Akhir sekali, kepentingan kajian turut ditampilkan dalam bab satu yang dapat membuktikan kepentingan yang akan diperolehi apabila penyelidikan ini dijalankan.

Bab Dua

Bab dua membincangkan berkaitan sorotan kajian atau kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji yang terdahulu dan ianya digunakan sebagai satu rujukan kepada pengkaji. Kajian-kajian dibincangkan berdasarkan dua bahagian iaitu kajian tentang kajian tentang cerita rakyat dan Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, sorotan kajian dapat memperolehi maklumat yang lengkap dan membantu dalam penyelidikan yang dijalankan. Melalui sorotan kajian juga pengkaji dapat mengetahui kelompongan yang terdapat pada kajian-kajian lepas bagi memperkemaskan lagi



FYP FTKW

kajian yang dijalankan.

Bab Tiga

Bab tiga pula memaparkan metodologi kajian. Metodologi kajian ialah satu set cara atau teknik yang diguna pakai bagi menjalankan kajian tentang hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Dalam bahagian ini akan membincangkan berkaitan reka bentuk kajian dan proses bagi menganalisis berpandukan persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan bagi memperolehi hasil dapatan yang baik.

Bab Empat

Bab ini mengandungi analisis kajian, analisis ini dijalankan untuk memperoleh dapatan daripada kajian yang telah dijalankan iaitu menganalisis hati budi Melayu dalam cerita rakyat. Analisis ini juga membataskan penggunaan cerita rakyat dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob.

Bab Lima

Bab lima memuatkan rumusan tentang kajian hati budi Melayu dalam cerita rakyat berpandukan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Seterusnya, bab ini juga mengandungi cadangan dalam menambah baik kajian dan implikasi yang diperolehi sepanjang menjalankan kajian ini.

FYP FTKW

## 1.9 Penutup

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa hati budi memainkan peranan yang penting dalam pembentukan seseorang insan dalam kalangan bangsa Melayu. Hati budi melambangkan keperibadian seseorang yang dapat diukur melalui tutur kata, cara pergaulan dan tingkah laku individu yang mengubah perspektif masyarakat dalam menilai seseorang individu. Jelaslah bahawa penerapan hati budi yang tinggi adalah perlu dalam menjaga sebuah perhubungan dengan diri sendiri, keluarga dan masyarakat serta ianya mampu memberikan ketenteraman dalam kehidupan. Hati budi Melayu mampu menyampaikan struktur peradaban bangsa Melayu dengan mengutamakan keperibadian yang unggul untuk melahirkan insan yang budiman. Maka, pengkaji ingin meneroka dan mendalami hati budi Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat berdasarkan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Selain itu, melalui kajian yang ingin dilaksanakan ini mampu untuk melengkapkan dan menambah baik kajian yang terdahulu. Jelaslah bahawa cerita rakyat adalah watak utama dalam menampilkan daya tarikan kepada budaya Melayu dan mampu menyampaikan erti hati budi Melayu dengan baik serta mudah difahami serta amat dekat kehidupan masyarakat.

FYP FTKW

# BAB 2

# SOROTAN KAJIAN

## 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian ialah satu penelitian semula secara ilmiah terhadap penyelidikan ataupun kajian yang terdahulu bagi melengkapkan kajian penyelidikan yang dijalankan. Kebiasaannya, dalam sorotan kajian ini pengkaji akan mengkaji tentang teori, metodologi dan kajian lepas yang mempunyai perhubungan secara langsung dengan kajian yang dilaksanakan. Oleh itu, menerusi sorotan kajian ini pengkaji akan melaksanakan penelitian semula kajian-kajian lepas dalam konteks cerita rakyat dan Teori Pengkaedahan Melayu untuk melengkapkan kelompongan yang diketengahkan dalam kajian yang pernah dilaksanakan.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.2 Pengkajian Cerita-Cerita Rakyat

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang menumpukan penelitian aspek nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat. Kajian ini berperanan untuk melengkapkan kelompongan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas. Seterusnya, kajian ini dijalankan berpandukan objektif kajian iaitu menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Dalam menyempurnakan penyelidikan ini, kaedah kuantitatif dijadikan sebagai deduktif kajian dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan gagasan yang dipilih untuk mengukuhkan analisis kajian yang merangkumi empat konsep asas iaitu dari segi minda, emosi dan rohani, jasmani sebagai pendekatan utama. Hal ini terbukti apabila dipaparkan 16 nilai murni yang melambangkan kebudayaan Melayu tanpa membezakan yang kepelbagaian agama, etnik dan kepercayaan dalam satu komuniti serta mampu membentuk dan mengekalkan norma kehidupan yang baik.

Menerusi kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop (2015) adalah kesan berkenaan penggunaan kecanggihan teknologi sehingga mendatangkan impak buruk atau negatif kepada cerita rakyat pada masa kini. Cerita rakyat merupakan satu penceritaan yang disampaikan dari satu individu ke satu individu yang lain. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis tentang nilai jati diri yang mengehadkan beberapa buah cerita rakyat Melayu yang diceritakan oleh Othman Putih dan Aripin Said. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah kepustakaan dengan menggunakan Teori Ekologi Budaya. Melalui kajian ini terdapat beberapa nilai jati diri yang wujud dalam diri masyarakat yang ditampilkan menerusi cerita rakyat seperti nilai bekerjasama, kasih sayang, rajin, dan berani malahan



FYP FTKW

membuktikan budaya Melayu amat mudah untuk diterima oleh masyarakat.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) yang bertajuk *Cerita Lisan Sebagai Sumber Perlancongan: Suatu Perbandingan Di Malaysia Dan Singapura.* Cerita lisan memiliki sumbangan dan peranan yang besar pada zaman kontemporari ini kerana alat hiburan kepada masyarakat dan kini semakin berkembang mengikut arus kemodenan sebagai sumber perlancongan kepada negara. Dua objektif yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu mengemukakan beberapa cerita lisan yang pernah digunakan sebagai daya tarikan perlancongan di Malaysia dan Singapura serta memaparkan kaedah penyampaian cerita lisan menerusi bidang perlancongan. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kerangka panduan iaitu melaksanakan kajian lapangan serta kaedah temu bual dan juga rujukan kepada koleksi yang termuat dalam beberapa laman web. Pengkaji juga membataskan penggunaan cerita lisan seperti tiga cerita dari Singapura dan empat cerita dari Malaysia. Jelaslah, perbandingan cerita lisan antara dua negara mampu memperlihatkan perkembangan sastera Melayu dan cerita lisan dapat dikembangkan menerusi bidang perlancongan.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) dalam kajian *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan.* Aspek pengurusan perlulah diberikan keutamaan agar pembaharuan sentiasa berlaku memandang berlakunya transformasi dalam penyampaian cerita lisan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji unsur pengurusan yang terdapat dalam cerita lipur lara. Kajian ini juga mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan dengan memberikan fokus terhadap prinsip kepimpinan iaitu salah satu prinsip dalam Pendekatan Pengurusan yang diutarakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Selain itu, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dijadikan sebagai deduktif kajian. Hasil kajian membuktikan bahawa prinsip kepimpinan yang dipaparkan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* ini dapat mengangkat aspek pengurusan dalam teks karya



FYP FTKW

sastera tradisional yang ditampilkan melalui watak dan perwatakan, peristiwa, isu, persoalan, latar dan nilai.

Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dalam kajian *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak* menjelaskan tentang cerita rakyat dipenuhi dengan elemen budaya ini seperti peraturan, norma, kepercayaan dan gaya hidup masyarakat dahulu dan masih lagi menjadi amalan daripada generasi ke generasi seterusnya melalui pembelajaran dan warisan turun temurun walaupun ianya makin terhakis. Oleh itu, dua objektif yang menjadi fokus utama iaitu mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya yang masih wujud di kalangan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat untuk kanak-kanak. Batasan kajian ini pula hanyalah menggunakan sepenuhnya kepada buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* selenggaraan Othman Puteh juga Aripin Said. Secara kesimpulannya, dalam penelitian ini terdapat tiga elemen budaya yang diamalkan oleh masyarakat antaranya ialah kepercayaan, perubatan dan budaya ekspresif yang menjadi simbolik diri masyarakat pantai timur.

Clarice dan Low Kok On (2016) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema* di mana kajian ini berfokuskan kepada cerita rakyat Sabah. Tangon merujuk kepada cerita dulu-dulu yang disampaikan oleh ibu bapa untuk menidurkan anaknya dan menjadi hiburan sewaktu bekerja di kebun. Tujuan kajian ini adalah membahagikan cerita rakyat Sabah mengikut kategori-kategorinya dan menganalisis cerita rakyat Sabah berdasarkan cerita di Barat dan Melayu. Objektif kajian ini adalah dengan memberi penekanan terhadap tema-tema yang ada berdasarkan cerita rakyat Sabah. Pengkaji telah menemu bual penduduk Dusun Liwan secara individu dan berkumpulan di lapan buah kampung di Mukim Kirokot, dalam daerah Tambunan bermula tahun 2014 hingga awal tahun 2015 dan sebanyak 33 tangon yang berjaya diperoleh. Berdasarkan kajian yang dijalankan terdapat beberapa



FYP FTKW

kelebihan daripada tema yang ada dalam cerita rakyat di Sabah memaparkan nilai budaya yang tinggi seperti tema asal-usul.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) melalui kajian *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan penerapan nilai baik hati menerusi cerita rakyat yang mampu diperolehi dalam kehidupan. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk memastikan bahawa orang Melayu mengetahui kewujudan unsur baik hati dalam setiap cerita rakyat yang dihasilkan. Selain itu, nilai baik hati merupakan satu perantaraan dalam pembentukan keperibadian insan. Oleh itu, nilai baik hati yang dipaparkan dalam cerita rakyat Melayu mampu diaplikasikan oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan. Dalam penyelidikan telah menggunakan secara praktik satu teori iaitu Teori Pengkaedahan Melayu dan pengkajian ini hanya berfokus kepada tiga cerita rakyat seperti *Isteri yang Bongkak, Tuan Puteri Si Helang Bakau* dan *Bismillah dan Raja Kuyuk*. Kesimpulannya, masyarakat menyedari bahawa unsur baik hati mampu diterapkan dalam kehidupan menerusi pembacaan cerita rakyat.

Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) menjalankan kajian yang berjudul *Dimensi Perancangan Dalam Hikayat Malim Dewa: Kajian Pendekatan Pengurusan* membincangkan satu pandangan baharu dalam dunia pengkajian kesusasteraan yang rentas disiplin dengan ilmu pengurusan moden yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu iaitu *Hikayat Malim*. Objektif kajian ini adalah menganalisis prinsip perancangan yang digunakan dalam *Hikayat Malim Dewa.* Pengkajian analisis berfokuskan kepada dimensi-dimensi perancangan, iaitu dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi pilihan alternatif, dimensi menilai langkah-langkah alternatif, dimensi memilih satu cara dan dimensi kajian semula ke arah merealisasikan objektif yang disasarkan. Secara ringkasnya, Prinsip Perancangan adalah satu kaedah yang terbaik dalam menonjolkan aspek pengurusan dalam cerita rakyat.



FYP FTKW

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Nor Shahila Mansor (2016) berpandukan kajian yang dilaksanakan iaitu *Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea.* Cerita rakyat diceritakan oleh orang tua yang ingin menidurkan anak mereka atau pun bercerita dengan masyarakat sekeliling sebagai teladan. Kajian ini berperanan untuk mengenal pasti dan membincangkan persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Sampel kajian menggunakan deduktif kajian iaitu dengan menggunakan 20 subjek pelajar lelaki dan perempuan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea serta mereka ditugaskan untuk menghayati tiga buah cerita rakyat dan mereka menghuraikan dengan terperinci mengikut kefahaman. Hasil kajian membuktikan persepsi pelajar terserlah kerana mereka mampu membuat andaian dan mereka sangat menyukai cerita rakyat.

Nur Yuhanis Mohd. Nasir, Rahmah Bujang dan Eizan Mat Hussain (2016) menerusi kajian *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong: Adaptasi Teks dan Persembahan.* Kemajuan teknologi telah mewujudkan sistem digital yang mendorong kepada transformasi cerita rakyat menjadi video animasi. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan animasi dua dimensi iaitu mengadaptasi cerita bangsawan *Puteri Saadong* yang berjudul *Hikayat Seri Kelantan* daripada teks kepada persembahan. Reka bentuk dalam kajian ini adalah secara kualitatif dan kuantitatif yang menyediakan soalan kepada responden. Hasilnya, animasi merupakan satu medium yang sepadan untuk mengekalkan dan menyampaikan karya tradisional kepada generasi kini.

Seterusnya, Sesilia Seli (2016) melaksanakan kajian *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik*. Cerita rakyat ini memberikan gambaran kepelbagaian corak kehidupan masyarakat yang mengetengahkan pandangan dunia dan ajaran moral namun pada arus kemodenan cerita rakyat semakin terhakis dalam kehidupan. Kajian ini berperanan untuk menganalisis aspek-aspek kearifan tempatan dan menginterprestasi simbol jasmani dan rohani kearifan



FYP FTKW

tempatan. Terdapat beberapa batasan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji seperti pengkajian berfokus terhadap 16 cerita rakyat sahaja dan mengaplikasi Pendekatan Hermeneutik oleh Paul Riceour. Kajian ini menjalankan kaedah kualitatif menerusi pelaksanaan kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa simbol jasmani dan rohani kearifan tempatan sebagai gambaran kepada kepercayaan, identiti, tradisi dan adat.

Kajian daripada Florina Jumil dan Norjietta Julita (2017) yang bertajuk *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun.* Etnik Kadazandusun memiliki pelbagai khazanah yang diwarisi sejak turun-temurun dari satu generasi ke satu generasi. Salah satu khazanahnya ialah tangon ataupun dikenali sebagai cerita rakyat. Kajian ini dikemukakan untuk mengenal pasti nilai pendidikan yang terdapat dalam tangon bagi etnik Kadazandusun. Selain itu, kajian ini menganalisis nilai pendidikan dalam tangon dengan mengaplikasikan teori yang dihasilkan oleh M. Atar Semi (1993) iaitu Teori Pendekatan Moral dan Teori Formalistik serta kajian ini hanya menggunakan teks *Himpunan Cerita Kadazandusun* dan menggunakan kaedah kepustakaan sebagai satu kerangka panduan. Kesimpulannya, nilai pendidikan yang ditonjolkan dalam tangon Kadazandusun mampu melahirkan manusia yang berguna kerana penerapan nilai-nilai murni.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) menerusi kajian *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* membincangkan tentang cerita rakyat melambangkan perwatakan yang bermoral dalam kalangan masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk melengkapkan hujahan serta reka bentuk kualitatif turut digunakan merangkumi kaedah kepustakaan dan teks sebagai kerangka panduan



FYP FTKW

kajian ini. Kajian ini mengehadkan penggunaan empat cerita rakyat dalam teks. Secara ringkasnya, Hasil masyarakat Melayu dapat menghayati dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti sifat jujur, amanah, berani dan banyak lagi. Malahan ianya juga memaparkan perwatakan masyarakat terdahulu mementingkan unsur nilai murni agar kesejahteraan hidup lebih terjamin.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rimau Lintan dan Nor Asiah Muhamad (2017) dalam kajian *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan.* Kajian ini membincangkan bahawa penggunaan cerita rakyat sebagai medium pembelajaran literasi asas merupakan usaha untuk memelihara budaya dan identiti kanak-kanak orang asli. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli. Modul pembelajaran literasi asas telah dibangunkan berdasarkan *Model Homeschooling* seperti yang dicadangkan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2014). Pendekatan Fuzzy Delphi digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pengajaran dan pembelajaran literasi asas untuk kanak-kanak orang asli di Sabah. Dua belas orang ahli akademik dari pelbagai bidang iaitu pendidikan kanak-kanak, pembelajaran bahasa, pendidikan tadika, bahasa Kadazan-Dusun, dan pendidikan Orang Asli terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat sesuai untuk dilaksanakan sebagai modul pembelajaran literasi asas terutamanya untuk kanak-kanak LINUS. Oleh itu, para penyelidik mencadangkan bahawa modul Pembelajaran Literasi Asas berdasarkan penggunaan cerita rakyat orang asli boleh digunakan bukan sahaja untuk membangunkan literasi asas tetapi juga merupakan usaha untuk memelihara amalan dan tradisi bercerita di kalangan orang asli.

FYP FTKW

Wan Khairoslinda Wan Mohd. Khairi, Zubir Idris dan Yusmilayati Yunos (2017) dalam kajian *Hikayat Kelana Sita Kembara: Naskhah Cerita Panji Melayu* membincangkan tentang teks manuskrip cerita panji Melayu yang telah didokumentasi iaitu *Hikayat Kelana Sita Kembara.* Cerita panji berbentuk nashkah dan manuskrip terhasil kerana perkembangan dunia kesusasteraan. Terdapat tiga dasar pembahagian antara cerita panji Jawa dengan cerita panji Melayu iaitu pembahagian sedia ada perbezaan penggunaan bahasa dan unsur tempatan. Kesimpulannya, dalam penelitian ini menjelaskan bahawa bermatlamat untuk meneliti, mengenal pasti dan membincangkan ciri-ciri Panji Melayu yang terkandung dalam teks Hikayat Kelana Sita Kembara dengan Cerita Panji Melayu yang lain iaitu *Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma* dan *Hikayat Chekel Waneng Pati*. Selanjutnya membuka ruang perbincangan tentang Cerita Panji Melayu *Hikayat Kelana Sita Kembara* dalam kajian kesusasteraan Melayu. Kedua-dua jenis cerita panji sama ada Melayu atau Jawa memiliki daya penarik utama iaitu unsur hiburan dan pendidikan yang merupakan unsur keindahan utama yang digemari oleh masyarakat Melayu tradisi.

*Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh,* Serian oleh Fifi Rinyuk (2017) adalah bertujuan untuk mengkategorikan cerita rakyat oleh sekumpulan kaum Bidayuh, menghuraikan nilai-nilai moral dan menghubungkaitkan nilai-nilai moral dalam kehidupan kaum Bidayuh. Sastera rakyat sangat padat dengan nilai-nilai moral yang mampu mencorak dan mendidik masyarakat untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan untuk menjadikan kajian ini lengkap dan sempurna serta menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual. Selain itu, kajian ini merungkaikan nilai moral berdasarkan cerita-cerita rakyat etnik Bukar atau Sadong sahaja yang merupakan kaum Bidayuh di daerah Serian serta pengkaji hanya menemu bual lima orang responden sahaja iaitu penghulu dan penduduk kampung yang mengetahui cerita rakyat untuk dikongsikan. Berdasarkan kajian ini dapatlah ia membuka ruang kepada semua masyarakat untuk lebih



FYP FTKW

mengenali cerita rakyat yang ada pada kaum Bidayuh dan memberi beberapa pengajaran kepada semua masyarakat.

*Kajian Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* oleh Mohd Fahmi Bin Ismail Dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Orang Asli memiliki pegangan dan mengamalkan jati diri yang tinggi dalam diri kerana mereka merupakan masyarakat terawal yang wujud di Malaysia. Kajian ini berfungsi untuk menjalankan pengkajian terhadap nilai budaya dalam komuniti Orang Asli. Seterusnya, terdapat beberapa deduktif kajian yang diguna pakai dalam penyelidikan ini iaitu kaedah kajian lapangan dan kaedah kepustakaan. Bagi merungkai dan menghurai nilai budaya pengkaji menggunakan Teori Sastera Warisan oleh A. Wahab Ali (2005) agar penyelidikan ini lebih berfokus dan terperinci. Secara rumusannya, nilai budaya perlulah menjadi pegangan agar terbentuk jati diri yang lebih baik malahan setiap pegangan itu menjadi perlambangan kepada setiap komuniti masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2018) berdasarkan kajian *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* membahaskan tentang penjanaan minda masyarakat Melayu dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi memerlukan penerapan nilai-nilai murni dan pemikiran secara intelek sebagai medium pembentukan moral yang postif dan berintelek. Seterusnya, objektif kajian ini adalah menganalisis dan merumuskan nilai murni dengan berpandukan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui konsep intelek. Kajian ini membataskan penggunaan cerita rakyat Melayu sebagai bahan utama dalam analisis kajian agar lebih berfokus dan lengkap serta memfokuskan kepada nilai kerajinan dan rasional. Secara kesimpulannya, keutuhan akal budi masyarakat Melayu akan memupuk pemikiran secara intelek dalam melaksanakan sesuatu tindakan dan keputusan yang lebih baik.



FYP FTKW

Mohd Fahmi Bin Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Konseptual Kata Kunci.* Nilai budaya sememangnya diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang mengetengahkan penerapan jati diri yang menjadi kebanggaan masyarakat. Begitu jugalah dengan masyarakat Orang Asli Temiar kerana kehidupan mereka sarat dengan nilai budaya, memiliki cerita rakyat dan daya pemikiran yang baik. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai kesan tersirat menerusi cerita rakyat masyarakat Orang Asli. Seterusnya, kajian ini juga mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci gagasan Mokhtar Musa (2005) dan melaksanakan kaedah kajian lapangan bagi memperoleh data yang lengkap dan padat serta membataskan pelaksanaan kaedah temu bual dalam kalangan masyarakat Orang Asli Temiar sahaja. Menerusi kajian ini membuktikan bahawa penerapan nilai budaya yang mantap memberikan impak yang denotasi dan konotasi kepada masyarakat.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) menjalankan kajian *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif* yang membincangkan tanggapan yang salah pembaca terhadap cerita jenaka yang hanya mempamerkan sikap lurus, bodoh dan banyak lagi. Cerita jenaka Melayu merupakan salah satu daripada jenis cerita rakyat yang memaparkan watak dan perwatakan lucu sehingga menghiburkan audiens. Oleh itu, objektif kajian ini adalah memperlihatkan watak dan perwatakan positif yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu. Kedua, menganalisis watak dan perwatakan positif berdasarkan pendekatan Psikologi Humanistik sebagai deduktif kajian. Di samping itu, pengkaji mengehadkan kepada penggunaan buku cerita jenaka Melayu bertajuk *Awang Lurus, Pak Pandir, Pak Kaduk* dan *Si Luncai* sebagai bahan rujukan. Hasil kajian memaparkan bahawa cerita jenaka juga mampu menyampaikan nilai positif seperti sikap yang ringan tulang, menepati janji, berani dan sebagainya bukanlah sekadar cerita yang tidak bermanfaat kepada pembaca.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* membincangkan kemampuan cerita rakyat berkembang sejajar dengan kemajuan teknologi. Cerita rakyat mempunyai unsur pengajaran, nasihat, sindiran dan penyampaian ilmu. Kajian ini berperanan mengkaji sejauh mana transformasi penyampaian cerita rakyat di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Selain itu, menyelidik judul cerita rakyat yang diterbitkan melalui media tersebut dan menganalisis format yang digunakan oleh para penerbit tempatan. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis buku iaitu pengkaji telah mengakses 1000 daripada 1961 judul buku digital kanak-kanak bagi mendapatkan judul buku digital cerita rakyat Malaysia dalam sebuah portal. Hasil kajian mendapati bahawa mendapati ekosistem cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang sealiran dengan perkembangan teknologi.

FYP FTKW

Jelaslah bahawa cerita rakyat perlu dipopularkan dengan sentuhan yang lebih kreatif seperti dalam bentuk buku digital untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

Rahimah Hamidan dan Alya Batrisyia Annuar (2020) dalam kajiannya bertajuk *Perspektif "Melayu Malas dan Melayu Bodoh" Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu*. Al-Attas (1972) menjelaskan bahawa kolonial sarjana Barat mengkategorikan masyarakat dengan dua perspektif yang negatif iaitu orang Melayu sebagai Melayu malas dan Melayu bodoh. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis kebenaran perspektif penjajah British melalui cerita jenaka Melayu. Batasan kajian ini terhad kepada empat buah buku cerita rakyat sahaja. Antara cerita jenaka tersebut ialah *Pak Kaduk, Si Luncai, Pak Belalang* dan *Pak Pandir*. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kualitatif dan dituruti dengan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Walau bagaimanapun, dapatan kajian jelas menunjukkan ia sama sekali bercanggah dengan perspektif penjajahan oleh British yang dipaparkan oleh masyarakat Melayu dan cerita lisan amatlah bersesuaian menyampaikan nilai-nilai serta sandaran jika masih wujud segelintir bertanggapan bahawa masyarakat Melayu itu malas dan bodoh.

*Kajian Ikon, Indeks dan Simbol dalam Cerita Lagenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik* dijalankan oleh Zul Pahmi Sahidin dan Norazimah Zakaria (2020). Cerita rakyat adalah sebahagian daripada bentuk budaya, iaitu seni terutama seni sastera termasuklah cerita lagenda. Cerita lagenda memiliki unsur ghaib sebagai elemen tambahan namun turut mengandungi makna, nilai moral dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu untuk disampaikan kepada masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ikon, indeks dan simbol yang digunakan dalam cerita lagenda. Melalui cerita mitos atau lagenda iaitu *Lagenda Puteri Denda Mandalika* dan *Dewi Anjani* akan menunjukkan beberapa kejadian yang melibatkan perbualan antara dua orang iaitu Bidadari dan Denda Mandalika. Seterusnya, pengkaji memfokuskan pengkajian ini



FYP FTKW

berpandukan Teori Semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sanders Pierce (1931). Jelaslah, hasil dapatan ini menunjukkan cerita legenda *Puteri Denda Mandalika* dan *Dewi Anjani* menampilkan tokoh wanita sebagai watak yang memiliki kemampuan dalam menenun pakaian, memiliki perilaku yang baik dan memiliki semangat yang tinggi perlu dijadikan sebagai pemangkin kepada masyarakat terutamanya golongan wanita agar mereka mampu berdikari dan matang dalam melakukan sesuatu perkara.

Menerusi kajian yang bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan* oleh Hazrul Mazran Rusli (2020) banyak menghuraikan berkenaan pengadaptasian cerita *Si Luncai* daripada kesusasteraan rakyat kepada masyarakat. *Si Luncai* merupakan sastera rakyat yang dikategorikan sebagai cerita jenaka yang mendedahkan nilai moral dan pengajaran dalam kehidupan. Tujuan kajian ini ialah melihat sejauh mana penggunaan adaptasi cerita *Si Luncai* dalam hasil seni visual. Metodologi yang digunakan ialah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan diikuti dengan Teori Adaptasi yang digagaskan oleh Desmond dan Hawkes (2006). Melalui kajian yang dijalankan ini dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan dan pengadaptasian cerita rakyat ini telah banyak menarik minat golongan kini mendalami dengan lebih lanjut tentang cerita rakyat ke bentuk visual sekali gus mampu memelihara keistimewaan cerita rakyat.

*Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Shahirah Othman (2020) banyak mengetengahkan tentang cerita rakyat yang diceritakan oleh masyarakat terdahulu yang mempunyai kepentingan yang tersendiri. Cerita rakyat adalah cerita yang diperkenalkan sejak zaman nenek moyang lagi dan terus dilegasikan kepada generasi kini secara turun-temurun agar cerita rakyat sentiasa terpelihara kedudukannya dalam sesebuah komuniti. Membincangkan serta menganalisis akal budi orang Melayu menerusi cerita rakyat terpilih adalah tujuan



FYP FTKW

kajian ini dijalankan. Pengkaji mengehadkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Selain itu, kaedah kepustakaan diguna pakai untuk memperoleh maklumat tambahan. Pada akhirnya, buku rakyat yang terpilih sangat bersesuaian dengan kajian dan dapat memaparkan nilai akal budi kepada semua dan berperanan sebagai pemangkin untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan beradab.

Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi dan Maizira Abdul Majid (2020) menerusi kajian *Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan.* Pemerintah dan rakyat merupakan dua kelompok penting dalam membangunkan sesebuah tamadun. Kajian ini mengandungi dua objektif iaitu mengenal pasti hubungan antara rakyat dan pemerintah dalam cerita-cerita lisan Pahang manakala objektif kedua pula menganalisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat dalam tradisi lisan dengan mengaplikasi Teori Kepimpinan oleh Northouse (2013) dan mengehadkan kajian berpandukan cerita rakyat Pahang oleh Zakaria Hitam untuk memaparkan huhungan rakyat dengan pemerintah. Seterusnya, kajian ini membataskan hanya tujuh cerita rakyat yang digunakan daripada 75 buah cerita rakyat koleksi Zakaria Hitam. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemerintah dan rakyat saling bergantungan antara sama lain jika salah satu tiada maka tidak lengkaplah satu perhubungan.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2020) dalam kajian *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* membincangkan tentang cerita rakyat yang mengandungi peristiwa yang aneh. Penerapan peristiwa aneh dalam cerita rakyat agar menarik perhatian dalam kalangan pembaca walaupun ianya kedengaran agak pelik namun tetap menimbulkan perasaan teruja dan meninggalkan tanda tanya kepada pembaca. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Jalaluddin (2014) iaitu Semantik



FYP FTKW

Inkuisitif (SI) dan memfokuskan penggunaan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Pendekatan ini diaplikasikan dalam kajian ini kerana peristiwa dalam cerita rakyat memiliki peristiwa yang tersirat bahkan tidak mampu diterjemahkan secara harfiah. Selain itu, reka bentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini merangkumi penggunaan penganalisisan dokumen yang dibukukan iaitu buku hikayat yang bertajuk *Antologi Enam Hikayat* karya oleh Nor (2016). Selain itu, kajian ini mengehadkan penggunaan sepuluh peristiwa aneh dalam cerita lisan yang berjudul *Hikayat Nakhoda Muda.* Kesimpulannya, hasil kajian ini membuktikan terdapatnya sepuluh kejadian yang pelik dalam cerita rakyat yang dikemukakan berlandaskan pendekatan Semantik Inkuisitif mampu mempengaruhi pemikiran dan akal budi pembaca.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) melaksanakan kajian iaitu *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan.* Naratif lisan merupakan satu permulaan dalam menyampaikan pengajaran berkaitan warisan budaya dan peradaban masyarakat Melayu kepada golongan kanak-kanak serta memaparkan seseorang individu yang memiliki daya pemikiran yang matang berpandukan perlakuannya. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dan menumpukan kepada satu pendekatan iaitu pendekatan kemasyarakatan. Kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan kajian lapangan diaplikasikan dalam kajian ini untuk memperolehi penyataan yang tepat dan terperinci. Kaedah temu bual dijalankan oleh pengkaji menggunakan responden di jajahan Kota Bharu, Kelantan untuk memperoleh cerita rakyat. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan akal budi dalam naratif lisan mampu melambangkan keperibadian masyarakat setempat masih wujud dan utuh melalui penampilan sikap yang matang dalam membuat keputusan dan sentiasa berusaha serta ianya perlu diterapkan dalam



FYP FTKW

kehidupan kini.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi penyelidikannya iaitu *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan tentang aspek nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat dapat memberikan gambaran kepada corak kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan merujuk kepada kelompongan pada kajian-kajian lepas yang tidak mengkaji secara meluas berkaitan aspek nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat. Selain itu, objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Bagi memantapkan lagi hujah analisis kajian ini, Teori Takmilah telah diaplikasikan serta kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Berdasarkan kajian ini, sikap merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan persahabatan memberikan pencerahan yang lebih jelas berkaitan unsur-unsur Islam dalam naratif lisan. Seterusnya, penyelidikan ini membataskan penggunaan cerita rakyat agar lebih terperici dan berfokus. Rumusan kajian mendapati masyarakat zaman dahulu amat mengutamakan dan menjadikan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat sebagai panduan dalam melahirkan masyarakat yang keperibadian mulia.

Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021) berdasarkan kajian yang bertajuk *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat.* Makanan merupakan satu keperluan dan memiliki peranan yang besar kepada manusia dalam kehidupan. Kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan analisis teks sebagai kerangka panduan dan pengkaji hanya menggunakan 29 jenis makanan seperti beras, kacang, garam, rojak, cucur dan banyak lagi yang terkandung dalam cerita rakyat yang berjudul *Musang Berjanggut* serta mengaplikasikan kaedah kualitatif sebagai kerangka panduan untuk memperoleh data yang lengkap. Kesimpulannya, makanan merupakan satu elemen yang memiliki perhubungan



FYP FTKW

dengan kehidupan dan dunia kesusasteraan kerana makanan dianggap sebagai alat interaksi dalam teks dan kayu ukur kelas sosial dan status dalam masyarakat yang menggalakkan berlakunya interaksi sosial antara masyarakat.

Kajian yang bertajuk *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* dijalankan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek dan Muhammad Asyraf Mansor (2021) menghuraikan tentang kaedah penyampaian yang berkesan untuk kanak-kanak lebih menguasai bahasa. Mengetahui pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak merupakan objektif kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan ialah menemu ramah.  Pedagogi budaya dalam cerita rakyat bagi memperoleh penggunaan kosa kata baharu di dalam diri kanak-kanak adalah pengehadan yang dihadkan oleh pengkaji. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa satu kemudahan kepada pihak guru untuk memberi pengajaran kepada kanak-kanak melalui pedagogi responsif budaya. Kesimpulannya, pedagogi responsif budaya mampu menyumbang kepada pembentukan jati diri, nilai baik serta tingkah laku dalam diri seorang kanak-kanak.

*Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali dan Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) banyak menghuraikan tentang inovasi sesebuah karya dalam mengekalkan tradisi lisan. Mengenal pasti dan menganalisis elemen sinografi dalam pementasan iaitu *Readers Theaters* adalah objektif kajian ini. Kajian ini dihadkan kepada cerita rakyat Sarawak. Antaranya ialah *Kisah Ular Sawa dan Lelaki Yang Sesat* dan *Kisah Burung Keranda* sebagai cerita yang diinovasikan dalam acara pementasan teater. Metodologi kajian ini ialah kaedah kualitatif. Berdasarkan cerita ini dapat dirumuskan bahawa pementasan atau pengadaptasian ini membantu menyampaikan pengajaran dan kepentingan kepada masyarakat.



FYP FTKW

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun dan Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) menerusi kajian yang bertajuk *Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan* membincangkan berkaitan pemuliharaan cerita lisan Orang Asli. Kajian ini berperanan untuk menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun dalam usaha untuk mengekalkan tradisi. Selain itu, kajian ini dijalankan menggunakan penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian lapangan dan temu bual separa struktur. Kaedah kajian lapangan dijalankan di Kampung Sungai Mok, Rompin, Pahang. Temu bual separa struktur dilakukan terhadap informan yang masih bergiat aktif dalam menuturkan cerita lisan. Kajian ini juga disokong oleh kajian perpustakaan yang menyediakan data sekunder berdasarkan kajian lepas. Kajian ini menggunakan teknik analisis tematik untuk menyaring data supaya memperoleh data yang betul dan sesuai. Hasil kajian menyatakan pemuliharaan cerita lisan akan memberikan manfaat di mana ianya akan dapat diwarisi kepada generasi akan datang dan mengekalkan keunikan tradisi yang terdapat dalam setiap kaum.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2021) menerusi kajian *Genre Perbualan Aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda: Analisis Semantik Inkuisitif.* Kajian ini mengkaji semantik inkuisitif dalam genre perbualan aneh cerita rakyat. Zakaria (2005) menyatakan bahawa pelbagai genre yang terdapat dalam karya sastera seperti epik, sandiwara, sindiran, prosa dan tragikomedi. Perbualan juga berperanan untuk memberikan kefahaman kepada pendengar berkaitan sastera rakyat yang disampaikan. Selain itu, genre perbualan aneh merujuk kepada pertuturan yang tidak biasa didengari atau bukan percakapan harian. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti ujaran yang memaparkan tingkah laku aneh yang menyalahi norma-norma kehidupan dan menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dalam cerita rakyat. Data dikumpulkan daripada data primer dan data sekunder serta kajian dianalisis merujuk buku *Antologi Enam Hikayat* dengan menggunakan *Hikayat*



FYP FTKW

*Nahkoda Muda.* Hasil kajian mendapati bahawa mendapati banyak perbualan aneh dan merasakan ada rahsia yang hendak disampaikan disebalik ujaran tersebut dan menarik apabila diketahui umum.

Muhammad Irfan Waqiuddin Hasanudin Mohd Affiq Affandy Azlizan dan Muhd Norizam Jamian (2021) menerusi kajian *Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya*. Cerita rakyat merupakan salah satu hiburan masyarakat dahulu dan masih diwarisi sehingga kini. Objektif kajian ini adalah menganalisis latar budaya dalam cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah di Malaysia dan Indonesia* dan membuat perbandingan latar budaya yang terkandung dalam cerita rakyat. Penggunaan reka bentuk kualitatif menerusi kajian kepustakaan iaitu pengkaji menggunakan dua teks iaitu Bawang Putih Bawang Merah versi Malaysia dan Indonesia bagi merungkai perbezaan budaya kedua-duanya. Di samping itu, kajian turut membataskan analisis kepada tiga aspek kebudayaan iaitu bahasa, agama dan kepercayaan dan ekonomi. Hasil kajian menjelaskan setiap negara memiliki latar budaya yang tersendiri dan unik seperti Malaysia dan Indonesia.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid dan Siti Aishah Jusoh (2021) menerusi kajian mereka iaitu *Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak* menjelaskan bahawa unsur polemik merupakan gambaran kepada perkara negatif dan mudah dilihat dalam cerita rakyat. Seterusnya, kajian ini dilaksanakan bagi memperolehi analisis yang lengkap bagi melengkapkan kelompongan dalam kajian lepas. Cerita rakyat merupakan satu kisah yang diceritakan dan disebarkan secara turun temurun melalui kaedah lisan serta cerita rakyat adalah milik bersama masyarakat bukanlah milik mutlak untuk seseorang. Walaupun begitu, plot ceritanya mampu menyampaikan nilai teladan dan pembentukan moral kepada kanak-kanak. Kajian ini mengehadkan penggunaan enam cerita rakyat dari *Teks 366 Cerita Rakyat Di Malaysia* serta mengaplikasikan pendekatan dalam Teori Takmilah dengan



FYP FTKW

menggunakan prinsip hubungan karya dengan khalayak dan menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan kajian teks. Jelaslah, kajian tentang aspek polemik mampu membentuk keperibadian dan pembangunan moral dalam diri kanak-kanak.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Kajian ini berperanan untuk membuka minda dan menyerlahkan kepada masyarakat bahawa cerita rakyat mengandungi nilai ketamadunan dalam kalangan masyarakat Melayu yang membantu dalam pembentukan moral yang positif. Inilah salah satu keistimewaan cerita rakyat yang perlu masyarakat Melayu sedari dan nilai ketamadunan telah membentuk jati diri masyarakat Melayu agar lebih maju. Penglipur lara menjadi perantara dalam menyampaikan cerita rakyat yang kaya dengan nilai ketamadunan kepada masyarakat Melayu. Namun, mereka menyatakan bahawa cerita rakyat tidak menarik. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan supaya memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa cerita rakyat memiliki keistimewaan yang tersendiri. Kajian ini berpandukan objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terkandung di dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1989) dan kajian ini memfokuskan penggunaan pendekatan moral dijadikan sebagai deduktif kajian serta kaedah kualitatif dijadikan kerangka panduan dalam kajian ini. Kajian ini dibataskan dengan penggunaan cerita rakyat seperti *Tujuh Bersaudara, Puja Berubat, Sungai Ketapang dan Semangat Laut.* Rumusan kajian mendapati bahawa pembentukan jati diri masyarakat Melayu dapat dibina berdasarkan penerapan nilai ketamadunan dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* membincangkan tentang



FYP FTKW

membuang pandangan lemah masyarakat untuk menonjolkan cerita lisan sebagai satu karya yang bermutu dan harus diperkenalkan dalam dunia pembelajaran supaya menjadi saluran kepada bangsa. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat mendakwa bahawa cerita lisan melayu merupakan karya yang membosankan, rekaan semata-mata dan tiadanya nilai keislaman malahan tidak mampu untuk membina keperibadian diri. Kajian ini berteraskan penghujahan nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini juga membataskan penggunaan bahan utama iaitu teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Seterusnya, bagi memperolehi analisis kajian telah menggunakan Teori Takmilah sebagai deduktif kajian serta penggunaan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks. Hasilnya, menampilkan naratif lisan Melayu memiliki unsur-unsur Islam yang bertepatan dengan syariat Islam dan mampu menyampaikan kesedaran dan mendidik masyarakat Melayu ke arah insan yang berakhlak dan berjiwa mulia.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajian yang bertajuk *Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah* menjelaskan cerita rakyat memiliki nilai-nilai Islam yang menjadikan tauladan kepada rakyat dari aspek hiburan dan pendidikan namun ianya juga makin dilupakan dilupakan oleh generasi zaman kini. Seterusnya, kajian ini dilaksanakan untuk melengkapkan kelompongan kajian-kajian lepas yang berfokuskan aspek nillai-nilai Islam masih berkurangan dan ianya berperanan untuk memberikan pencerahan kepada masyakarat bahawa dalam cerita rakyat banyak terkandungnya nilai-nilai Islam. Kajian ini berpandukan kepada objektif kajian iaitu menghuraikan nilai keislaman berpandukan teks bagi membina masyarakat yang lebih baik. Kajian ini memfokuskan penggunaan kaedah kualitatif dan tiga prinsip utama dalam Teori Takmilah sebagai deduktif kajian bagi melengkapkan analisis kajian. Hasil kajian ini, cerita rakyat memiliki potensi untuk menjadi salah satu medium pendidikan yang berkesan dan mampu menyebarkan nilai-nilai Islam kepada khalayak.



FYP FTKW

FYP FTKW

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajian iaitu *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* membincangkan nilai-nilai Islam yang daapt membentuk sosiobudaya dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini berpandukan objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu kepada kanak-kanak sebagai asas pembentukan sosiobudaya. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan untuk melengkapkan kelompongan kajian-kajian lepas berteraskan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu kepada kanak-kanak sebagai asas pembentukan sosiobudaya yang belum meluas penyelidikannya. Seterusnya, kaedah kualitatif dipilih sebagai deduktif kajian merangkumi kaedah kepustakaan dan lapangan bagi memperolehi data analisis yang lengkap. Pengaplikasian Teori Takmilah telah dipilih dalam kajian ini dengan berfokuskan kepada prinsip hubungan khalayak dengan karya yang dapat merungkaikan hubungan nilai-nilai Islam dengan kanak- kanak. Hasil kajian, bagi pembentukan sosiobudaya dalam kanak-kanak yang lebih baik memerlukan penerapan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu dalam kehidupan kini.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* membincangkan cerita lisan yang mampu membentuk dan memaparkan corak kehidupan masyarakat Melayu terdahulu melalui nilai-nilai kemanusiaan yang ditampilkan melalui cerita lisan. Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan mengisi kelompongan yang wujud pada kajian-kajian lepas. Kajian ini berpandukan kepada objektif, iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Selain itu, pengaplikasian Teori Takmilah dalam kajian ini mampu menghasilkan hujahan yang lebih lengkap dan padat. Dalam

kerangka penyelidikan, pengkaji telah memilih dan mengaplikasikan kaedah kualitatif yang merangkumi penggunaan kaedah kepustakaan dan teks bagi memperolehi data yang tepat. Seterusnya, kajian ini juga berfokuskan kepada lima nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, rendah diri, murah hati, saling bermaaf-maafan antara satu sama lain dan hormat-menghormati. Hasilnya menjelaskan bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang padat diterapkan dalam cerita lisan perlu diaplikasikan dalam kehidupan supaya membina masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik dan beradab.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali dan Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) menerusi kajian *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* memaparkan tentang melaksanakan inovasi penghasilan karya iaitu karya dalam bentuk teks diadaptasi kepada animasi seperti cerita Bawang Putih Bawang Merah (2001) dan Puteri Gunung Ledang (2006). Cerita rakyat merupakan warisan masyarakat yang bernilai dan bermakna. Kajian ini memfokuskan untuk mengenal pasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang berpotensi sebagai satu karya teater dan menghasilkan dokumentasi kajian. Kaedah kepustakaan seperti mengumpulkan teknik-teknik yang diperlukan dalam pementasan cerita agar terciptanya stail dan bentuk pementasan. Selain itu, kaedah temu bual dilaksanakan di Kampung Gersik, Kampung Santubong, Kampung Baru Samarahan, Kampung Melayu Samarahan, dan Kampung Sindang Samarahan dijadikan sebagai deduktif kajian. Kajian ini juga memilih dua cerita rakyat terbaik untuk dipentaskan iaitu Kampung Melayu Samarahan dan Kampung Sindang Samarahan. Hasilnya, kajian ini dapat mengangkat cerita rakyat tempatan kepada pementasan teater ialah satu usaha dalam memperkenalkan dan melestarikan seni, budaya dan warisan tempatan untuk setiap generasi.

Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2021) menerusi kajiannya *Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* membincangkan tentang penyampaian maksud tersirat dalam



FYP FTKW

sastera rakyat Melayu Sarawak dengan politik tempatan. Selain itu, membataskan kepada penggunaan Teori Relevans (TR) daripada Sperber dan Wilson merangkumi analisis pragmatik dalam mendefinisikan makna tersirat dalam naratif lisan tersebut. Berdasarkan dapatan kajian memaparkan bahawa penggunaan istilah seperti *Puteri Santubong, Puteri Sejinjang, Anak Dak Dewa Turun Kayangan, Siang* dan *Menumbuk Padi* memiliki makna tersendiri dan berkaitan dengan konteks semasa. Tambahan pula, sastera rakyat mengandungi unsur nasihat yang padat danmenyampaikan unsur sindiran secara halus yang mampu memberikan teladan kepada masyarakat agar tidak menerapkan kesilapan yang wujud dalam naratif lisan tersebut. Hasilnya, kajian ini mampu menjelaskan bahawa politik tempatan mampu memperluaskan penggunaan istilah dan menyalurkan mesej tersirat dalam sesuatu naratif lisan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajiannya *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang* menyatakan tentang kehidupan Cik Siti Wan Kembang di Kelantan yang dipandang tinggi oleh masyarakat kerana memiliki perwatakan yang baik telah disampaikan melalui cerita legenda. Seterusnya, cerita legenda mampu menyampaikan nilai teladan dan mengekalkan warisan kebudayaan kepada golongan masyarakat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita *Cik Siti Wan Kembang.* Teori Pengkaedahan Melayu dipilih dan pendekatan moral diaplikasikan bagi melengkapkan analisis kajian ini. Dalam memantapkan hujahan kajian, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif, kaedah rujukan teks serta kaedah kepustakaan. Secara kesimpulannya, hasil kajian mendapatibahawa cerita legenda *Cik Siti Wan Kembang* merupakan satu naratif yang menerapkan nilai-nilai murni yang tinggi mampu membentuk satu kehidupan yang lebih baik dan bermoral serta mampu memelihara warisan kebudayaan negara.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek dan Muhammad Asyraf Mansor (2021) menerusi kajian *Aplikasi Pendekatan Interpretive Structural Modelling Dalam Pembangunan Model Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat*



FYP FTKW

*Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak.* Kajian ini dilaksanakan untuk membangunkan model pedagogi responsif budaya menggunakan cerita rakyat sebagai pendekatan pembelajaran dalam kemahiran literasi awal kanak-kanak berpandukan Struktur Interpretif Pendekatan pemodelan (ISM) sebagai kaedah penyelidikan. Penyelidikan dibahagikan dua sistem iaitu pengalaman praktikal dan pakar-pakar dalam bidang pendidikan seramai 12 responden. Hasilnya, kumpulan pakar berjaya mengemukakan 8 elemen pedagogi responsif budaya menggunakan cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak. Antaranya ialah kreativiti bercerita, penggunaan boneka, penguasaan intonasi, kreatif pergerakan, lakonan kreatif, berkongsi cerita, persekitaran hubungan, pengalaman dan simbol serta imej. Jelaslah, pedagogi responsif budaya memberikan nilai tambah dalam membina akhlak, identiti dan perwatakan kanak-kanak.

Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021) menerusi kajian *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* memaparkan bahawa cerita rakyat adalah satu media hiburan yang padat dengan nilai teladan namun kini semakin kurang mendapatkan sambutan ekoran perubahan gaya hidup masyarakat kini yang semakin canggih mengikuti perkembangan teknologi. Objektif dalam kajian ini adalah mengenal pasti dan membincangkan ritual yang terkandung dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Kajian ini juga mengaplikasikan Teori Fungsionalisme untuk menganalisis perbincangan serta menggunakan kajian lapangan melalui kaedah temu bual dengan penglipur lara. Tamsilnya, hasil kajian mendapati bahawa ritual dalam cerita rakyat masih diguna pakai oleh sesetengah masyarakat.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021) melalui kajian *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu* mengetengahkan bahawa terdapat pelbagai corak budaya dan tatacara dalam struktur sosial yang mampu mengembangkan pertukaran idea dan sudut pandangan baharu serta panduan kepada



FYP FTKW

masyarakat Melayu. Naratif lisan merupakan karya sastera yang patut dipelihara dan diperkembangkan kepada setiap generasi dan mengandungi perbezaan situasi untuk setiap lapisan golongan masyarakat. Seterusnya, objektif kajian ini adalah menyenaraikan dan menghuraikan upacara dalam sumpahan yang terdapat naratif lisan Melayu. Bagi meneliti dan melengkapkan analisis kajian secara terperinci serta mengehadkan penggunaan 12 data naratif lisan Melayu menerusi pengaplikasian Teori Budaya berpandukan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang dipilih secara rawak. Keseluruhan kajian menjelaskan unsur spiritual yang terkandung dalam cerita lisan Melayu mampu menjadikan cerita lisan Melayu menarik dan memiliki keunikan tersendiri serta melambangkan pemikiran yang kreatif yang menjadi perantara dalam menyebarkan pendidikan kepada masyarakat Melayu.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan (2021) berdasarkan kajian *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi* membincangkan tentang media animasi dijadikan sebagai satu platform untuk menguji keupayaan elemen watak dan perwatakan melalui cerita rakyat dalam golongan kanak-kanak malahan ianya sangat dekat dengan gaya kehidupan kanak- kanak pada era ini dan mampu menarik perhatian kanak-kanak terhadap naratif lisan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji bagaimana media animasi memberi kesan atau keberkesanan melalui cerita rakyat terhadap golongan kanak-kanak. Tambahan pula, kajian ini membataskan penggunaan lima naratif lisan dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* Seterusnya, kaedah kepustakaan dan teks digunakan dalam metodologi kajian serta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu iaitu menggunakan pendekatan gunaan agar hujahan lebih mantap dan lengkap. Kesimpulannya, hasil kajian menyatakan bahawa cerita rakyat mampu diperkenalkan dengan lebih efisien kepada kanak-kanak dan remaja berpandukan perkembangan teknologi terkini seperti medium animasi kerana mereka terdedah



FYP FTKW

dengan kecanggihan teknologi yang moden.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021) menerusi kajian *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang kedudukan naratif lisan semakin rendah di mata pembaca kerana mereka berpendapat bahawa naratif lisan hanyalah rekaan dan tidak mengandungi aspek nilai moral dalam membentuk keperibadian diri yang baik dalam kalangan masyarakat. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan. Di samping itu, reka bentuk kualitatif merangkumi kaedah kepustakaan dan teks serta Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan sebagai deduktif kajian untuk menyempurnakan kajian ini. Dalam kajian ini, telah menggunakan naratif lisan dalam teks koleksi 366 cerita rakyat Malaysia sebagai batasan kajian supaya kajian ini lebih terperinci. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa pembentukan adat mampu dipupuk melalui penghayatan terhadap naratif lisan kerana ianya padat dengan warisan kebudayaan dan nilai ketamadunan yang tinggi serta perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) berdasarkan kajian yang berjudul *Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa.* Cerita rakyat merujuk kepada sastera rakyat yang melaksanakan penyampaian secara lisan iaitu dari mulut ke mulut berdasarkan pandangan Abu Bakar Hamid (1976). Penyelidikan ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai positif dalam sastera rakyat di Kelantan sebagai medium didaktik kepada golongan desa. Perspektif kualitatif diaplikasikan dalam kajian menerusi kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual yang dilaksanakan di Pasir Mas, Kelantan untuk memperoleh data yang lengkap serta mendapatkan informasi dan cerita rakyat dari mulut ke mulut antara pengkaji dengan penglipur lara. Tambahan pula, pengkaji juga menggunakan kaedah rakaman untuk merakam audio dan video dijadikan alat bantuan untuk mendengar semula penceritaan serta proses mencatat dan menyaring cerita rakyat di Tumpat, Kelantan untuk menyempurnakan penyelidikan. Prinsip hubungan karya dengan khalayak yang terkandung dalam Teori Takmilah dijadikan sebagai deduktif kajian kerana sastera dengan khalayak memiliki satu perhubungan mengetengahkan berkaitan pendidikan, dakwah dan banyak lagi. Secara kesimpulannya, kajian ini mempamerkan cerita rakyat amatlalh bersesuaian dijadikan alat didaktik kepada golongan desa kerana sarat dengan nilai-nilai murni dan mampu membentuk masyarakat yang bersifat pemaaf, bersyukur dan merendah diri.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi kajian *Fenomena Sosial Dalam Certa Rakyat Melayu Di Tumpat, Kelantan Satu Penelitian Takmilah*. Mohd Taib Osman (1989) menyatakan bahawa cerita rakyat yang disampaikan untuk setiap generasi menerusi penyampaian dari mulut ke mulut dan khazanah milik bersama untuk masyarakat Melayu. Kini, segelintir masyarakat menganggap cerita rakyat hanyalah hiburan dan tiada faedahnya. Oleh itu, pelaksanaan kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat dalam cerita untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat



FYP FTKW

mengenai impak positif fenomena sosial. Kaedah kepustakaan dan kajian lapangan berbentuk temu bual merupakan kerangka panduan bagi kajian ini. Seterusnya, kajian ini mengehadkan penggunaan satu prinsip Takmilah iaitu hubungan karya dengan khalayak bagi melengkapkan kajian secara terperinci dan tepat serta hanya menggunakan tiga cerita rakyat sahaja seperti *Pertandingan Rebana, Kubu Jepun* dan *Penghulu dan Pencuri.* Jelaslah berdasarkan dapatan kajian yang dipaparkan membuktikan fenomena sosial menerusi cerita rakyat di Tumpat, Kelantan memberikan impak yang positif kepada masyarakat dalam membentuk akhlak dan jati diri.

Seterusnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajian *Kawalan Sosial dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan.* Cerita rakyat memiliki kemampuan untuk mengawal aspek sosial disamping menyampaikan hiburan. Mohd Sufiean Hassan (2018) kawalan sosial merujuk kepada pendidikan tidak formal yang berperanan untuk membentuk keperibadian masyarakat. Kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis kawalan sosial menerusi cerita rakyat di Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini melaksanakan kaedah kualitatif melibatkan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan menerusi temu bual. Selain itu, kajian ini berfokuskan kepada penggunaan prinsip Takmilah iaitu hubungan karya dengan khalayak sebagai insan Kamil dan merujuk kepada tiga cerita rakyat sahaja antaranya ialah *Bunut Mengeluarkan Susu, Kereta Api Di Kampung Terpencil* dan *Ulamak Agama Di Slow Machang* bagi menyempurnakan kajian. Kesimpulannya, kawalan sosial mampu memaparkan dan mengetengahkan unsur positif yang terkandung dalam cerita rakyat untuk memberikan satu didikan kepada masyarakat untuk membentuk peribadi yang baik.



FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) berdasarkan kajian *Perwatakan Protagonis Dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak.* Cerita rakyat diperkenalkan kepada masyarakat menerusi penyampaian secara lisan yang diwarisi turun temurun. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis watak protagonis dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Penelitian ini berbentuk kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan agar memperoleh maklumat yang tepat dan benar. Bagi temu bual, pengkaji telah menemui Encik Mohd Nawi Yaacob untuk mendapatkan cerita rakyat kerana beliau merupakan seorang penglipur lara. Prinsip hubungan khalayak dengan karya yang terkandung dalam Teori Takmilah telah diaplikasikan dalam kajian ini dan menggunakan empat cerita rakyat di Tumpat, Kelantan sebagai batasan kajian agar lebih berfokus. Antara cerita rakyat yang dipilih ialah *Penghulu dan Pencuri, Kapal Tujuh Pengembara, Sungai Ketapang* dan *Tok Ayah Sin.* Kesimpulannya, cerita rakyat sangat mengutamakan nilai-nilai positif seperti nilai pemaaf, bertanggungjawab yang ditonjolkan dalam perwatakan protagonis dalam setiap cerita rakyat terpilih.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajian *Unsur Islam Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Prinsip Sastera Dengan Ilmu.* Cerita rakyat merujuk kepada kisah yang disampaikan dalam pengucapan lisan yang diwarisi oleh nenek moyang yang mengandungi unsur hiburan, nasihat dan memberikan faedah kepada masyarakat. Pelaksanaan kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur Islam dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Kajian ini membataskan kepada penggunaan prinsip sastera dengan ilmu untuk menganalisis unsur Islam dalam lima buah cerita rakyat iaitu *Pulau Jong, Tujuh Buah Rumah, Langgar Pantang, Sungai Ketapang* dan *Kemurahan Hati Che Yakob.* Jelaslah bahawa cerita rakyat menerapkan nilai pedoman kepada masyarakat untuk membentuk jati diri muslim yang berilmu.



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi dan Nordiana Ab. Jabar (2022) yang bertajuk *Kisah Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak.* Cerita binatang adalah salah satu sastera rakyat yang menyampaikan teladan yang berfaedah kepada kanak-kanak. Tambahan pula, kanak-kanak menggemari cerita yang melibatkan perwatakan dari haiwan seperti Sang Kancil yang mampu memberikan gambaran mengenai sikap manusia yang cekap dan bijak dalam menjalani kehidupan. Dua objektif telah dikemukakan bagi menjalankan kajian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis penerapan nilai budaya tinggi dalam cerita rakyat. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu melaksanakan analisis cerita rakyat animasi. Kajian ini membataskan penggunaan cerita Sang Kancil dan Harimau serta mengaplikasikan pendekatan moral untuk memperoleh maklumat yang padat dan berfokus. Secara ringkasnya, kajian ini menampilkan nilai budaya seperti bijaksana, tolong-menolong, berani dan baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat. Dengan ini mampu memberikan pengajaran kepada kanak-kanak untuk mempelajari dan mencontohi nilai budaya yang ditampilkan menerusi watak Sang Kancil.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi kajian *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral.* Nilai kemanusiaan perlu diterapkan dalam diri manusia untuk membentuk satu etika yang baik seperti menjaga kebajikan masyarakat setempat dan memupuk keharmonian. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kajian lapangan diguna pakai untuk memperoleh maklumat dengan lebih jelas. Penyelidikan ini membataskan kepada pengaplikasian pendekatan moral dan pemilihan empat cerita rakyat yang berjudul *Tok Ayah Semian, Persaingan Dua Putera, Kesaktian Nenek Tua* dan *Penunggu Binjai* menerusi kaedah temu bual yang



FYP FTKW

dilaksanakan dengan seorang penglipur di Kota Bharu iaitu Encik Long Mohamad agar data yang diperoleh dengan tepat. Tuntasnya, dapatan kajian membuktikan bahawa pengajaran dan nasihat boleh disampaikan kepada golongan kanak-kanak menerusi penerapan nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat dengan penyampaian ini mampu memelihara kedudukan cerita rakyat dan melahirkan kanak-kanak yang berperilaku baik.

Kajian yang dilaksanakan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk *Kajian Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Pendidikan moral adalah satu cara untuk mendidik golongan muda membentuk keperibadian yang mulia. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan membincangkan tentang pendidikan moral dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dengan kajian lapangan dengan menemu bual seorang penglipur lara di Bachok iaitu Encik Muhd Rawi untuk melengkapkan maklumat kajian. Selain itu, mengaplikasikan Falsafah Pendidikan Negara serta membataskan penggunaan tiga cerita rakyat sahaja. Kesimpulannya, penyampaian cerita rakyat padat dengan nilai-nilai moral mampu mengubah keperibadian seorang kanak-kanak untuk menjadi yang lebih baik seperti memiliki sifat yang berdikari, sentiasa berterima kasih dan bertanggungjawab.



FYP FTKW

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi kajiannya *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja* membahaskan tentang perkembangan kepemimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja dicetus melalui penerapan interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat. Kajian ini dijalankan kerana terdapatnya kelompongan pada kajian lepas iaitu penyelidikan berkaitan interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat kurang pendedahan. Interaksi sosioekonomi berdasarkan cerita rakyat Kilatan Emas diteliti berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini mengehadkan penggunaan cerita rakyat dalam karya *Kilatan Emas* yang berfokuskan kepada aspek kepimpinan. Pendekatan kemasyarakatan merupakan salah satu dari Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan. Penghasilan satu kajian yang lengkap memerlukan pengaplikasian kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan lapangan. Rumusan kajian, aspek kepimpinan yang ditampilkan dalam cerita rayat bertajuk *Kilatan Emas* mampu membentuk interaksi sosioekonomi dalam diri kanak-kanak dan remaja.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memperihalkan tentang kebanyakan masyarakat di Kelantan kurang mendapat pendedahan bahawa cerita legenda mengandungi nilai-nilai murni yang tinggi bahkan pada pemikiran mereka cerita legenda hanya dipenuhi dengan fantasi dan khayalan serta dihasilkan sekadar hiburan kepada masyarakat. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selain itu, deduktif kajian yang telah diaplikasikan dalam penyelidikan ini adalah kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan lapangan yang berbentuk temu bual dan analisis kajian. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, konsep rohani telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini agar analisisnya lebih padat dan mantap. Hasil kajian menjelaskan nilai-nilai positif



FYP FTKW

yang dipaparkan dalam cerita legenda memberikan banyak pedoman kepada golongan masyarakat agar menjadikan sikap tersebut sebagai salah satu amalan dalam kehidupan yang mampu membangunkan masyarakat yang berakhlak baik dan bertamadun.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari dan Nasirin Abdillah (2022) melalui kajian *Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan* membincangkan tentang cerita rakyat semakin dilupakan oleh masyarakat kerana mereka menyatakan bahawa cerita rakyat hanyalah hiburan bahkan tiadanya nilai-nilai murni yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian. Kini, penyelidikan terhadap cerita rakyat di kalangan para sarjana semakin meningkat. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menegaskan bahawa cerita rakyat adalah satu karya sastera yang patut dipelihara dan memiliki warisan kebudayaan Melayu yang tinggi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memastikan setiap dialek dalam naratif lisan di Kelantan memiliki keistimewaan dan berupaya menyebarkan nilai yang positif kepada masyarakat. Melalui penyelidikan ini juga mampu memelihara keistimewaan dialek dan menampilkan perbezaan dalam setiap cerita rakyat. Seterusnya, sebelas naratif lisan Melayu yang dikumpulkan di Bachok, Kelantan telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini disempurnakan dengan penggunaan kaedah kualitatif serta pendekatan kemasyarakatan turut diaplikasikan bagi melengkapkan hujahan yang padat. Kesimpulannya, kajian ini mampu mengemukakan keunikan dialek Kelantan dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan secara terperinci telah membuktikan masyarakat dahulu mengamalkan nilai-nilai murni dalam membentuk ketamadunan masyarakat.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.3 Pengkajian Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu

Johari Bin Yahaya (2015) menerusi kajiannya *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu.* Pantun adalah puisi tradisional yang masih popular dalam kalangan masyarakat jika dibandingkan dengan seloka, gurindam dan syair. Tiga objektif ditentukan untuk melaksanakan kajian ini iaitu mengenal pasti peribahasa Melayu yang terdapat dalam teks Pantun Peribahasa Melayu (1968) secara mendalam khusus mendekati falsafah pemikiran orang Melayu tradisional yang begitu unik dan melampaui masa dan zaman, menganalisis tentang kearifan tempatan serta kemahiran dalam bidang daya cipta yang dinamik dan kreatif yang diwarisi oleh bangsa Melayu tradisional, antaranya pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat dikesan dan membincangkan tentang nilai murni, nilai-nilai kemelayuan, sosial budaya masyarakat Melayu lama yang terkandung dalam pantun-pantun peribahasa di dalamnya terdapat pengajaran, tunjuk ajar sebagai panduan hidup yang baik yang diamalkan oleh masyarakat tradisional. Kajian ini menganalisis pantun peribahasa Melayu sebanyak 80 buah menggunakan kaedah rujukan teks. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan gunaan dan pendekatan moral telah digunakan bagi membuktikan kepakaran dan kebijaksanaan pemikiran bangsa Melayu. Secara rumusan, hasilnya menyatakan bahawa pantun sebagai satu keindahan yang mampu memartabatkan keperibadian diri termasuklah aspek kepercayaan, kebudayaan dan corak kehidupan malahan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu amat bersesuaian dalam kajian ini.



FYP FTKW

Zaitun Hassan (2015) melalui kajiannya terhadap *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Satu Penelitian Masyarakat Melayu* menyatakan tentang gambaran kehidupan masyarakat Melayu. Terkandung dua objektif pelaksanaan kajian ini seperti mengenal pasti dan menganalisis unsur alam yang digunakan dalam novel. Kajian ini memfokuskan terhadap penggunaan elemen alam yang terdapat dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* sahaja. Pendekatan firasat yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan bagi melengkapkan pengkajian dan ianya juga berpandukan kepada reka bentuk kajian kualitatif seperti kaedah kepustakaan sebagai kerangka utama. Hasil kajian menyatakan bahawa kehidupan manusia sentiasa dipengaruhi oleh ilmu firasat dalam sebuah perhubungan dan unsur alam juga sangat dekat dengan manusia kerana itulah Osman Ayub menerapkan unsur alam dalam karyanya.

Hashim Awang dan Hashim Ismail (2016) menerusi kajian *Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin* membincangkan tentang ciri jati diri yang diperoleh daripada sumber-sumber dalam teks tradisional Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri jati diri kepengarangan Melayu di dalam *Sulalat al-Salatin* melalui bentuk dan puitika minda pengarang Melayu dalam melestarikan hubungan antar-budaya. Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada hubungan antar-budaya yang diketengahkan dalam teks. Hashim Awang (1989) dan Muhammad Haji Salleh (1991) mengemukakan pendekatan dalam menganalisis kepengarangan Melayu. Muhammad Haji Salleh mengemukakan konsep Puitika Melayu sebaliknya Hashim Awang mengemukakan pendekatan Pengkaedahan Melayu. Kedua-dua pendekatan didapati penting bagi mengenal pasti minda pengarang Melayu. Hasil kajian memaparkan kaedah jati diri minda pengarang Melayu dalam menggambarkan imej antar-budaya.



FYP FTKW

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali dan Mohd Rosli Saludin (2016) menerusi kajian *Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu.* Mantera adalah satu karangan berangkap yang memiliki kemampuan untuk menghubungkan manusia dengan perkara-perkara ghaib. Pelaksanaan penyelidikan ini berpandukan kepada dua objektif iaitu mengenal pasti simbol yang terdapat dalam mantera dan menghuraikan fungsi simbol yang terdapat dalam mantera menurut kepercayaan orang Melayu. Penyelidikan ini membataskan bahawa untuk merungkaikan simbol dalam mantera menggunakan Teori Semiotik manakala mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat untuk mengemukakan perlambangan kepada akal budi orang Melayu menerusi perkataan dalam mantera. Seterusnya, buku *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* digunakan sebagai rujukan teks. Dapatan kajian memaparkan bahawa penggunaan simbol dalam mantera dilihat amatlah penting untuk menggambarkan kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu perkara dan mantera adalah cerminan kepada budaya masyarakat tradisi seperti simbol harimau melambangkan keberanian dan simbol gajah ditampilkan sebagai perlambangan kepada kebesaran dan kekuatan.

Noraini Abd Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016) dalam kajiannya *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* menyatakan tentang unsur alam iaitu padi menjadi satu perumpamaan kepada corak kehidupan masyarakat Melayu. Mengenal pasti tanda padi dan menganalisis makna tanda padi merupakan tujuan pelaksanaan penyelidikan ini. Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu, pengkaji telah membataskan untuk menggunakan pendekatan firasat dalam kajian ini sebagai satu kerangka teori yang membantu dalam melengkapkan analisis ditambah pula penggunaan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan. Secara ringkasnya, hasil kajian ini membuktikan bahawa unsur alam menjadi penanda dalam sebuah hubungan persaudaraan dan pembentukan masyarakat yang aman dan harmoni serta mampu mempengaruhi pembinaan akhlak



FYP FTKW

diri dalam kalangan masyarakat.

Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016) berdasarkan kajian *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* memperihalkan tentang kehidupan haiwan di dalam hutan dijadikan sebagai perlambangan terhadap budaya masyarakat Melayu. Seterusnya, *Hikayat Pelanduk Jenaka* menampilkan cara kehidupan dan kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dan mengemukakan interaksi sosial yang berlaku bagi merungkai perihal kemasyarakatan merupakan tujuan kajian ini dilaksanakan. Penulisan dalam kajian ini memanfaatkan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu dan kaedah kualitatif menerusi kaedah rujukan teks sebagai satu pendekatan kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa satu perhubungan antara alam dengan masyarakat disampaikan melalui perlambangan haiwan yang mampu menyebarkan nilai kerohanian serta menggalakkan penerapan unsur jenaka dan hiburan.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) dalam kajian yang bertajuk *Panerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu.* Cerita rakyat merupakan cerita yang tiada pemilik dan penyampaian yang sudah ditambah oleh penglipur lara agar ceritanya lebih menarik. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, kajian ini memfokuskan perincian terhadap nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam enam cerita rakyat. Maklumat ini diperoleh daripada kaedah kualitatif iaitu menggunakan sorotan pembacaan iaitu pengkaji membaca dan memahami teks sebanyak empat kali sebelum setiap unsur nilai dikemukakan. Pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan kerana sejajar dengan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat. Kesimpulannya, hasil kajian membuktikan bahawa pembentukan ketamadunan yang bermoral dan unggul perlulah



FYP FTKW

mengutamakan penerapan nilai-nilai murni malahan langkah yang efisien adalah menerusi penyampaian cerita rakyat kepada semua golongan.

Syaidul Azam Kamaruddin dan Arbai'e Sujud (2017) melalui kajian *Jati Diri Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini membincangkan tentang penerapan jati diri mampu membentuk ketatasusilaan dalam diri masyarakat Melayu kerana jati diri melambangkan sifat unik dan istimewa yang menjadi amalan sehingga kekal dalam diri sesuatu bangsa. Kajian ini berperanan untuk mengenal pasti dan menganalisis jati diri yang terdapat kumpulan puisi melalui tiga aspek iaitu aspek bahasa Melayu, agama dan budaya. Dalam analisis kajian ini telah melibatkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu seperti pendekatan gunaan, moral, firasat, dakwah dan kemasyarakatan serta reka bentuk kajian kualitatif telah digunakan bagi melengkapkan hujahan. Kajian ini memfokuskan terhadap pengkajian tiga aspek jati diri iaitu aspek bahasa Melayu, aspek agama dan aspek budaya. Selain itu, kajian ini membataskan pengkajian menggunakan dua puisi iaitu *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani* berdasarkan kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman. Penyelidkan ini menunjukkan bahawa pemantapan keperibadian diri mampu melahirkan satu permuafakatan dalam masyarakat Melayu.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizan Jamian dan Zubir Idris (2017) menjalankan kajian yang berjudul *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) berdasarkan Mujarrobat.* Istilah denyutan merujuk kepada pergerakan tubuh badan tanpa ada alasan yang tertentu namun masyarakat Jawa mempercayai bahawa setiap denyutan atau kedutan memberikan petanda sesuatu perkara akan berlaku dan mereka dinasihatkan untuk berwaspada, bersabar dan menerima segalanya dengan baik. Penyelidikan ini mengandungi dua objektif iaitu mengenal pasti bahagian badan yang mengalami kedutan (denyutan) dan memberi makna terhadap kedutan (denyutan) yang menjadi alamat atau petanda sesuatu



FYP FTKW

kejadian atau peristiwa yang bakal berlaku. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan pendekatan firasat yang diperoleh daripada Teori Pengkaedahan Melayu dan menggunakan kaedah tekstual yang bertujuan untuk menterjemah kitab dari tulisan Jawa dan Jawi kepada tulisan rumi. Hasilnya, kajian ini memaparkan kepercayaan yang menjadi pendorong kepada masyarakat Jawa agar berwaspada apabila berlakunya kedutan pada anggota badan.

Che Abdullah Che Ya (2018) melalui kajiannya *Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* merungkaikan kehidupan masyarakat pada zaman sebelum perang sehingga zaman kini berkaitan unsur kepercayaan dan keimanan yang menceburi dunia korporat. *Bedar Sukma* merupakan karya daripada Faisal Tehrani yang mengisahkan kehidupan masyarakat Melayu berpandukan kepercayaan, keimanan dan budaya masyarakat setempat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis novel ini berpandukan perspektif Pengkaedahan Melayu supaya makna dan maklumat berjaya disampaikan dengan lebih jelas walaupun secara tersurat atau tersirat. Kajian ini mengehadkan penggunaan pendekatan moral, firasat, dakwah dan kemasyarakatan untuk melengkapkan hasil dapatan. Selain itu, kaedah rujukan teks telah digunakan iaitu menggunakan teks *Bedar Sukma*. Secara rumusannya, hasil kajian menyatakan bahawa masyarakat Melayu dipengaruhi dengan tradisi seperti firasat dan mimpi walaupun mereka berpegang teguh kepada ajaran agama malahan kebergantungan mereka terhadap alam adalah tinggi.

Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) mengemukakan kajian yang berjudul *Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah.* Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sajak-sajak penyair terkenal dari Brunei iaitu Badaruddin yang berfokuskan kepada tema ketuhanan. Penganalisisan ini dilaksanakan merujuk kepada Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan dakwah. Berdasarkan kajian yang dijalankan membuktikan bahawa sajak-sajak yang ditulis oleh beliau sememangnya menerapkan



FYP FTKW

unsur keagamaan bahkan sangat memuji keagungan Allah SWT menerusi penggunaan gaya bahasa yang halus dan lembut agar kemurnian dan kesucian agama Islam dapat disampaikan dengan lebih jelas kepada pembaca.

Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Idris (2018) dalam kajiannya iaitu *Hikayat Nabi Adam Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan.* Manuskrip adalah tulisan Melayu lama dan ianya merupakan salah satu peninggalan bangsa yang berharga kerana membicarakan tentang kebudayaan, kepercayaan dan adat. Kajian ini mengutamakan penggunaan tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu dalam melengkapkan analisis. Selain itu, objektif pelaksanaan kajian ini untuk menganalisis nilai keislaman dan sejarah asal-usul Nabi Adam yang terkandung dalam hikayat yang berpandukan al-Quran dan hadis. Kaedah kepustakaan dan rujukan teks digunakan dalam kajian ini untuk mengumpulkan data. Rumusannya, hasil kajian menunjukkan bahawa teks ini mampu memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam kepada khalayak melalui pembacaan karyanya.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2018) menerusi kajian yang bertajuk *Introspeksi dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* membincangkan tentang introspeksi ataupun dikenali sebagai muhasabah diri yang menjadikan cerminan terhadap perubahan diri yang memiliki perhubungan dengan pemikiran. Penyelidikan ini dilaksanakan dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui penggunaan pengkaedahan keagamaan. Selain itu, analisis introspeksi dalam puisi-puisi oleh Zaen Kasturi dikemukakan melalui tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Kesimpulannya, dapatan kajian menyatakan bahawa perwatakan Nabi Muhammad merupakan tokoh yang memiliki sifat yang terbaik dan unggul mampu menampilkan aspek introspeksi dan memberikan banyak kesedaran dalam muhasabah diri.



FYP FTKW

Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019). *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini menjelaskan tentang permasalahan dalam sebuah keluarga yang mampu menimbulkan isu keagamaan. Seterusnya, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji perubahan kehidupan manusia seperti manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran berpunca dari keutuhan dan impak dakwah yang diamalkan dalam diri. Pendekatan dakwah yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian ini untuk menganalisis pengaruh dakwah dalam pembentukan corak kehidupan masyarakat. Secara rumusannya, hasil kajian memaparkan bahawa perkembangan agama Islam semakin meningkat dalam kalangan masyarakat bermula sejak wujudnya pendakwahan kerana penyebaran agama Islam lebih mudah untuk disebarkan dalam komuniti.

Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) berdasarkan kajian yangbertajuk *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* membincangkan Surah Luqman diketengahkan dan diterapkan dalam pendidikan kanak-kanak bagi mengembangkan pembentukan sahsiah diri. Objektif kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis pendidikan anak-anak melalui pembelajaran Surah Luqman serta menerapkan pendidikan berpandukan al-Quran dalam mendidik anak-anak. Novel *Ayahanda* (1997) karya nukilan Azizi Haji Abdullah dianalisis dengan lebih lengkap menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan. Rumusannya, keputusan yang dipaparkan menyampaikan bahawa pendidikan melalui Surah Luqman memberikan impak yang positif kepada pertumbuhan pendidikan anak-anak bahkan mereka perlu didedahkan dengan pembelajaran berteraskan al-Quran supaya pembentukan dari aspek jasmani dan rohani yang seimbang.



FYP FTKW

Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) dalam *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.* Cerpen merujuk kepada cerita pendek iaitu satu bentuk prosa yang memiliki satu tema dan plot ringkas. Dua objektif yang menjadi dasar kepada kajian iaitu mengenal pasti dan membahaskan kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam cerpen terpilih. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpulkan data. Seterusnya, terdapat beberapa batasan dalam kajian ini seperti pengkaji hanya merungkaikan permasalahan yang berlaku dalam cerpen *Bidadari Burung* dan pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan sebagai deduktif kajian. Jelaslah, dapatan kajian telah membuktikan segala permasalahan yang berlaku mampu diselesaikan apabila mereka menerapkan ajaran Islam dengan tepat dan baik.

Osman Ayob, Roslan Chin dan Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) menerusi kajian *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I.* dan kajian ini tertumpu kepada dakwah dalam masyarakat di mana mereka semua ini mempunyai nilai hati budi yang tinggi serta ada tatasusila hidup mereka sendiri. Kajian ini menampilkan bahawa cerpen-cerpen terpilih dianalisis melalui pendekatan dakwah yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Cerpen-cerpen terpilih oleh Rejab F.I. adalah berkait rapat dengan aspek kemanusiaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu yang mempunyai keteguhan ajaran dan suruhan Allah SWT saling berkait dengan prinsip yang digunakan oleh pengkaji seperti takwa, keadilan, ilmu dan taubat.

Nur Safiah Mohd Zakir (2020) menerusi kajian *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntaian Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.* Cerpen adalah satu karya sastera moden yang terawal diperkenalkan berbanding novel, drama dan esei. Kajian ini mengemukakan objektif yang dijadikan teras pelaksanaannya iaitu mengenal pasti



FYP FTKW

serta merumuskan dan membincangkan nilai-nilai keislaman yang terkandung dalam cerpen. Kajian ini memfokuskan penggunaan lima cerpen dalam *Seuntaian Rindu Firdaus* seperti cerpen *Dialog Dua Perempuan, Mencari Syawal, Telur, Rindu Firdaus* dan *Rindu Berkampung.* Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan dalam kajian ini. Tegaslah bahawa nilai-nilai Islam yang ditampilkan dalam cerpen ini mampu mendedahkan mesej dan pengajaran kepada masyarakat agar mendidik diri menjadi seorang insan yang bertakwa.

Hadijah Johar, Nor Shahida Mohd Shaker dan Farra Humairah Mohd (2020) menerusi kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah.* Pelaksanaan kajian bagi mengemukakan unsur-unsur dakwah yang wujud dalam cerpen serta mengetengahkan isu-isu semasa berdasarkan pengalaman hidup masyarakat. Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis elemen dakwah dalam cerpen serta menilai kemampuan cerpen ini dalam menepati status sebagai dokumen dakwah berpandukan konsep dakwah dalam al-Quran. Seterusnya, kajian ini juga mengehadkan penggunaan tiga cerpen sahaja daripada 18 cerpen yang terkandung dalam cerpen *Melamar Rindu* antaranya cerpen *Gangguan, Doanya Termakbul* dan *Menimba Penawar* serta hanya pendekatan dakwah yang digunakan daripada keenam-enam pendekatan kerana paling tepat dengan kajian. Kesimpulannya, hasil kajian memaparkan hubungan masyarakat Melayu-Islam dengan agama dan kepercayaan yang diketengahkan melalui manusia dengan agama, perbezaan pandangan agama Kaum Muda-Kaum Tua dan manusia dengan kepercayaan khurafat serta cerpen ini bersesuaian untuk menyebarkan dakwah.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2020) menerusi kajian yang bertajuk *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan.* Novel merupakan prosa yang memiliki elemen utama seperti plot, watak dan perwatakan, tema dan latar. Selain itu, kajian ini



FYP FTKW

membincangkan bahawa sastera mampu mengemukakan permasalahan remaja bukan sahaja perihal cinta. Novel *Atukku Pejuang, Bening Mata Seorang Dia* dan *Melakar Sinar* merupakan novel dipilih untuk menganalisis dan merumuskan kedinamikan citra masyarakat terutamanya generasi muda. Seterusnya, untuk mengukuhkan lagi analisis kajian pengkaji telah memilih pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk diguna pakai manakala kerangka panduan pula menggunakan kaedah kualitatif untuk menyempurnakan kajian. Tegaslah, novel-novel remaja yang terpilih mengemukakan nilai-nilai yang baik dan memaparkan nilai kebudayaan yang diamalkan dalam kehidupan yang boleh dijadikan sebagai satu landasan untuk menjadi insan yang berguna.

Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad (2021) melalui kajian *Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'* membincangkan nilai-nilai murni amat diperlukan dalam pembentukan diri manusia. Penyelidikan ini berperanan untuk memerhati dan menghuraikan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seorang isteri berpandukan manuskrip MSS307 iaitu *Hikayat Saerah Dengan Suami*. Dalam kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kualitatif merangkumi kajian kepustakaan. Selain itu, pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan untuk mengkaji dan mentransliterasikan teks manuskrip dalam tulisan jawi ke rumi serta mengemukakan nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks. Selain itu, kajian ini mengehadkan kepada penggunaan *Hikayat Saerah Dengan Suami* sebagai fokus utama. Mengamalkan perbuatan yang baik seperti beradab ketika bercakap dengan suami merupakan nilai-nilai murni yang dapat dilihat dalam diri seorang isteri. Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai murni yang wujud dalam diri manusia mampu membentuk perlakuan yang baik dalam menjalinkan satu perhubungan dengan manusia.



FYP FTKW

Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021) menerusi kajian *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* membincangkan tentang nilai kepahlawanan yang ditampilkan dalam cerita rakyat (tangon) bagi suku Kimaragang di Sabah. Tangon adalah cerita rakyat bagi suku Kimaragang dan salah satu warisan tradisi yang diperturunkan dari generasi ke generasi sehingga kini. Reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian berpandukan kaedah kajian lapangan dan temu bual dalam mendokumentasikan tangon. Tambahan pula, Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang diaplikasikan dalam kajian ini iaitu menggunakan pengkaedahan alamiah bagi menganalisis nilai-nilai kepahlawanan dalam tangon. Hasil kajian membuktikan bahawa nilai-nilai kepahlawanan diterapkan dalam kehidupan suku Kimaragang seperti berani, rela berkorban dan bersemangat juang agar memperolehi kehidupan yang aman, harmoni dan sejahtera serta mengekalkan warisan dan sosiobudaya di Sabah.

Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin, Halis Azhan Mohd. Hanafiah dan Haliza Abdul Rahman (2021) melalui kajian yang berjudul *Peranan Sastera dalam Masyarakat Melayu Harian dalam Novel Seorang Tua Di Kaki Gunung Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu.* Sastera dan kehidupan memiliki satu hubungan yang tidak mampu untuk dipisahkan kerana kedua-duanya saling memerlukan untuk mengembangkan pemikiran masyarakat dalam memperoleh kesejahteraan hidup. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis peranan karya sastera dalam kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, kajian kualitatif turut digunakan dalam penyelidikan ini. Analisis yang dilakukan terhadap kajian ini adalah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pengkaji menggunakan keenam-enam pendekatan untuk merungkaikan segala sumbangan sastera dalam kehidupan manusia. Kesimpulannya, penyelidikan ini memaparkan bahawa karya sastera berperanan penting dalam kehidupan manusia sekali gus manusia juga memerlukan sastera untuk mengorak langkah untuk melahirkan manusia yang hidup dalam keadaan harmoni dan



FYP FTKW

sarat dengan nilai kasih sayang antara keluarga.

Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajiannya *Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan perihal undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Tumpuan kajian terhadap adat perpatih di Negeri Sembilan adalah tinggi jika dibandingkan dengan adat dalam teromba melalui Teori pengkaedahan Melayu. Oleh itu, pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam melaksanakan penyelidikan ini. Namun kajian ini menjelaskan bahawa teromba menjadi salah satu alat yang melambangkan amalan dan budaya hidup masyarakat Negeri Sembilan. Selain itu, kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kajian ini mengehadkan penggunaan teks yang dihasilkan oleh Mohd Rosli Saludin yang bertajuk *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih* dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Metodologi kajian yang telah digunakan adalah reka bentuk kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Nilai kebudayaan dalam masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan dapat dibentuk melalui penerapan adat dalam teromba kerana mereka mampu memahami dan mengamalkan adat tersebut. Kesannya, adat dalam teromba mampu membina serta mengekalkan kebudayaan dan jati diri masyarakat serta menyatakan peranan karya sastera untuk menyampaikan dakwah, motif pendidikan, fungsi hiburan dan sebagai kritikan sosial. Dapatan menunjukkan bahawa lima daripada enam pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat, moral, dakwah, kemasyarakatan dan seni digunakan untuk menganalisis aspek tekstual dan konseptual berpandukan tiga buah cerpen iaitu *Perempuan Kerudung Hitam, Di Makkah Ada Politik dan cerpen Pemberian Yang Ditolak.* Tuntasnya, Teori Pengkaedahan Melayu berkeupayaan memperlihatkan kekuatan dan sikap intelek seorang pengarang untuk menghadirkan



FYP FTKW

unsur-unsur keislaman dalam ketiga-tiga buah cerpen berdasarkan naratif penciptaannya.

Sara Beden (2021) menerusi kajiannya yang bertajuk *Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya Dalam Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam.* Cerpen ini merupakan sebuah kumpulan cerpen nukilan Suratman Markasan. Beliau adalah karyawan ternama Singapura dan menghasilkan karya dengan mengetengahkan lakaran latar, persoalan dan gerakan naluri watak-watak. Kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan pembacaan teks merupakan reka bentuk kajian yang diguna pakai dalam penyelidikan ini dan membataskan kepada penggunaan tiga cerpen iaitu *Perempuan Kerudung Hitam, Di Makkah Ada Politik* dan *Pemberian yang Ditolak* serta mengaplikasikan keenam-enam pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk menyempurnakan analisis. Kesimpulannya, cerpen dan kesemua karya sastera yang digarap oleh penulisnya mampu memberikan pengalaman, pengetahuan dan nilai-nilai keislaman dan keagamaan kepada masyarakat.

Sara Beden dan Nur Aisyah Shahira Naimon (2021) melalui kajian *Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu* menjelaskan tentang nilai-nilai murni dan nilai keagamaan dalam *Gapura Iman* mampu mengembangkan tahap keimanan dan ketakwaan kepada khalayak. Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti pesanan-pesanan keagamaan dalam novel. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam kajian sebagai kerangka utama. Selain itu, novel *Gapura Iman* mengandungi keenam-enam pendekatan iaitu tiga pendekatan dari pengkaedahan alamiah seperti pendekatan gunaan, moral dan firasat manakala pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni dari pengkaedahan keagamaan. Kaedah kualitatif merupakan reka bentuk kajian yang diguna pakai dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa memupuk khalayak untuk taat kepada pencipta melalui pesanan yang berunsur keagamaan yang disampaikan.



FYP FTKW

Sara Beden dan Nur Haifa Rosle (2021) menerusi kajian yang berjudul *Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini membincangkan tentang peranan karya sastera yang banyak menyampaikan pesanan-pesanan yang baik termasuklah aspek keagamaan, moral dan estetika. Objektif kajian dijalankan supaya berlangsungnya pengkajian yang mampu menyerlahkan kewujudan pesanan berteraskan keagamaan kepada pembaca seperti yang terkandung dalam teks. Sebuah teori telah diaplikasikan bertindak sebagai prinsip untuk menyempurnakan lagi hujahan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkajian aspek tekstual dan kontekstual dalam teks telah dibantu dengan penggunaan reka bentuk kajian kualitatif. Kesimpulannya, hasil kajian memaparkan bahawa dalam novel *Penenun Cinta* amatlah padat dengan pesanan keagamaan serta novel ini sesuai digunakan sebagai medium perkongsian pesanan dakwah.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan (2021) berdasarkan kajian *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi* membincangkan tentang media animasi dijadikan sebagai satu platform untuk menguji keupayaan elemen watak dan perwatakan melalui cerita rakyat dalam golongan kanak-kanak malahan ianya sangat dekat dengan gaya kehidupan kanak- kanak pada era ini dan mampu menarik perhatian kanak-kanak terhadap naratif lisan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji bagaimana media animasi memberi kesan atau keberkesanan melalui cerita rakyat terhadap golongan kanak-kanak. Tambahan pula, kajian ini membataskan penggunaan lima naratif lisan dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia.* Seterusnya, kaedah kepustakaan dan rujukan teks digunakan dalam metodologi kajian serta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu iaitu menggunakan pendekatan gunaan agar hujahan lebih mantap dan lengkap. Kesimpulannya, hasil kajian menyatakan bahawa cerita rakyat mampu diperkenalkan dengan lebih efisien kepada kanak-kanak dan remaja berpandukan



FYP FTKW

perkembangan teknologi terkini seperti medium animasi kerana mereka terdedah dengan kecanggihan teknologi yang moden.

Eiffa Yuhanis Roslan (2022) menerusi kajian *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989).* Kajian ini membincangkan tentang kepelbagaian unsur yang diterapkan dalam sesebuah naratif lisan. Terdapat dua objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan analisis hanya berfokuskan kepada 20 cerita rakyat yang terkandung dalam teks. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah, pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Hasil kajian membuktikan bahawa cerita rakyat kaya dengan unsur nilai yang mampu membentuk sahsiah diri dan menyalurkan pelbagai pengalaman dan nasihat yang boleh digunakan dalam kehidupan.

Maizatul Akma Shamsuddin (2022) menerusi kajian *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.* Naratif lisan merupakan karya yang sarat dengan nilai-nilai murni dan diwarisi kepada setiap generasi agar cerita rakyat terpelihara dan warisan budaya dapat dikembangkan. Seterusnya, kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan menganalisis unsur budaya dalam naratif lisan. Kajian ini juga membataskan pengkajian unsur budaya dalam 20 cerita yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sahaja dan hanya tiga pendekatan yang digunakan dari Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral, kemasyarakatan dan dakwah. Kaedah kepustakaan dan rujukan teks diaplikasikan sebagai deduktif kajian ini. Sebagai kesimpulannya, dipaparkan bahawa unsur budaya mampu mempengaruhi identiti seseorang sebagai pemangkin dalam membentuk masyarakat yang memiliki jati diri yang baik.



FYP FTKW

Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022) dalam kajian *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.* Berdasarkan kajian ini, cerita rakyat ditrakskripsi menjadi sebuah lagu rakyat. Kajian ini dilaksanakan untuk mengisi kelompongan berpandukan kajian lepas berkaitan tajuk ini. Selain itu, terdapat tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terkandung dalam lagu rakyat. Kaedah kualitatif digunakan untuk melengkapkan kajian menerusi kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Bagi rujukan teks pula, pengkaji memilih 11 cerita rakyat yang digunakan berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* serta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sebagai alat deduktif. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan menerusi lirik lagu yang dicipta mampu menyampaikan elemen nilai-nilai murni malahan dapat memberikan pendedahan kepada seseorang untuk mencipta sebuah lirik lagu yang padat dengan nilai yang baik dan berfaedah.

Nirhoshan Vharmhan Nair, Nor Aishah Alysa Azhar, Nur Diani Halim, Alyaa Ateerah Rosli, Syarah Aqilah Zulfakar dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022) dalam kajian *Nilai Moral dalam Filem Paskal Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.* Filem merujuk kepada filem yang menggunakan kamera dan visual yang bergerak untuk menampilkan plot penceritaan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem *Paskal* dan menganalisis kesan yang akan wujud melalui nilai-nilai moral yang terdapat dalam filem *Paskal* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Menerusi pengaplikasian teori ini pengkaedahan alamiah namun mengutamakan penggunaan pendekatan moral untuk mengkategorikan nilai-nilai moral yang dominan yang ditampilkan oleh watak utama sahaja sekali gus menggunakan satu filem tempatan sahaja iaitu filem *Paskal.* Hasilnya, kajian ini mampu mengetengahkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam



FYP FTKW

filem *Paskal* dan mampu diterapkan dalam kehidupan seharian seperti nilai baik hati, nilai kerjasama dan banyak lagi agar mampu memupuk masyarakat untuk lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas serta menyampaikan unsur patriotik amatlah penting dalam diri seseorang.

Seterusnya, *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* merupakan kajian yang dilaksanakan oleh Putri Nur Anis Balqis Yazik. Puisi adalah satu hiburan yang padat dengan nasihat bahkan disampaikan menerusi alunan rentak irama yang sama dengan syair. Menerusi kajian ini membincangkan tentang pembentukan akhlak dan pembangunan sahsiah serta tamadun manusia yang diketengahkan dalam puisi. Pengkajian ini bertujuan untuk mengisi kelompongan yang terkandung dalam kajian sebelum ini. Seterusnya, kajian memiliki dua objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam teks. Pengkaji juga mengehadkan penggunaan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kerana mengandungi pelbagai nilai-nilai murni yang mampu membentuk akhlak dan sahsiah diri. Reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks diketengahkan sebagai deduktif kajian. Selain itu, mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam teks iaitu pendekatan moral, kemasyarakatan dan dakwah turut digunakan dalam kajian ini. Hasilnya, transkripsi puisi Melayu merupakan penyumbang kepada pembentukan budaya masyarakat Melayu dan mampu memupuk perlakuan dan percakapan yang sopan agar membina seorang insan yang berjiwa murni.

Rabbyatul Adawiyah Che Hussin, Hakimah Syafiqah Abdul Latif, Ilya Maisarah Che Zakaria, Nur Hidayah Razman, Wan Siti Nur Aini Wan Noor Ajman dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022) menerusi kajian yang bertajuk *Nilai Kemanusiaan Dalam Filem Magika (2010): Satu Pengkaedahan Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989).* Filem ialah sebuah hasil produk teknologi, produk seni media



FYP FTKW

baru dan produk budaya siber. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis nilai kemanusiaan sesama masyarakat mengikut filem yang dipilih iaitu filem *Magika* yang mana ianya merupakan filem muzikal fantasi yang turut memaparkan pelbagai keadaan yang berlaku dalam konteks Melayu. Seterusnya, kajian ini mengaplikasikan teori mengikut prinsip Teori Pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan alamiah dan keagamaan untuk menganalisis nilai kemanusiaan secara terperinci dan lebih jelas serta mengehadkan satu filem sahaja iaitu *Magika* sebagai rujukan pengkajian. Kesimpulannya, nilai kemanusiaan memberikan impak positif kepada penonton dari pelbagai lapisan umur kerana ianya berbentuk kekeluargaan yang mempersembahkan larangan dan peringatan orang Melayu. Jelaslah bahawa nilai kemanusiaan yang ditampilkan dalam filem *Magika* menyampaikan impak yang positif yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

Nasha Azreena Mohd Jaihan, Nur Ainnul Humairah Mohd Yusoff, Dayang Nuraziemah Nooradik, Nurul Farisha Sudin, Siti Nur Zaahirah Mohd Jafri dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022) menerusi kajian *Unsur Kerohanian Dalam Filem Munafik Karya Syamsul Yusof: Analisis Pendekatan Dakwah.* Kajian ini membincangkan tentang  unsur kerohanian yang terkandung dalam filem *Munafik* karya Syamsul Yusof. Reka bentuk kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan rujukan teks telah dilaksanakan sebagai deduktif kajian untuk memperoleh unsur kerohanian yang dipaparkan dalam filem *Munafik*. Penyampaian nasihat dan pengajaran mampu disalurkan dan difahami dengan baik oleh masyarakat dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan serta pendekatan dakwah dipilih Melayu agar membentuk manusia yang memiliki tingkah laku yang baik. Tuntasnya, kajian ini berperanan untuk memaparkan masyarakat perlulah berdakwah agar menegakkan dan meneruskan legasi agama Islam serta membentuk jati diri yang baik.



FYP FTKW

Che Wan Muhammad Othman Che Wan Md Azam, Nur Ameliya Roslan, Nur Hanis Athirah Rosazlan, Nur Hanis Mohd Ramlee, Nurul Syazwani Farhana Mohd Isa dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022) menerusi kajian *Aspek Moral Dalam Novel Di Sebalik Dinara Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini membicarakan tentang aspek moral yang dapat digarap dalam novel *Di Sebalik Dinara.* Terdapat dua objektif dalam kajian ini iaitu mengenal pasti aspek moral secara tersurat dan tersirat dalam novel serta mengkaji aspek moral tersebut secara tuntas. Kajian membataskan kepada pengkajian unsur intrinsik seperti tema, persoalan dan watak perwatakan untuk mengkaji aspek moral serta berpandukan Teori Pengkaedahan Melayu manakala deduktif kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu adalah landasan yang bersesuaian untuk merungkaikan aspek moral dalam novel tersebut dan memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya bijak dalam melaksanakan sesuatu tindakan.

Mastura Othman (2022) berpandukan kajian yang dijalankan berjudul *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang novel *Srengenge* yang padat dengan nilai-nilai kemanusiaan yang dipaparkan kepada pembaca yang boleh dijadikan sebagai tauladan serta meningkatkan ilmu pengetahuan. Kajian ini berperanan untuk mengkaji dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Srengenge.* Di samping itu, pengkaji mengemukakan penggunaan satu novel sahaja iaitu novel *Srengenge*. Reka bentuk kualitatif diguna pakai dalam kajian untuk memperoleh maklumat serta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengukuhkan lagi pengkajian nilai-nilai kemanusiaan. Tamsilnya, kajian ini mendorong masyarakat untuk mengenali dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan agar terbentuk insan yang berperikemanusiaan.



FYP FTKW

Nor Sahara Mesman (2022) dalam kajiannya *Manifestasi Penciptaan Pantun Berlagu Dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang*. Siti Hajar Che Man (2013) menyatakan pantun berfungsi sebagai alat untuk merakam corak kehidupan dan kegiatan dengan mengeksploitasi unsur-unsur alam sebagai latar kepada persekitaran setempat. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pantun mengikut kategori identiti. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam penyelidikan ini menerusi keadah temu bual dan rakaman di mana seramai 40 orang responden telah ditemu bual di Bera dan Temerloh, Pahang untuk mengumpulkan data. Selain itu, penyelidikan ini juga mengehadkan empat kategori identiti seperti identiti keislaman, pembentukan akhlak, medium dakwah dan cerminan kehidupan masyarakat serta memfokuskan penggunaan pendekatan dakwah untuk menyempurnakan dapatan kajian ini. Jelaslah, dapatan kajian memaparkan bahawa pantun berlagu mendedahkan pengetahuan dan pengajaran kepada masyarakat untuk mendekatkan diri dengan Allah dan mendorong masyarakat untuk memahami lagu yang disampaikan.

Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek dan Sara Beden (2022) menerusi kajian *Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu.* Penghasilan karya sastera adalah gabungan pengetahuan, pengalaman dan penelitian seorang pengarang yang memiliki kreativiti dan imaginasi yang tinggi. Pelaksanaan penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis pesanan yang terkandung dalam novel *Arus Benua.* Penyelidikan ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis tekstual dan kontekstual teks sebagai deduktif kajian manakala untuk menyempurnakan lagi kajian keenam-enam pendekatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan untuk mengetengahkan mesej-mesej keagamaan. Kesimpulannya, dapatan kajian memaparkan bahawa nilai spiritual dan kemasyarakatan mempengaruhi pembentukan pemikiran dan jiwa watak-watak dalam novel *Arus Benua* sekali gus mendidik masyarakat untuk taat akan segala perintah Maha Pencipta.



FYP FTKW

Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan dan Lim Ying Xuan (2022) dalam kajian *Pendekatan Moral Dan Aplikasi Dalam Teks Kumpulan Drama Zaman Yang Mencabar Karya Agi.* Kajian ini membincangkan tentang isu-isu moral, nilai karya dan aspek didaktik serta mengetahui perkembangan pemikiran dan mesej yang disuburi oleh AGI dalam teks kumpulan drama. Penyelidikan ini telah mengaplikasikan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan mengehadkan kepada tiga prinsip iaitu aspek isi, aspek moral karya dan nilai karya dalam teks kumpulan drama *Zaman Yang Mencabar* karya Abdul Ghafar Ibrahim (AGI). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberhasilan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat apabila mereka berjaya berfikir dengan baik dan memberikan sumbangan kepada persekitarannya. Oleh itu, corak pemikiran mampu menyalurkan pesanan, falsafah dan nilai-nilai moral serta sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai pengajaran kepada generasi akan datang.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.4 Penutup

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menjadi satu kepentingan kepada pengkaji yang perlu dilengkapkan sebelum melangkah ke bab yang seterusnya. Dalam menyempurnakan kajian ini, sorotan kajian amatlah diperlukan untuk sumber rujukan serta mampu menambah baik kelompongan dari kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Selain itu, sorotan kajian memaparkan proses menghasilkan satu penyelidikan bukanlah mudah dan ianya memerlukan banyak sumber rujukan yang sahih. Ianya juga menjadi satu langkah awal yang berkesan dalam penulisan penyelidikan kerana pengkaji perlu mencari dan mendapatkan fakta terlebih dahulu sebelum melakukan proses seterusnya. Sorotan kajian mampu memberikan fokus terhadap penyelidikan. Dalam mengumpulkan data dan menghuraikan, pengkaji akan mengutamakan konteks yang penting mengenai kajian yang dilaksanakan berdasarkan kajian lepas daripada pengkaji yang terdahulu.

FYP FTKW

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

J. Supranto (1986) menjelaskan bahawa penyelidikan merupakan satu kegiatan mengumpulkan data dalam menganalisis data secara sistematik, teratur dan pengaplikasian langkah yang ilmiah untuk merungkaikan setiap persoalan dalam kajian yang dilaksanakan. Berdasarkan Kamus Dewan, Edisi Keempat, (2007:1230) metodologi menjelasan tentang satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam aktiviti, disiplin dan sebagainya. Tambahan pula, metodologi juga merupakan kaedah menjalankan penyelidikan terhadap sesuatu topik kajian mengikut kaedah yang teratur. Selain itu, metodologi merupakan satu kaedah yang sistematik serta memenuhi kehendak saintifik, ilmiah dan berkualiti tinggi. Pada bahagian ini, pengkaji akan menyenaraikan kaedah-kaedah dalam mengumpulkan data secara terperinci seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian dan pengaplikasian teori dalam kajian ini. Metodologi adalah satu langkah yang efisien untuk digunakan dalam menyelesaikan masalah secara terperinci.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan secara kajian kualitatif. Kaedah yang pengkaji telah pilih untuk mengkaji dan mengumpulkan data serta ianya merangkumi aspek kajian, strategi penyelidikan dan kaedah kajian. Selain itu, kaedah kualitatif bersifat deskriptif yang mampu merumuskan segala data yang diperlukan dalam kajian.



FYP FTKW

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan satu penelitian berkaitan hati budi Melayu dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Pengaplikasian kaedah kajian dalam penyelidikan melalui kaedah kualitatif. Penyelidikan ini terbahagi kepada dua pembahagian iaitu kaedah kepustakaan dengan kaedah rujukan teks untuk memperoleh data tambahan dan lebih lengkap.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji melaksanakan penelitian terhadap dokumen bercetak seperti buku-buku rujukan, jurnal, tesis dan buku-buku ilmiah juga digunakan oleh pengkaji untuk mentakrifkan makna sesuatu perkataan yang tidak difahami. Universiti Malaysia Kelantan menjadi salah satu perpustakaan yang digunakan untuk mendapatkan sumber rujukan dan maklumat yangdiperlukan bagi melengkapkan serta mengukuhkan kajian penyelidikan ini. Di perpustakaan ini, pengkaji memperoleh maklumat dari buku *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21* yang mengemukakan 26 komponen teras hati budi Melayu.

3.3.2 Kaedah Rujukan Teks

Kaedah rujukan teks telah dilaksanakan iaitu melaksanakan pembacaan terhadap teks yang digunakan berkaitan hati budi dalam cerita rakyat yang dijadikan fokus kajian. Seterusnya, berdasarkan rujukan teks juga berperanan untuk pengkaji mengetahui dan memahami aspek hati budi dalam cerita rakyat tersebut. Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya daripada Mohd Firdaus bin Che Yaacob yang merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Malaysia Kelantan yang mengajar kursus Kesusasteraan Warisan. Buku ini telah diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2021. Selain itu, pembahagian bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat merangkumi cerita



FYP FTKW

bertemakan cerita asal-usul, cerita mistik, cerita tokoh dan cerita binatang merupakan naratif lisan yang terkandung dalam teks. Secara keseluruhannya, dalam buku ini terkandung 51 buah cerita.

FYP FTKW

## 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Pada tahun 1989, Hashim Awang telah mengemukakan satu teori iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini berlandaskan kehidupan dan kebudayaan Melayu yang melambangkan bahawa masyarakat melayu memiliki daya pemikiran yang kreatif. Ketika itu, Teori Pengkaedahan Melayu merupakan salah satu teori yang baru dikemukakan berbeza dengan Teori Semiotik, Teori Stilistik dan banyak lagi yang sudah lama diguna pakai dalam penyelidikan malahan Teori Pengkaedahan Melayu lebih bersesuaian untuk mengkaji dan menganalisis karya-karya sastera Melayu.

Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah ini dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Begitu juga dengan pengkaedahan keagamaan terkandung tiga pendekatan di bawahnya iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, pengkaji telah memilih untuk berfokuskan kepada pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Penggunaan pendekatan ini kerana sejajar dengan tujuan kajian dan memberikan impak yang positif dalam kehidupan malahan ianya saling berkaitan antara satu sama lain.

Secara tuntasnya, Teori Pengkaedahan Melayu merupakan satu prinsip sastera yang berpandukan kepada alam dan kemasyarakatan yang mampu memartabatkan identiti dan jati diri bangsa Melayu. Hashim Awang menghasilkan karyanya yang tersendiri dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu mampu melambangkan kehidupan masyarakat yang kaya dengan warisan kebudayaan dan kepercayaan.



FYP FTKW

### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan alamiah adalah pengkaedahan yang pertama bercirikan corak kehidupan masyarakat. Memiliki tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Menerusi pandangan Zurinah Hassan (2005) menjelaskan bahawa kejadian atau penciptaannya memiliki faktor yang tertentu seperti tujuan pelaksanaan.




Carta 3.4.2: Pengkaedahan Alamiah

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

#### 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan menerusi perspektif oleh pengasas teori ini iaitu Hashim Awang pada tahun 2002 melambangkan tentang kemunculan objek alam yang memiliki peranan tersendiri dan bermanfaat untuk kegunaan kepada manusia. Selain itu, perkembangan aspek rohani dan jasmani juga mampu dipengaruhi oleh sastera kerana mempunyai fungsi yang meluas.

#### 3.4.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan moral bertunjangkan pengalaman hidup. Pendekatan moral dikemukakan kerana sastera dianggap sebagai objek alam yang melambangkan kejadian alam serta kehidupan alam. Oleh itu, pendekatan ini sangat dekat dengan pengalaman dalam kehidupan malahan mampu memberikan impak yang positif dalam kehidupan. Menurut Hashim Awang (1993) terdapat dua teras pengalaman iaitu peristiwa yang dilalui oleh manusia dan manusia dengan suasana persekitaran. Berpandukan dua teras ini, tingkah laku manusia dapat dinilai dari aspek positif dan negatif serta mampu dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat.

#### 3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat berhubungan dengan ilusi atau kata seerti adalah mimpi. Berdasarkan perspektif Hashim Awang dalam buku Koleksi Teori Sastera oleh Mana Sikana (2002) menjelaskan sastera memiliki istilah yang tersurat dan tersirat bahkan ianya juga dilambangkan sebagai satu imaginasi.



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan keagamaan pula berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. Sastera memainkan peranan dalam pengkaedahan ini seperti mempamerkan kebesaran Allah kepada khalayak. Justeru itu, nilai ketakwaan dalam diri juga mampu diperkembangkan dan ditambah baik. Pengkaedahan ini juga dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni.




Carta 3.4.3: Pengkaedahan Keagamaan

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

#### 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah merupakan pendekatan yang mempamerkan nilai takwa seorang umat kepada Allah. Keimanan yang utuh mampu membuktikan perwatakan manusia yang suci dan mengutamakan agama Islam yang mulia. Selain itu, pergolakan yang dialami dikendalikan dengan mengemukakan tema permasalahan. Sifat insan yang mulia dinilai melalui faktor watak dan perwatakan.

#### 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan amat mementingkan nilai kebaikan. Menerusi Hashim Awang (1994), menjelaskan tentang satu pendekatan yang merungkaikan persoalan situasi yang berlaku terhadap masyarakat bagi menegakkan keadilan dan menyumbangkan kebaikan. Selain itu, pendekatan ini mampu memaparkan satu hubungan kemasyarakatan.

#### 3.4.2.3 Pendekatan Seni

Pendekatan seni adalah satu pendekatan tentang persoalan dalam kajian yang melambangkan unsur keindahan dalam karya sastera. Selain itu, al-Quran dan al-Hadis memiliki keupayaan untuk mengemukakan nilai estetika dalam karya sastera. Berdasarkan pandangan Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa keterampilan unsur estetika dapat diperkembangkan melalui penelitian berpandukan pendekatan seni.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 3.5 Kerangka Konseptual




Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 3.6 Penutup

Kaedah kajian yang sistematik dan teratur memberikan impak yang penting untuk melaksanakan sesebuah kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, kualiti sesebuah hasil kerja berpandukan ketepatan pemilihan kaedah kajian. Selain itu, kaedah kajian yang digunakan haruslah bersesuaian dengan pemilihan objektif dan persoalan yang ditetapkan dalam kajian. Penelitian semua aspek dalam kajian ini juga diutamakan agar pemilihan metodologi kajian dapat ditentukan. Pengaplikasian metodologi dan kaedah yang dipilih akan menghasilkan data kajian yang ingin diperolehi. Seterusnya, apabila data kajian sudah diperolehi dan dikumpulkan maka setiap data akan dianalisis mengikut pembahagian bab iaitu analisis dan dapatan kajian. Bagi memperolehi hasil analisis yang lebih lengkap dan padat, Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian ini. Jelaslah, data yang telah dikumpulkan dalam penyelidikan ini dapat memperolehi informasi yang lengkap perihal hati budi Melayu dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Oleh itu, kaedah ini mampu menyebarkan maklumat kepada pengkaji dengan lebih tersusun.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

## 4.1 Pengenalan

Bab ini adalah bahagian untuk menerangkan dan menjelaskan dapatan kajian setelah pengenalpastian aspek hati budi menerusi kaedah kualitatif. Penggunaan kaedah ini berfungsi untuk mengumpul data dan bahan rujukan dalam kajian ini. Selain itu, bahagian ini juga, pengkaji akan menganalisis menerusi penghuraian secara deskriptif untuk mengenal pasti hati budi Melayu dan juga impak penerapan hati budi Melayu dalam cerita rakyat mempengaruhi kehidupan generasi kini. Di samping itu, menerusi bab 4 juga akan menerangkan secara terperinci teori yang diaplikasikan dalam kajian ini agar lebih mudah untuk difahami dan mampu disampaikan dengan lebih jelas. Berdasarkan cerita rakyat menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memaparkan hati budi Melayu berpandukan 26 komponen teras hati budi Melayu. Komponen hati budi Melayu mampu memberikan gambaran tentang keperibadian orang berpandukan pengalaman dan cara hidup yang ditempuhi oleh mereka. Dengan ini, memberikan tahap kefahaman yang lebih baik dan mampu digunakan untuk menghuraikan aspek hati budi Melayu dengan lebih efisien.



FYP FTKW

## 4.2 Komponen Teras Hati Budi Melayu

Pengkaji telah memperoleh dan merungkaikan bahawa terkandungnya 26 komponen teras hati budi itu berserta dengan pepatah dan puisi Melayu yang mendukungnya telah disimpulkan oleh Hashim Musa (2008) dalam satu kajian berkaitan hati budi masyarakat Melayu. Hati budi merupakan gabungan dua elemen iaitu akal dan kalbu yang memberikan tindak balas secara berintegrasi dalam diri seseorang dan ditampilkan menerusi perlakuannya atau keperibadiannya. Selain itu, Erich Fromm (1942) menjelaskan bahawa keperibadian sosial terdiri dari sifat dan perwatakan yang dibentuk menerusi pengalaman dan cara kehidupan mereka. Keperibadian sosial ini mampu menentukan cara seseorang untuk berfikir dan mengambil tindakan. Oleh itu, terdapat 26 komponen teras hati budi Melayu yang akan dipaparkan menerusi kajian tentang cerita rakyat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 4.3 Hidup Berteraskan Agama Islam

Kehidupan yang berteraskan agama Islam merujuk kepada masyarakat yang menjalani kehidupan berlandaskan ajaran al-Quran dan as-sunnah. Hal ini kerana, Islam sudah mengemukakan hukum-hakam sebagai peraturan dan batasan untuk manusia dalam melakukan sesuatu perkara. Ajaran agama Islam mendedahkan pengetahuan, kefahaman dan pengalaman dalam kehidupan sosial kepada manusia. Hashim Musa (2008) mengatakan agama Islam ialah panduan kehidupan yang dikurniakan oleh Allah SWT sebagai aturan kepada kehidupan manusia dan perlu dipelajari dan diamalkan sebagai fardhu ain. Hal ini kerana, hidup berteraskan agama Islam mampu melahirkan manusia yang beriman dan berakhlak mulia serta memanfaatkan kelebihan yang ada pada dirinya untuk kebaikan bersama. Rais Yatim (2015) menjelaskan bahawa kehidupan masyarakat dipengaruhi oleh persekitaran. Dengan ini elemen yang mereka miliki diamalkan dalam kelangsungan hidup dan mampu membentuk keperibadian mereka.

Mohd Shukri Salleh (1986) menegaskan bahawa pembangunan berteraskan Islam memerlukan pembangunan yang komprehensif yang terdiri dari sudut fizikal dan rohani serta Islam adalah nadi dalam membangunkan kemajuan negara dan masyarakat. Secara ringkasnya, untuk memperoleh keperibadian yang bermoral dan beretika dalam kehidupan maka manusia perlulah meletakkan hidup berteraskan agama Islam sebagai paksi dalam kelangsungan hidup. Seterusnya, Islam juga menggalakkan manusia menganut agama Islam agar mereka hidup dalam keadaan yang tenang dan sejahtera. Hassan Ahmad dan Aini Ahmad (2015) mengklarifikasikan pandangan mereka bahawa gaya hidup ialah sikap seseorang yang merangkumi tingkah laku dalam melakukan sesuatu perkara. Hidup berteraskan agama Islam ini merujuk kepada gaya hidup yang mengetengahkan prinsip-prinsip dalam kegiatan harian serta kemampuan manusia dalam melakukan amalan yang diperintah oleh Islam akan mendorong mereka hidup dalam kebenaran dan tidak melanggar peraturan



FYP FTKW

Islam. Kehidupan yang terbina dengan lebih aman dan sejahtera kerana setiap perkara yang dilakukan berlandaskan pegangan agama yang benar. Hidup berteraskan agama Islam ditampilkan menerusi sikap bertawakal dan sikap percaya kepada Allah SWT.

4.3.1 Hidup Berteraskan Agama Melalui Sikap Bertawakal

Sikap tawakal merujuk kepada kepercayaan, kebergantungan, berserah dan memohon segala pertolongan kepada Allah SWT. Al-Syarqawy (1987) menyatakan bahawa tawakal adalah kepercayaan dan keyakinan seorang Muslim terhadap setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan adalah bersandarkan kepada Allah SWT. Kepercayaan terhadap kekuasaan Allah SWT dalam menentukan takdir dan segala perkara dalam kehidupan kerana Allah SWT menguasai dan menakluki alam semesta adalah satu definisi sikap bertawakal menurut Anni Zulfianni Husnar (2017). Secara ringkasnya, bertawakal adalah sikap manusia yang berserah kepada Allah setelah segala usaha dan ikhtiar yang dilaksanakan serta menerima segala keputusan dengan berlapang dada.

Selain itu, Hamka (1990) menjelaskan bahawa sikap bertawakal adalah penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi di mana manusia berpegang teguh kepada Allah SWT, menyerah dengan sepenuh hati dan mempercayai bahawa ketentuan Allah yang terbaik. Perkara ini menyatakan bahawa apabila manusia menghadapi masalah Allah adalah tempat yang benar untuk meluahkan segalanya dan hanya pada-Nya tempat untuk memohon pertolongan demi memperoleh penyelesaian yang terbaik. Manusia yang bersikap tawakal sentiasa merasai bahawa segala yang dimiliki sentiasa mencukupi dan segala urusan dipermudahkan. Dengan ini, sikap bertawakal mendidik manusia untuk bergantung kepada pertolongan kepada Allah dan sentiasa bersabar serta berlapang dada untuk setiap ketentuan. Oleh hal yang demikian, pembentukan hati budi Melayu menerusi hidup berteraskan agama



FYP FTKW

Islam melalui sikap tawakal boleh dilihat dalam cerita *Keajaiban Si Kera Putih*:

> Petikan 1
> Haji Long Abdul Rahman bersumpah dengan nama Allah SWT kepada kera putih supaya tidak mengganggu urusan harian beliau. Beliau mengutarakan sumpahan dengan mengatakan:
> "Hai kera, dengan nama Allah SWT aku bersumpah mung jangan kacau aku nak duduk sini."
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 84)

Menerusi petikan 1 menjelaskan kehidupan Haji Long Abdul Rahman yang berteraskan agama Islam. Beliau sentiasa melakukan penghijrahan untuk mencari dan mendalami ilmu agama sehinggalah beliau tiba di negeri Kelantan. Beliau hairan apabila melihat kawasan semak-samun yang ditebas kembali tidak terurus kerana berlaku berulang apabila beliau bangun dari tidur. Oleh kerana itu, beliau bertekad untuk berjaga demi mencari penyelesaian kepada permasalahan tersebut. Kehidupan yang berteraskan agama Islam melalui sikap bertawakal ditampilkan dalam diri Haji Long Abdul Rahman apabila beliau bertindak meminta pertolongan kepada Tuhan agar kera putih tidak mengganggunya kerana beliau yakin bahawa kera putih adalah jelmaan jin. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa situasi ini memberi gambaran kepada generasi kini tentang sikap bertawakal dibentuk melalui kehidupan yang berteraskan agama Islam. Ia juga menunjukkan bahawa Haji Long Abdul Rahman percaya kepada ketentuan Allah SWT dan yakin akan doa yang dimohon akan dikabulkan bahkan beliau hanya bertawakal kepada Allah SWT atas kajadian yang berlaku di kampungnya. Jelaslah, cerita *Keajaiban Si Kera Putih* mampu memupuk generasi kini untuk mempunyai sikap yang baik demi membentuk insan yang penyabar dalam setiap dugaan yang menimpa.

Hashim Awang (2002) menyokong bahawa hidup berteraskan agama Islam melalui sikap bertawakal sejajar dengan pendekatan dakwah kerana mengetengahkan keagungan dan kemurniaan agama Islam serta menggalakkan orang lain untuk menghormati agama Islam. Contohnya, naratif lisan memberikan gambaran kepada



FYP FTKW

khalayak tentang sikap Haji Long Abdul Rahman yang hanya mengamalkan kebergantungan kepada Allah lantas mempercayai dan menerima segala ketentuan terhadap cabaran yang dihadapi dalam membangunkan penempatan yang aman dan harmoni. Munawir (1983) juga mengemukakan sokongan beliau bahawa sikap bertawakal merujuk kepada seseorang yang telah berserah dan mempercayai segala ketentuan kepada Maha Pencipta untuk merungkaikan segala masalah.

4.3.2 Hidup Berteraskan Agama Islam Melalui Sikap Percaya Kepada Allah SWT

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) mengetengahkan pandangan mengenai sikap percaya kepada Allah SWT merupakan perasaan berserah kepada kekuasaan Allah SWT sepenuh hati. Selain itu, manusia yang beragama Islam harus percaya bahawa dalam setiap musibah pasti ada kuasa. Seterusnya, hidup berteraskan agama Islam melalui sikap percaya kepada Allah SWT juga boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Disorok Jin*:

> Petikan 2
> Mereka mencari Ahmad di sekitar kampung, hutan belantara, sungai hingga ke pelosok kampung Namun tidak menjumpainya. Ibu Ahmad hanya menangis tersedu-sedu mengenangkan nasib anaknya yang hilang. Setelah beberapa hari, bapa Ahmad yang sudah gundah gulana pergi menemui tok imam bagi mencari ikhtiar yang lain. Tok imam berdoa kepada Allah SWT supaya memberikan jalan petunjuk dalam pencarian Ahmad.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 42)

Petikan 2 mengisahkan tentang Ahmad iaitu seorang kanak-kanak yang sangat nakal dan degil kerana dia tidak mendengar nasihat ibunya dan suka membuli kawannya. Pada suatu malam, Ahmad telah menyorokkan selipar kawannya dan bersembunyi di sebalik pokok besar yang tiba-tiba bergoncang kerana tiupan angin dalam jangka masa yang lama sehingga Ahmad terlena di pokok tersebut. Ahmad tidak pulang sejak pergi mengaji menimbulkan kebimbangan kepada kedua ibu bapanya dan menyampaikan kepada orang kampung untuk mencari Ahmad namun tidak dijumpai sehinggalah ayahnya menemui tok imam untuk meminta jalan



FYP FTKW

penyelesaian. Ahmad dijumpai dengan pertolongan dari Allah SWT setelah tok imam memohon doa petunjuk.

Menerusi cerita ini memaparkan bahawa masyarakat mengamalkan kehidupan yang berteraskan agama Islam seperti Ahmad pergi mengaji al-Quran walaupun tingkah lakunya sangat nakal dan tok imam percaya dengan kekuasaan Allah SWT malahan dia juga memohon pertolongan untuk meminta petunjuk supaya menemui keberadaan Ahmad yang berada dalam buluh. Tegasnya, berpandukan kepada ajaran agama Islam mendedahkan generasi kini tentang kesedaran terhadap perkara yang benar dan yang batil. Selain itu, penerapan hati budi Melayu mendorong generasi kini hidup dalam persekitaran yang harmoni dan tenteram sentiasa meletakkan kekuasaan Allah SWT sebagai keutamaan dalam semua perkara yang dilakukan. Cerita rakyat yang berunsurkan keagamaan perlu ditingkatkan kerana ianya satu alternatif yang terbaik untuk menyebarkan ajaran agama Islam sekali gus menerapkan perasaan syukur terhadap nikmat yang telah diberikan. Hidup berteraskan agama Islam memudahkan generasi kini untuk menyelesaikan masalah yang timbul dengan lebih mudah dan bertoleransi.

Hidup berteraskan agama Islam bersesuaian dengan pendekatan dakwah kerana aspek watak yang mengutamakan kesucian Islam dalam kehidupan dan ianya mampu dijadikan inspirasi kepada khalayak. Contohnya, perwatakan tok imam yang mengamalkan kehidupan berteraskan agama Islam dan sentiasa memohon pertolongan dengan Allah SWT. Menerusi hidup berteraskan agama Islam mampu menyerlahkan kemurniaan dan kesucian agama Islam malahan kehidupan manusia terbentuk dengan lebih baik mahupun manusia yang beragama Islam atau menganut agama lain menurut pandangan oleh Hashim Awang (2002). Jelaslah bahawa sifat manusia yang memuji keagungan dan kebesaran Allah SWT untuk memohon pertolongan membuktikan bahawa agama Islam amat dijunjung tinggi dan betapa pentingnya hidup berteraskan agama Islam. Generasi kini adalah aset yang berharga



FYP FTKW

untuk agama dan negara kerana perkembangan negara dan agama terletak pada kemampuan mereka dalam menentukan kehidupan. Impak penerapan komponen hati budi Melayu mampu membentuk dan mendidik generasi kini untuk berjaya dan maju dalam kehidupan menerusi kebolehan dalam memimpin diri sendiri, masyarakat dan negara.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Pendidikan Demi Membentuk Manusia Yang Berilmu

Hashim Musa (2008) menjelaskan pendidikan menjadi alat penghubung dalam menyampaikan ilmu kepada manusia untuk membentuk manusia memiliki keperibadian yang berbudi pekerti dan berpengetahuan supaya setiap perkara yang dilakukan berlandaskan sunnah dan ilmu yang benar. Pendidikan antara penyumbang terbesar dalam membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendidikan dapat menjamin sebuah masa depan yang lebih baik bahkan setiap lapisan masyarakat mempunyai hak untuk memperoleh dan mendalami ilmu pendidikan untuk kegunaan diri serta membantu masyarakat sekeliling. Menurut Catherine E. Ross & Chia-Ling Wu (1996) menyatakan bahawa pendidikan merupakan satu pemboleh ubah terhadap kehidupan manusia untuk memenuhi dan memperoleh segala peluang pekerjaan dan mengekalkan kualiti sebuah kehidupan. Pendidikan adalah kunci bagi membentuk manusia yang berkualiti dalam kehidupan kerana mereka memiliki keupayaan bagi menguruskan pekerjaan dan tanggungjawabnya.

Pendidikan ialah usaha yang dilaksanakan secara dinamik dan berterusan untuk meningkatkan dan mengetengahkan kemampuan serta bakat untuk membentuk insan yang seimbang yang merangkumi manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal. Selain itu, Tribus (1992) mengkategorikan bahawa pendidikan yang berkualiti mampu mengubah sebuah kehidupan ke arah lebih dinamik dan berkembang mengikut peredaran masa termasuklah dalam konteks sosial, ekonomi dan persekitaran. Hal ini diperkatakan oleh Murdie et al (1992) bahawa kualiti hidup bersifat subjektif dan mengandungi pelbagai dimensi malahan ia membuktikan kualiti hidup bersifat meliputi atau merangkumi antara satu sama lain dan salah satu ialah melalui pendidikan yang mampu membentuk masyarakat yang memiliki kualiti hidup. Jelaslah bahawa pendidikan sangatlah penting dalam kehidupan dan untuk memimpin sebuah kerajaan juga memerlukan pendidikan agar mampu membentuk kerajaan yang



FYP FTKW

aman dan harmoni serta rakyat yang baik serta menerusi pendidikan juga mampu meningkatkan taraf hidup. Menerusi penghayatan naratif lisan ini akan memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada generasi kini bahawa pendidikan perlu diutamakan. Tambahan pula, mereka hidup dalam era kemodenan yang semakin canggih dan maju akan mendorong mereka menyedari bahawa ilmu diperlukan untuk menjalani kehidupan. Oleh itu, seseorang yang berilmu, berbudi, beradab, beramal dan bertakwa memiliki pendidikan yang tersendiri untuk berkongsi dan disampaikan kepada orang lain.

### 4.4.1 Pendidikan Demi Membentuk Manusia Yang Berilmu Melalui Sikap Kegigihan

Berdasarkan pandangan daripada Jumali Selamat (2001) sikap kegigihan yang diamalkan oleh manusia dalam melakukan pekerjaan akan memberikan satu pencapaian yang bermutu tinggi. Azura Abdullah (2000) juga menyatakan manusia yang mengamalkan nilai kerja yang mengutamakan kerajinan menerusi sikap kegigihan mampu mengetengahkan sifat rajin, gigih dan bersungguh-sungguh demi mencapai matlamat dan pencapaian yang terbaik. Teras hati budi Melayu menerusi pendidikan dapat diperhatikan dalam petikan 3 menerusi cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu.*

> Petikan 3
> Masjid ini dikatakan mempunyai seorang imam yang menyebarkan ilmu dakwahnya. Ramai golongan anak muda yang memelajari ilmu agama dengannya bahkan segelintir anak muda pergi belajar ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain-lain. Masyarakat kampung amat menghormati imam kerana ilmu pengetahuan yang dimilikinya.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Petikan di atas mengisahkan tentang kehidupan seorang imam masjid di Pengkalan Datu. Beliau merupakan seorang imam yang mempunyai pendidikan dan sentiasa menyebarkan dakwah kepada penduduk kampung bahkan beliau digelar sebagai seorang tokoh agama. Selain itu, ramai anak muda mahu menuntut ilmu



FYP FTKW

agama dengannya serta anak-anak muda di kampung itu pergi belajar di Mesir, Turki dan Istanbul untuk menuntut ilmu agama dan pengetahuan yang lebih meluas. Penduduk kampung sangat menghormati dan menyanjunginya kerana ilmu pengetahuan yang beliau miliki berserta sikap warak yang ditampilkan.

Menerusi petikan di atas, pendidikan memainkan peranan yang sangat besar untuk membentuk tingkah laku seseorang. Contohnya, perwatakan imam masjid yang berilmu, beradab, bertakwa dan berbudi telah ditampilkan dalam cerita rakyat ini membuktikan bahawa pendidikan amatlah penting. Melalui didikan yang disampaikan oleh beliau membuatkan anak muda mahu belajar dengan lebih mendalam perihal ilmu agama dan sanggup belajar jauh di perantauan serta imam juga tidak pernah kedekut untuk berkongsi ilmu dan menyebarkan dakwahnya. Jelaslah bahawa pendidikan mampu mengawal diri serta memberikan sokongan sosial kepada seseorang. Mengawal tingkah laku, emosi serta minda yang positif dengan baik membolehkan seseorang itu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan sesuatu perkara yang berada di luar jangkaan pemikiran manusia seperti imam hanya mengalah dan keluar dari kampung apabila diusir oleh penduduk kampung kerana melakukan perbuatan tidak senonoh walaupun itu hanya satu perangkap yang telah dirancang untuk menjatuhkannya. Oleh itu, pendidikan yang dimiliki olehnya membentuk dirinya yang bertakwa dan tabah dalam menghadapi segala dugaan dalam kehidupan.

Seterusnya, cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* juga menampilkan pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal.

FYP FTKW

Petikan 4

> Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mempelajari ilmu perubatan secara Islam seperti Sheikh Daud yang merupakan orang Patani. Akhirnya, penempatan itu mengalami perkembangan yang pesat dan telah menerima kedatangan oleh pelbagai golongan serta penempatan itu digelar sebagai pulau keramat.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 27)

Berdasarkan petikan 4 menyatakan tentang penempatan baru yang dibangunkan di sebuah daerah yang terpencil oleh Raja Patani bersama rakyatnya setelah berundur dari negeri Patani. Mereka mahu memulakan kehidupan yang baru di Pulau Gajah dan tidak mahu pulang ke Patani kerana bimbang jika pergolakan sistem politik akan berlaku lagi. Raja Patani turut terlibat dengan rakyat untuk membersihkan kawasan penempatan mereka bahkan baginda juga berdikari untuk melakukan aktiviti harian seperti bercucuk taman, menjala ikan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Bahkan mereka hidup dalam keadaan yang aman damai sehingga mereka mampu mengadakan pelbagai hiburan kebudayaan serta keturunan mereka semakin berkembang sehingga di Indonesia dan mereka mula mendalami agama Islam sekali gus ada di antara mereka mempelajari ilmu perubatan Islam.

Pendidikan mampu membentuk insan yang berilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana, Raja Patani berupaya membangunkan penempatan yang baru sehingga berkembang dengan pesat kerana aspek pendidikan yang baginda miliki. Baginda mampu mendidik rakyatnya menjadi insan yang berilmu seperti Sheikh Daud yang merupakan orang Patani yang banyak mempelajari ilmu agama. Menerusi petikan di atas turut memberikan gambaran mereka sangat beradab dan saling berbudi antara satu sama lain untuk membangunkan sebuah komuniti yang rukun dan harmoni. Tamsilnya, setiap orang perlu mendalami ilmu pengetahuan agar pengetahuan semakin luas dan perlakuan juga dapat dibentuk dengan baik. Impaknya, naratif lisan mampu menyampaikan kepada generasi kini bahawa perlakuan yang baik dapat dipupuk menerusi ilmu yang diamalkan dalam kehidupan.



FYP FTKW

Berdasarkan kedua-dua naratif lisan membuktikan bahawa pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu memiliki aliran yang sejajar dengan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, peristiwa dan maklumat yang berkaitan manusia yang berlaku dapat dijadikan sebagai satu cerminan kepada aspek positif dalam membentuk sahsiah diri. Berdasarkan kedua-dua naratif lisan memberikan pendedahan bahawa penguasaan pendidikan sangat penting dalam kehidupan manusia sejak zaman nenek moyang sehinggalah generasi kini. Antara impak penerapan komponen hati budi Melayu merangkumi pendidikan mampu membina keyakinan diri generasi kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendidikan akan mengetengahkan bakat dan potensi yang seseorang individu miliki untuk dipersembahkan yang akan memberikan keuntungan kepada seseorang itu untuk meningkatkan kualiti hidup. Selain itu, pendidikan juga berperanan untuk petunjuk kepada manusia untuk ke jalan penyempurnaan diri untuk membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal yang tiada sempadan. Samruhaizad Samian @ Samion (2015) mengemukakan satu pandangannya iaitu menerusi persepsi, pengalaman, sikap dan kehendak seseorang mendorong manusia memperbaiki kehidupannya agar kualiti hidup akan lebih terjaga dapat dibentuk dengan baik. Jelaslah bahawa ilmu dan pengetahuan yang diperoleh dan diaplikasikan dengan sebaik mungkin dalam kehidupan menjadi pemangkin untuk manusia menambah baik corak pemikiran. Oleh itu, pendidikan dilihat sebagai satu asas terbaik untuk mencapai impian bahkan tanpa pendidikan tiada siapa yang mampu untuk menerajui sesuatu organisasi dengan baik.

FYP FTKW

4.5 Nilai Kerja Kerajinan

Wollack, Goodale, Withing dan Smith (1971) menyatakan bahawa nilai kerja ialah sikap terhadap pekerjaan dan berkaitan istilah yang diberikan oleh individu berkaitan kerja. Nilai kerja ini mampu mendorong individu untuk mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan dalam melaksanakan pekerjaan agar ianya mampu memberikan manfaat kepada mereka. Nilai kerja dibentuk berasaskan kebersihan jiwa, akhlak yang mulia dan manusia yang mengutamakan kebaikan dan memperjuangkan kemakmuran untuk kepentingan dunia, akhirat serta anak cucu. Hal ini menjelaskan bahawa manusia perlu menerapkan nilai kerja dalam melakukan sesuatu perkara dengan jiwa yang ikhlas dan tidak meletakkan nilai kebendaan lebih tinggi daripada agama akan melahirkan golongan masyarakat yang bertanggungjawab, amanah dan ikhlas untuk semua pekerjaan yang dilaksanakan dan perkara ini diperkatakan oleh Azmi Abu Shujak (1987). Tidak disangkalkan lagi bahawa nilai kerja merupakan satu pemboleh ubah yang menjadi kejayaan dalam sesuatu organisasi dan memberikan satu kepuasan kepada manusia apabila matlamat yang diingini menunjukkan pencapaian yang terbaik.

Kerja merujuk kepada satu aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Selain itu, dalam melaksanakan kerja perlulah menerapkan nilai kerja agar kepuasan dalam bekerja dapat dicapai dengan baik dan akan memberikan impak kepada kualiti pekerjaannya. Rokeach (1968) mendefinisikan bahawa nilai dan kerja memiliki satu hubungan yang erat. Hal ini dikatakan demikian kerana, penerapan nilai yang positif dalam pekerjaan akan mempengaruhi sikap dan tindakan individu terhadap kerja yang akan dilaksanakan. Oleh itu, setiap individu diasuh supaya tidak memilih jenis pekerjaan, pendapatan dan tempat kerja kerana setiap organisasi itu memiliki kelebihan dan kekurangan yang tersendiri yang mampu memberikan sumbangan kepada negara.



FYP FTKW

4.5.1 Nilai Kerja Kegigihan

Berdasarkan pandangan daripada Jumali Selamat (2001) sikap kegigihan yang diamalkan oleh manusia dalam melakukan pekerjaan akan memberikan satu pencapaian yang bermutu tinggi. Azura Abdullah (2000) juga menyatakan manusia yang mengamalkan nilai kerja yang mengutamakan kerajinan menerusi sikap kegigihan mampu mengetengahkan sifat rajin, gigih dan bersungguh-sungguh demi mencapai matlamat dan pencapaian yang terbaik. Setiap aktiviti yang dilaksanakan dengan penuh ketekunan akan memberikan impak yang positif demi memperoleh prestasi yang bermutu. Selain itu, sikap kegigihan dan sentiasa berusaha dalam melakukan pekerjaan menjadikan manusia seseorang dipandang mulia dan disanjungi oleh masyarakat kerana kegigihan dalam meneruskan kelangsungan hidup (Mustafa Daud, 1995). Terdapat nilai kerja yang mengutamakan kerajinan melalui sikap kegigihan dalam cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* iaitu:

> Petikan 5
> Raja Patani turut bersama-sama membantu dengan rakyat untuk bergotong-royong demi membangunkan penempatan yang lebih selamat dan selesa untuk mereka berteduh dan memulakan kehidupan yang baru.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 26)

Berdasarkan petikan di atas, pengunduran Raja Patani dari negeri Patani kerana berlaku pergolakan sistem politik kerana terdapatnya kesepakatan golongan pembesar yang mahu menjatuhkan Raja Patani. Oleh itu, Raja Patani dan rakyatnya yang setia telah berhijrah ke sebuah daerah terpencil yang sangat jauh dari negeri Patani dan mereka tekad untuk memulakan kehidupan yang baru serta membangunkan kerajaan sendiri kerana mereka takut jika peperangan dan perebutan kuasa politik yang sama akan berulang kembali seandainya mereka pulang ke negeri Patani. Mereka bekerjasama untuk membina tempat untuk berteduh dan melakukan pelbagai aktiviti harian demi kelangsungan hidup sehingga perkampungan yang



FYP FTKW

terpencil berubah menjadi sebuah perkampungan yang maju dan keturunan mereka semakin bertambah.

Berdasarkan petikan 5, tingkah laku yang ditampilkan oleh Raja Patani membuktikan wujudnya teras hati budi Melayu dalam dirinya iaitu nilai kerja yang mengutamakan kerajinan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikapnya yang mengutamakan kerajinan melalui sikap kegigihan dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Baginda sangat rajin dalam melakukan kerja seperti bergotong-royong dengan rakyat untuk membersihkan kawasan penempatan mereka sekali gus baginda melaksanakan aktiviti bercucuk tanam dan menangkap ikan untuk kehidupan harian padahal baginda merupakan seorang raja. Selain itu, Raja Patani juga amat mengutamakan kerukunan dalam bekerja dan ianya dapat dibuktikan bahawa nilai kerja yang diamalkan telah membuahkan hasil seperti mereka mampu melakukan beberapa hiburan untuk menghiburkan diri dan bilangan keturunan mereka yang semakin berkembang serta menerima banyak kunjungan daripada pelbagai golongan. Oleh itu, nilai kerja perlulah diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat supaya segala pekerjaan yang dilaksanakan mampu memberikan kepuasaan dan kegembiraan yang maksimum. Jelaslah bahawa hati budi Melayu yang ditonjolkan dalam naratif lisan ini akan memberikan pencerahan kepada generasi kini untuk mengamalkan nilai kerja dalam menjalani tugasan agar memberikan manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

4.5.2 Nilai Kerja Daya Usaha

Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa sikap daya usaha ialah kesanggupan manusia dalam melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh untuk memperoleh hasil yang berkualiti. Kebiasaannya, semangat yang wujud dalam diri seseorang menjadi pemangkin untuk berusaha mendapatkan perkara



FYP FTKW

yang diinginkan. Selain itu, semangat dan keazaman yang tinggi dalam diri seseorang mendorongnya untuk melakukan setiap tindakan dengan bersungguh-sungguh agar prestasi yang terbaik dan berkualiti dapat dicapai (Jumali Selamat, 2001) malahan pandangan ini juga sejajar dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) bahawa sesuatu perkara yang berkualiti akan diperoleh jika seseorang memiliki semangat yang bersungguh-sungguh dan melaksanakan pekerjaan tersebut dengan baik. Secara ringkasnya, sikap daya usaha memberikan pendedahan kepada manusia untuk melakukan setiap pekerjaan dengan bersemangat dan bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu matlamat dengan prestasi yang terbaik. Seterusnya, cerita *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* juga menampilkan hati budi Melayu menerusi nilai kerja yang mengutamakan kerajinan melalui sikap daya usaha iaitu:

> Petikan 6
> Semasa pemerintahannya, Raja Sakti berjaya memerintah di dua negeri iaitu Kelantan dan Patani setelah menewaskan Ratu Kuning dan Patani kerana kedua-duanya mahu menguasai pemerintahan Raja Sakti tetapi tidak berhasil dan mereka tewas ditangan baginda."
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 76)

Berdasarkan kisah di atas menceritakan tentang pemerintahan seorang raja yang bernama Raja Sakti yang merupakan raja pertama di kerajaan Jembal Kelantan. Pemerintahan baginda di kerajaan Jembal selama 15 tahun yang bermula dari tahun 1634 hingga tahun 1649 sekali gus baginda telah memerintah di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Patani kerana berjaya menewaskan Ratu Kuning yang menyerang Patani. Oleh itu, pengaruh Raja Patani semakin tersebar secara meluas dan telah membentuk sebuah persekutuan hasil daripada gabungan beberapa buah negeri. Baginda sangatlah berwibawa dalam menguruskan pemerintahan dan pentadbiran serta baginda mahu kerajaannya ditadbir oleh keturunannya dengan mengangkat anaknya untuk memerintah kerajaan berpandukan sistem hieraki.



FYP FTKW

Petikan 6 menampilkan perwatakan Raja Sakti mengamalkan nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan dan kecekapan dalam memerintah kerajaan. Memerintah dua buah negeri iaitu Kelantan dan Patani membuktikan bahawa Raja Sakti memiliki nilai kerja yang sangat cekap kerana mampu menguruskan dua pentadbiran yang besar pada satu masa. Selain itu, kesungguhan dan kecekapan baginda dalam menguruskan kerajaan memberikan pengaruh yang besar kepadanya untuk membentuk sebuah lagi persekutuan kerana penguasaannya telah tersebar dengan meluas di daerah Singgora, Ligor dan Patthalung. Oleh itu, kita dituntut untuk bekerja dengan penuh kesungguhan, kerajinan dan kecekapan dalam setiap perkara yang kita lakukan kerana sifat ini merupakan salah satu lambang atau tanda keagamaan. Tambahan pula, kita sebagai seorang yang beragama Islam dituntut untuk ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam setiap amal ibadah, sikap dan kehidupan kita. Impaknya, perwatakan yang ditonjolkan oleh Raja Sakti dalam naratif lisan akan menyampaikan satu pencerahan kepada generasi kini bahawa nilai kerja amatlah penting dalam melakukan sesuatu pekerjaan bahkan nilai kerja juga akan memberikan peluang dan kepercayaan yang lebih besar oleh sebuah organisasi kepada seseorang individu. Tegaslah, nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan perlu dipupuk dalam diri supaya membentuk keperibadian yang lebih baik dan bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, nilai kerja yang ditampilkan dalam kedua-dua naratif lisan ini amatlah sepadan dengan pendekatan moral. Perkara ini dikatakan demikian kerana, nilai kerja yang ditonjolkan dapat dijadikan sebagai satu teladan kepada masyarakat dan mampu diamalkan dalam kehidupan seharian ketika melaksanakan sesuatu aktiviti. Menerusi naratif lisan membuktikan untuk memperoleh sesuatu kejayaan memerlukan usaha dan nilai kerja yang bersungguh-sungguh, memiliki matlamat yang jelas dan sentiasa menghadapi segala rintangan dalam memperoleh kejayaan. Penerapan komponen hati budi Melayu mempengaruhi generasi kini untuk



FYP FTKW

mengamalkan nilai kerja yang penuh dengan kerajinan agar memberi manfaat kepada anak cucu.

Kejayaan dalam diri atau sesebuah organisasi bergantung kepada prestasi dan potensi yang ditunjukkan oleh pekerja. Menerusi prestasi seseorang mampu membuktikan kemampuannya dalam melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik atau tidak. Locke (1970) mengetengahkan hujahannya iaitu prestasi yang ditonjolkan oleh seseorang dapat membuktikan nilai kerja yang dimilikinya seperti nilai kerja yang terkandung dalam perwatakan Raja Patani dan Raja Sakti yang sangat mengutamakan kerajinan dalam melakukan sesuatu pekerjaan demi mencapai segala matlamat yang dirancang untuk kepentingan diri, anak, cucu, masyarakat dan negara. Berdasarkan kedua-dua naratif lisan telah mengetengahkan nilai kerja yang mengutamakan kerajinan bersesuaian dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai kerja yang ditonjolkan oleh watak utama memberikan pendedahan kepada generasi kini mengenai pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh manusia. Impaknya, generasi kini mampu belajar dari pengalaman untuk berjaya pada masa akan datang dan setiap pekerjaan yang dilakukan perlulah menerapkan sikap kerajinan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.6 Taat Kepada Ibu Bapa

Hasan Albana (1985) menyatakan bahawa sikap taat wujud dari kepercayaan dalam diri seseorang akan melahirkan perasaan sayang dan hormat yang mampu memupuk nilai ketaatan dalam diri. Di samping itu, hashim Musa (2008) menyatakan taat merupakan satu perasaan yang menggambarkan rasa ingin melaksanakan sesuatu perkara tanpa disuruh dan dipaksa dan seseorang itu melakukan perkara tanpa mengeluh dan merungut kerana mahu membentuk satu hubungan yang damai dan harmoni. Penyataan istilah taat ini disokong oleh Yuda Oktana (2009). Sikap taat ini boleh ditujukan kepada pelbagai pihak seperti sikap taat kepada pemimpin namun dalam kajian ini memfokuskan taat kepada ibu bapa. Secara umumnya, taat kepada ibu bapa membuktikan bahawa seorang anak menghormati dan sangat memuliakan ibu bapa yang sudah banyak berkorban dalam membersarkan anak-anak. Dari perspektif Islam, sikap taat kepada ibu bapa perlu diutamakan. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Isra' ayat 23 iaitu:

> "Dan Tuhan Mu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-dua sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan "Ah" dan janganlah engkau menengking atau menyergah mereka tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang baik dan mulia (bersopan santun)."
>
> (Surah Al-Isra': 23)

Menerusi petikan di atas menjelaskan bahawa kita dituntut untuk taat dan berbuat baik serta memuliakan ibu bapa kerana ianya merupakan satu kewajipan kepada kita sebagai seorang anak bahkan mereka merupakan insan yang berjuang dan mengorbankan segalanya termasuklah nyawa untuk membesarkan anak-anaknya. Oleh itu, Islam sangat mengutamakan hubungan antara anak dan ibu bapa malahan anak diperintah untuk taat, menghormati, melakukan kebaikan, bersopan-santun dan menjaga pertuturan terhadap mereka. Alihasan (2018) menjelaskan bahawa seorang



FYP FTKW

anak memiliki satu kewajipan yang perlu mereka lakukan iaitu mereka perlu taat dan berbakti kepada ibu bapanya. Hal ini dikatakan demikian kerana, ibu merupakan seorang insan yang mengandung selama 9 bulan dan berani untuk melahirkan satu nyawa kecil yang ingin mengenali dunia baru sedangkan seorang ibu perlu meletakkan nyawanya dalam bahaya demi seorang anak. Begitu besarnya perjuangan seorang ibu. Begitulah pengorbanan seorang ayah yang perlu bekerja sepenuh tenaga untuk mendapat rezeki dalam membesarkan seorang anak. Pengorbanan mereka tidak akan terbalas kerana itulah Islam meletakkan satu tanggungjawab yang besar kepada anak-anak untuk taat dan berbakti serta memuliakan ibu bapa. Oleh itu, penerapan hati budi Melayu perlu didedahkan kepada generasi kini agar mereka mengaplikasikan komponen tersebut dalam kehidupan kerana pada era kemodenan ini terdapat pelbagai permasalahan yang dilakukan oleh anak terhadap ibu bapa seperti memukul bahkan sanggup membunuh jika kehendak mereka tidak dipenuhi.

4.6.1 Taat Kepada Ibu Bapa Melalui Sikap Bertimbang Rasa

Hashim Musa (2008) menghujahkan pandangan berkaitan sikap bertimbang rasa iaitu satu perasaan kasihan yang wujud dalam diri manusia apabila melihat orang yang berada dalam kesusahan atau mengalami sebarang masalah malahan mereka sanggup menjaga kebajikan orang susah. Menjaga kebajikan merupakan salah satu kaedah dalam memberikan pertolongan kepada orang dalam kesusahan dan mampu mengatasi perasaan kasihan terhadap mereka (Norita Ariffin, 2006). Tambahan pula, Mustafa Daud (1995) juga bersetuju bahawa perasaan simpati terhadap penderitaan yang dialami ibu bapa dan orang sekeliling merujuk kepada seseorang yang memliki sikap bertimbang rasa. Oleh itu, sikap bertimbang rasa mampu menampilkan sikap taat kepada ibu bapa iaitu sebagai seorang merasa kasihan melihat kesusahan yang dialami oleh ibu bapa dalam mencari rezeki demi membesarkan anak terutamanya bagi keluarga yang memiliki taraf ekonomi yang rendah. Seterusnya, penemuan sikap bertimbang rasa dalam mentaati kepada ibu bapa menerusi cerita *Pemujaan Tok*



FYP FTKW

*Mekong* seperti yang disediakan dalam petikan 7 iaitu:

> Petikan 7
> Mawar adalah seorang budak perempuan yang lembut tapi tangkas dalam melakukan pekerjaan dan dia sanggup membanting tulang membantu ibu dan ayahnya dalam melakukan aktiviti seharian seperti mencari kayu api di hutan bersama ayahnya.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 47)

Petikan 7 menceritakan berkaitan Mawar merupakan seorang perempuan yang jelita dan manis yang tinggal di hujung kampung bersama ibu bapanya. Hubungan kekeluargaan mereka sangat baik dan hidup secara rukun dan damai walaupun mereka hidup dalam kesusahan. Mawar sentiasa membantu ibu bapanya dalam melakukan pekerjaan. Satu peristiwa menimpanya apabila dia mencantas batang buluh untuk dijadikan tabung ketika menemani ayahnya ke hutan untuk mencari kayu api. Batang buluh yang dicantas langsung tidak terhakis namun hanya mengalirkan cecair merah pada batang buluh itu. Mawar sangat terkejut lantas menjerit dan pengsan melihat kejadian tersebut. Pak Mat segera mendapatkan bantuan dari Pawang Dol untuk merawat anaknya dan Mawar berjaya dirawat namun pemujaan perlu dilakukan untuk mengembalikan semangat Mawar yang sudah diambil oleh penunggu buluh. Setelah melakukan proses pemujaan, Mawar kelihatan kembali ceria dan sihat seperti kebiasaannya.

Berdasarkan petikan 7 memaparkan sikap taat kepada ibu bapa yang ditampilkan oleh Mawar. Mawar amat patuh dan mentaati ibu bapanya bahkan sanggup membanting tulang bagi meringankan beban ibu bapanya seperti dia masuk ke hutan untuk memungut kayu api serta dia juga sangat menyayangi dan menghormati kedua ibu bapanya. Di samping itu, dia juga mahu menabung untuk mengubah cara kehidupan mereka sekeluarga dengan duit yang akan disimpan olehnya. Sikap Mawar yang taat kepada ibu bapa menggambarkan bahawa dia memiliki keperibadian yang baik walaupun dibesarkan dalam keluarga yang susah. Ini



FYP FTKW

membuktikan bahawa latar belakang yang susah tidak akan menghalang seseorang untuk menjadi seorang yang berkeperibadian yang baik dan melakukan kebaikan. Jelaslah bahawa sikap taat perlulah diamalkan oleh setiap golongan agar memperoleh kehidupan yang harmoni tanpa perselisihan faham dan persengketaan. Tuntasnya, menerusi naratif lisan ini memberikan impak kepada generasi kini agar menghormati dan memuliakan ibu bapa kerana ganjarannya sangat besar serta kehidupan akan lebih diberkati.

4.6.2 Taat Kepada Ibu Bapa Melalui Sikap Prihatin

Sikap prihatin adalah perasaan mengambil berat terhadap orang disekeliling dan sikap ini membuktikan bahawa manusia sangat mengutamakan khalayak (Hashim Musa, 2008). Sikap prihatin mampu mengembalikan semangat orang yang mengalami kesusahan dan keperitan hidup. Tambahan pula, cerita yang bertajuk *Jelmaan Saka Harimau* membawa kepada hati budi Melayu iaitu taat kepada ibu bapa menerusi sikap prihatin yang terdapat dalam petikan 8 iaitu:

> Petikan 8
> "Mas, tidak mahu pulangkah. Hari sudah mahu malam."
> Mendengar suara itu pantas Mastura berpaling dan alangkah gembiranya melihat wajah ibunya dan dia pulang ke rumah bersama-sama.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 53)

Nukilan ini memaparkan kehidupan sepasang suami isteri yang tinggal di sebuah kampung bersama anak perempuan yang cantik jelita bernama Mastura. Ibunya bernama Mok Joh dikatakan adalah seorang pengamal ilmu ghaib iaitu saka harimau yang mendampinginya. Mastura hairan apabila sewaktu ibunya tiada rumah namun ibunya memberitahu dia sedang mencuci piring di dapur. Peristiwa kedua pula berlaku apabila Mastura sangat bimbang kerana sudah dua hari ibunya tidak keluar bilik dan tidak makan juga tetapi ibunya memberitahu jika dia sudah makan ketika keluar bersiar-siar. Walaupun merasa pelik namun dia diamkan diri kerana



FYP FTKW

menghormati penyataan ibunya. Dengan ini dapat dilihat bahawa Mastura sangat menghormati ibunya.

Berdasarkan petikan di atas, Mastura sangat taat kepada ibu bapanya. Dia merasa gembira dapat berjumpa dengan ibunya sedangkan sewaktu pulang dari kerja ibunya tiada di rumah dan dia pulang bersama-sama ibu ke rumah. Selain itu, Mastura juga sangat prihatin terhadap ibu bapanya. Jelaslah bahawa Mastura sangat memuliakan dan menyayangi ibunya. Menurut perspektif Islam juga memuliakan ibu bapa dengan berinteraksi dan memberikan layanan secara sopan dan lemah lembut untuk membentuk sebuah keluarga yang harmoni. Tegasnya, hati budi Melayu sememangnya terkandung dalam naratif lisan dan memberikan impak yang besar kepada generasi kini untuk mengaplikasikan nilai ketaatan kepada ibu bapa untuk memperoleh kehidupan yang terjamin dan sejahtera.

Kedua-dua naratif lisan ini menerapkan hati budi Melayu iaitu sikap taat kepada ibu bapa dan memuliakan mereka sejajar dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana mendedahkan tentang kehidupan manusia melalui penampilan tingkah laku manusia yang setia dan taat kepada pemimpin atau orang yang lebih tua serta penyampaian perwatakan ini adalah secara nyata. Jelaslah, perwatakan Mawar dan Mastura yang sangat taat kepada ibu bapanya serta sanggup bekerja untuk memberikan sinar kebahagiaan dan mengurangkan beban keluarga. Penyataan ini juga disokong oleh Siti Rabiatul Adawiah Jaafar (2013) dengan menyatakan pandangannya iaitu taat kepada ibu bapa merujuk kepada tingkah laku yang ditampilkan oleh seseorang untuk membuktikan bahawa dia sangat menghargai dan memuliakan ibu bapa seperti memberikan layanan yang terbaik dan menyumbangkan tenaga dalam pekerjaan yang dilakukan oleh ibu bapa tanpa diminta dan tidak mengharapkan sebarang balasan dan setiap perkara yang dilakukan adalah secara ikhlas. Tambahan pula, komponen ini membuktikan bahawa penerapan hati budi Melayu meninggalkan kesan pengaruh kepada generasi kini. Hal ini kerana,



FYP FTKW

generasi kini menerima pendedahan bahawa mentaati dan memuliakan ibu bapa adalah satu kewajian yang perlu dilakukan untuk mengenang budi mereka yang telah banyak berjuang kepada anak-anak tanpa mengenal erti penat dan lelah dalam diri demi meneruskan kelangsungan hidup. Selain itu, generasi kini perlu melakukan kebaikan kepada ibu bapa dengan cara bersikap lemah lembut, tidak meninggikan suara terhadap ibu serta membahagiakan dan mendoakan kesejahteraan hidup mereka.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.7 Setia Kepada Ketua Yang Adil, Terpuji Dan Benar

Kesetiaan rakyat kepada ketua yang adil, terpuji dan benar merupakan aspek yang penting dalam sebuah pemerintahan. Proses kepimpinan meliputi hubungan sosial antara pemimpin dan rakyat yang akan membentuk satu interaksi bagi kedua-dua pihak. Oleh kerana itu, kepimpinan yang adil, terpuji dan benar akan melahirkan sebuah kepimpinan yang damai dan efektif. Menerusi pandangan daripada Jago (1982:315) menyatakan bahawa kepimpinan merujuk kepada peranan ketua yang memimpin tanpa menggunakan kekerasan dan memberikan arahan dan tugasan secara adil serta teratur untuk mencapai satu matlamat. Sebagai seorang ketua, mereka akan menggerakkan sebuah kepimpinan aman dan sejahtera serta menghakis penindasan yang berlaku dan sentiasa melaksanakan keputusan yang benar dan adil dalam membuat tindakan. Apabila menjadi seorang pemimpin akan melahirkan satu perasaan di mana rasa bertanggungjawab atas komitmen yang telah diberikan dan berusaha melaksanakan segala pekerjaan dengan sepenuh jiwa dan raga agar ketenteraman dan keselamatan kerajaan terpelihara malahan Eddy (2013) juga menyokong bahawa hanya pemimpin yang mampu memberikan komitmen sepenuhnya kepada tanggungjawabnya mampu merasai kepuasan dalam pemerintahannya. Seterusnya, Hashim Musa (2008) menjelaskan setia merupakan satu perasaan dan tindakan seseorang yang mempamerkan kesetiaan, kepatuhan dan bekerjasama secara penuh dengan raja yang dilantik secara sah. Menerusi sifat setia, manusia sanggup melakukan apa sahaja berdasarkan perintah yang diberikan.

4.7.1 Setia Kepada Ketua Yang Adil, Terpuji Dan Benar Menerusi Sikap Kesetiaan

Selain itu, setia merupakan satu perasaan dan tindakan seseorang yang mempamerkan kesetiaan, kepatuhan dan bekerjasama secara penuh dengan raja yang dilantik secara sah. Menerusi sifat setia, manusia sanggup melakukan apa sahaja berdasarkan perintah yang diberikan menerusi pandangan daripada Hashim



FYP FTKW

Musa (2008). Cerita *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* memberikan gambaran mengenai kesetiaan rakyat kepada pemimpin yang adil, terpuji dan benar iaitu:

> Petikan 9
> "Wahai para pembesar beta. Beta merasakan beta telah menemui jalan bagaimana hendak memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Beta rasa mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja."
> Para pembesar saling berpandangan antara sendiri walaupun mereka merasakan cadangan itu tidak bernas namun dituruti segala perintah daripada Puteri Saadong.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Petikan tersebut merupakan satu perbualan di antara seorang pemerintah dengan pegawainya iaitu Puteri Saadong dan pembesar-pembesar. Hal ini terjadi apabila para pembesar datang menghadap Puteri Saadong dan baginda menyatakan hasratnya untuk melaksanakan aktiviti jualan di atas sahaja sekali gus aktiviti ini berperanan untuk mengembalikan sektor perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Para pembesar yang mendengar juga melakukan sahaja perkara tersebut walaupun mereka perancangan itu tidak membantu.

Sikap setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar diserlahkan menerusi sikap para pembesar yang sangat setia kepada Puteri Saadong, mereka hanya menurut perintah yang diarahkan untuk melaksanakan perniagaan di atas kapal. Bagi mereka cadangan yang dikemukakan oleh baginda tidak bernas dan tidak mampu untuk memulihkan perdagangan di Pengkalan Datu. Kesetiaan yang mereka berikan kepada pemerintah tidak sia-sia apabila Pantai Pengkalan Datu kembali berkembang menjadi sebuah pusat perdagangan. Ia jelas menunjukkan bahawa perdagangan yang dijalankan tersebut telah menarik minat masyarakat sekali gus menaikkan kembali perdagangan yang ada di Pengkalan Datu. Para pembesar yang menjalankan perintah juga boleh berbakti dengan baik melalui perdagangan yang berlaku. Jelaslah bahawa sikap setia dalam kalangan pembesar kepada pemerintah sangat memainkan peranan sebagai pemangkin untuk seorang pemerintah menjalankan perancangannya. Sebagai



FYP FTKW

rakyat, kita perlulah menyokong cadangan yang dikemukakan dan ianya haruslah berlandaskan agama Islam kerana seorang pemimpin telah berusaha secara bersusah payah untuk membangunkan negeri demi kepentingan dan kebajikan rakyat juga. Oleh itu, setiap usahanya perlulah dihargai dan menerusi kesetiaan yang diberikan dapat menyalurkan semangat kepada pemimpin untuk terus berjuang bagi memajukan sesebuah kerajaan.

Petikan 10 turut menampilkan sikap setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar yang ditemui dalam cerita *Pengunduran Raja Patani*.

> Petikan 10
> Terdapat sebilangan rakyat tidak berpaling tadah lalu menyuruh baginda untuk berundur kerana mereka masih menanam sifat daulat ke atas sultan. Hal ini kerana pertempuran yang dilakukan ke atas Patani pada ketika itu tidak memihak kepada negeri Patani kerana negerinya berada dalam keadaan darurat yang memaksa rajanya bertindak mengundurkan diri. Raja dan para pengikut setianya berangkat mengundurkan diri secara senyap bagi mengelakkan pihak musuh menjejaki mereka.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 81)

Cerita rakyat ini menyatakan ketaatan rakyat kepada sultan. Setelah kemangkatan Sultan Ismail Shah Zolallah Fi'Alam menjadikan anaknya yang masih muda diangkat menjadi pemerintah negeri telah menimbulkan hasad dengki dalam kalangan pembesar dan mereka bersepakat untuk menjatuhkan raja kerana mereka tidak percaya dengan kebolehan Raja Patani serta merasa kedudukan mereka terancam kerana wujud pemerintahan baharu. Negeri Patani menerima dua serangan dari dua buah negeri iaitu Kubang Labu dan Legas yang sudah bekerjasama dengan pembesar untuk menjatuhkan pemerintahan Raja Patani. Namun, serangan balas dari raja tidak berjaya kerana kekuatan tentera dan rakyat semakin berkurang kerana pengaruh para pembesar. Keadaan di negeri Patani bertambah teruk apabila Burma turut menyerang negeri tersebut mengakibatkan kematian rakyat makin bertambah dan negeri semakin tidak terkawal.



FYP FTKW

Tetapi, segelintir rakyat masih setia dan mereka mahu berbakti kepada Raja Patani yang baharu dengan memberikan cadangan agar mereka berundur kerana kemenangan tidak akan berpihak kepada mereka. Oleh kerana itu, raja dan pengikut setiannya meninggalkan negeri Patani dan membangunkan penempatan yang baru yang dikenali sebagai Pulau Gajah. Melalui peristiwa ini, memperlihatkan bahawa manusia mudah dipengaruhi dengan orang lain dan manusia juga tidak boleh melihat orang yang lebih muda untuk memerintah sebuah kerajaan memandangkan mereka sudah lama berkhidmat serta berfikiran orang muda tidak memiliki pengalaman. Faktor inilah yang menjadi punca kemusnahan empayar pemerintahan Raja Patani yang baharu. Namun nilai kesetiaan yang ditampilkan oleh segelintir rakyat yang sanggup melakukan apa sahaja demi kebaikan pemimpin membuktikan mereka memiliki sifat yang terpuji. Kebergantungan antara satu sama lain juga mampu menjadikan sesuatu perkara mudah dan boleh berjaya dengan cara yang lain sama seperti yang berlaku setelah Raja Patani dan rakyatnya membuka negeri yang baru iaitu Pulau Gajah. Jelaslah, sifat setia kepada raja mampu mengubah perkara biasa kepada perkara luar biasa dan di luar jangkaan serta menjamin masa depan.

Pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan sikap setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan kemasyarakatan telah mendedahkan tentang kehidupan manusia melalui penampilan tingkah laku manusia yang setia dan taat kepada pemimpin serta penyampaian perwatakan ini adalah secara nyata. Rakyat jelata yang taat dan sanggup berbakti kepada pemimpinnya perlu diberikan pujian kerana bukan semua orang sanggup melakukan perkara tersebut dengan hati yang terbuka. Menerusi sikap setia yang diketengahkan oleh rakyat dalam kedua-dua naratif lisan memberikan impak yang positif kepada generasi kini iaitu mendidik generasi kini untuk memiliki perasaan kesetiaan yang tinggi kepada raja dan negara serta mendorong generasi kini untuk mematuhi undang-undang negara dengan sempurna.



FYP FTKW

Selain itu, penerapan hati budi Melayu juga akan mempengaruhi generasi kini untuk memelihara keamanan negara dan semua rakyat terdiri daripada pelbagai kaum akan bekerjasama demi mempertahankan keamanan negara serta telah menghakis perasaan dendam atau curang rakyat terhadap negara atau kerajaan yang memerintah iaitu rakyat tidak akan mengkhianati negara melainkan berusaha dengan sedaya upaya untuk memelihara maruah dan bangsa negara. Oleh itu, seorang ketua atau pemimpin perlu memiliki sikap yang adil, terpuji dan benar dalam memerintah supaya rakyat mampu melihat dan memberikan kepercayaan terhadap potensi seorang pemimpin untuk memimpin kerajaan dengan baik. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) turut menjelaskan bahawa keputusan yang tepat dan benar mampu ditentukan oleh seorang ketua yang adil. Maka, tidak peliklah jika rakyat memberikan sepenuhnya kepercayaan kepada raja yang adil kerana pemimpin itu mampu menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.8 Halus Budi Bahasa Dan Budi Pekerti

Budi bahasa merupakan aspek yang penting dalam kehidupan setiap manusia yang ditampilkan menerusi tingkah laku dan pertuturan berdasarkan pandangan daripada Amat Juhar Moain (2001). Halus budi bahasa juga merujuk kepada percakapan yang baik yang menggunakan perkataan yang sopan dan menyenangkan apabila didengari serta sifat yang menghormati orang lain. Oleh itu, seseorang yang memiliki halus budi bahasa dapat dilihat dari keperibadiannya iaitu apabila seseorang bercakap dengan sopan dan halus budi bahasa maka dia adalah seorang yang berbudi bahasa. Salah satu anggota badan yang perlu dijaga agar penggunaan bahasa terus terpelihara adalah mulut. Hal ini dikatakan demikian kerana mulut berperanan sebagai anggota yang mengungkapkan kata-kata maka penggunaan mulut haruslah dikawal bahkan masyarakat Melayu mengutamakan perihal tersebut. Pertuturan dan tingkah laku yang sopan melambangkan keperibadian yang berbudi bahasa.

Budi pekerti merupakan akhlak yang ditampilkan menerusi perlakuan manusia dalam kehidupan untuk memperoleh kehidupan yang bahagia dan tenang. Berdasarkan perspektif Islam, budi memperihalkan tentang adab dan sopan santun yang dimiliki oleh seseorang manusia dalam menentukan akhlak dirinya serta melalui budi juga memaparkan kebaikan yang disampaikan oleh manusia untuk memberikan pertolongan kepada orang lain. Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992) menegaskan bahawa sikap berbudi pekerti dan tingkah laku mulia yang wujud dalam diri seseorang dalam menjalinkan sebuah berhubungan kerana seseorang itu memiliki nilai hemah yang tinggi. Hashim Musa (2008) menyatakan pandangannya iaitu budi pekerti merujuk kepada keperibadian dan tingkah laku yang sopan, baik dan penyayang serta memberikan manfaat kepada masyarakat manakala budi bahasa pula memberikan gambaran kepada masyarakat menerusi pertuturan yang manis, sopan dan positif yang mampu menyampaikan pengajaran kepada khalayak. Selain



FYP FTKW

itu, budi pekerti mampu mengukuhkan satu jalinan perhubungan dengan khalayak. Seseorang yang memiliki budi pekerti juga mampu menentukan sesuatu perkara yang benar dan tepat serta bertindak dengan bijaksana, adil dan saksama.

4.8.1 Halus Budi Bahasa Dan Budi Pekerti Melalui Sikap Kesopanan

Sikap kesopanan memberikan gambaran tentang tingkah laku sopan dan beradab ketika berhadapan dengan khalayak pandangan oleh Nik Suhaila Nik Salleh (2016) dan Hashim Musa (2008) menegaskan bahawa sikap kesopanan mempengaruhi pelbagai aspek seperti adat sopan santun, tingkah laku yang baik dan peradaban. Kesopanan merupakan simbolik kepada keperibadian yang mulia dan mendedahkan perwatakan manusia yang sopan apabila berhadapan dengan khalayak bahkan perkara ini amatlah penting bagi mengetengahkan perasaan hormat terhadap masyarakat. Siti Rabiatul Adawiah Jaafar (2013) bersetuju bahawa perilaku seseorang yang sopan dan lemah lembut apabila berinteraksi dengan masyarakat dan perilaku ini mampu membina perhubungan yang baik. Hubungan baik antara dua pihak terbentuk apabila mereka saling berinteraksi dengan baik dan memiliki kesefahaman serta penggunaan percakapan yang sopan sememangnya tidak akan memunculkan suasana yang kecoh melainkan suasana persekitaran yang tenang dan damai. Halus budi bahasa dan budi pekerti melalui sikap kesopanan boleh dilihat cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar*. Ianya dapat dilihat melalui nukilan di bawah:

> Petikan 11
> Kisahnya menceritakan tentang dahulunya terdapat seorang saudagar yang kaya-raya. Hartanya yang melimpah ruah tidak dek makan oleh tujuh generasi. Orangnya lembut baik budi pekerti dalam setiap pertuturan dan tingkah laku serta beliau juga tidak sombong dan memiliki nilai hormat kepada masyarakat sekeliling walaupun beliau adalah seorang yang kaya-raya. Pertuturan yang sopan menyebabkan beliau sangat disegani oleh masyarakat kampung.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 22)

Berdasarkan petikan ini, memaparkan bahawa saudagar memiliki sikap budi pekerti yang tinggi. Saudagar itu memiliki kekayaan yang melimpah ruah dan sikapnya



FYP FTKW

juga tidak sombong dengan anak kapal. Beliau sangat sopan dan mengambil berat tentang keselamatan anak kapal terutamanya ketika laut mula bergelora menyebabkan anak kapal mulai risau dengan keadaan tersebut namun saudagar itu menenangkan anak kapal supaya mengawal kapal supaya tidak terpesong dari laluan sebenar. Beliau sangat dihormati oleh anak kapal kerana sikapnya yang berbudi pekerti dan baik kepada semua anak kapalnya. Sikap saudagar yang berbudi pekerti telah membolehkan segala permasalahan dapat diselesaikan dengan mudah dan tenang. Penyataan dibuktikan menerusi pengurusan dan strategi yang dilaksanakan oleh saudagar dalam menguruskan anak-anak kapalnya setelah mereka terdampar di laut. Oleh kerana perlakuan sopan serta beradab dari saudagar membuktikan perlakuan anak kapalnya juga sama iaitu halus budi bahasa dan berbudi pekerti. Apabila mereka menunjukkan semangat bekerjasama segala pekerjaan yang dilakukan berjalan dengan lancar. Sebagai contohnya, mereka bersama-sama merentasi lautan demi meneruskan kehidupan sehinggalah mereka menemui kerlipan cahaya dari sebuah rumah api dan daratan yang semakin dekat dengan mereka. Dengan ini memperlihatkan wujudnya kesepakatan dalam diri mereka untuk memperoleh sesuatu kejayaan.

4.8.2 Halus Budi Bahasa Dan Budi Pekerti Melalui Sikap Ramah Mesra

Sikap ramah mesra menyatakan sikap manusia yang mampu membina suasana bermasyarakat sekali gus memiliki perhubungan yang baik antara satu sama lain terutamanya ketika bercakap dan perilaku (Hashim Musa, 2008). Selain itu, Siti Rabiatul Adawiah Jaafar (2013) mengetengahkan konsep ramah mesra yang sama iaitu sikap manusia berbudi bahasa dan budi pekerti melalui sikap ramah mesra. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan perhubungan yang terjalin dengan baik berpuca daripada sikap ramah mesra yang diterapkan dalam diri manusia yang mendorong mereka untuk menjaga kata-kata dan perlakuan ketika berinteraksi. Hal ini menyebabkan masyarakat merasa selesa untuk berbicara atau berkongsi masalah



FYP FTKW

kerana sikap ramah mesra yang menerapkan halus budi bahasa dan budi pekerti. Jelaslah, komunikasi yang mesra antara satu sama lain mampu membentuk satu perhubungan yang utuh dalam kalangan masyarakat. Tuntasnya, sikap berbudi pekerti mampu memudahkan segala urusan. Selain itu, cerita *Nik Mat Keturunan Banjar* juga menjelaskan halus budi bahasa berpandukan petikan yang disediakan di bawah:

> Petikan 12
> Raja Jembal kurang senang apabila masyarakat setempat terlalu menghormatinya sehinggakan membahasakan diri dengan panggilan patik dan hamba. Baginda merasakan telah menghina golongan rakyat lantas baginda menukarkan namanya kepada Nik Mat Alim dan juga mengikuti cara kehidupan rakyat serta baginda juga seorang yang sangat merendah diri apabila bercakap dengan masyarakat dan memiliki tingkah laku yang tidak sombong.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 78)

Sikap ramah mesra yang dibawanya itu telah memperlihatkan keperibadian yang mulia dalam dirinya yang memiliki halus budi bahasa. Sikap baginda dalam pergaulan sesama masyarakat mewujudkan kerakraban sesama mereka. Menerusi petikan 12 menjelaskan bahawa Nik Mat Alim merupakan seorang putera dari keturunan Raja Banjar yang mengambil alih pemerintahan setelah kemangkatan ayahandanya. Disebabkan terbiasa dengan sikap rendah diri dan baginda juga mengamalkan kehidupan yang sama dengan penduduk menyebabkan baginda tidak suka dengan pertuturannya dengan penduduk kampung yang terlalu menyanjungi baginda malahan Raja Jembal juga merasa baginda telah merendah-rendahkan kedudukan penghuni kampungnya serta mewujudkan jarak perbezaan taraf kehidupan mereka sebagai umat Allah SWT. Sikap halus budi bahasa yang dipaparkan oleh Nik Mat Alim membuktikan baginda mempunyai perwatakan yang baik dan penuh dengan kesopanan.

Pendekatan moral yang dikemukakan dalam Teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan halus budi bahasa dan budi pekerti kerana wujudnya penyampaian tentang pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh manusia. Jelaslah



FYP FTKW

bahawa manusia berbudi bahasa dan berbudi pekerti merupakan pembentung terbaik demi membentuk dan melahirkan masyarakat yang baik dalam memperoleh kesejahteraan dan keberkatan hidup. Komponen hati budi Melayu telah mempengaruhi pembentukan perpaduan kaum dalam kalangan generasi kini. Hal ini kerana, generasi kini kurang mendapat pendedahan tentang aspek hati budi Melayu sekali gus kurang diamalkan dalam kehidupan disebabkan kesibukan mengejar kemewahan. Melalui penerapan hati budi Melayu dalam cerita rakyat ini menggalakkan generasi kini menghormati antara satu sama lain dalam berkomunikasi atau menjalin hubungan dalam kemasyarakatan supaya budi pekerti yang ada ditambah baik. Selain itu, halus budi bahasa dan berbudi pekerti memberikan satu gambaran kepada generasi kini tentang perhubungan akrab yang terjalin dalam sebuah komuniti masyarakat. Impaknya, generasi kini dapat mempelajari menerusi pengalaman hidup yang dipaparkan dalam kedua-dua cerita lisan tersebut untuk mencipta hubungan yang mesra dan membina keharmonian dalam satu perhubungan. Jelaslah bahawa generasi kini dapat memahami dan mendalami ilmu dalam menjalinkan hubungan dengan orang sekeliling tanpa mengira perbezaan taraf namun berpandukan pengalaman-pengalaman yang dikongsi dan pernah dilalui oleh setiap manusia. Jeannot Abdul Karim dan Khairul Anuar Reza (2012) menyokong penyataan tersebut kerana mereka mendapati masyarakat Melayu sangat mengutamakan adab dalam kehidupan dan berhadapan orang sekelilingnya.



FYP FTKW

4.9 Hidup Bermasyarakat

Hashim Musa (2008) menyatakan hidup bermasyarakat adalah kehidupan yang saling menjaga antara satu sama lain. Kebajikan merujuk kepada kualiti individu dalam melakukan tindakan secara baik dan memberikan kesan yang mendalam kepada khalayak. Kebajikan ialah satu sifat di mana seseorang memberi pertolongan, kebaikan dan menyediakan peruntukan khas untuk masyarakat yang kekurangan. Kebajikan membuktikan bahawa perlakuan seseorang yang mempunyai kekuatan dan semangat dalam memberikan kemudahan kepada orang lain. Manusia yang mengutamakan kebajikan dianggap sebagai seseorang yang memiliki sikap yang bertimbang rasa. Mustafa Daud (1995) memberikan satu hujahan iaitu manusia yang memiliki sikap bertimbang rasa yang tinggi dalam diri tidak mampu dan sedih apabila melihat orang lain mengalami kesusahan dan penderitaan mendorongnya untuk memberikan pertolongan dengan cara tersendiri seperti menjaga kebajikan dan mencari penyelesaian yang terbaik untuk mengekang permasalahan itu berterusan membelenggu diri. Tambahan pula, bertimbang rasa juga membawa makna kepada tindakan yang diambil oleh seseorang untuk melakukan sesuatu perkara tanpa meninggalkan kesan kepada orang lain seperti menyinggung perasaan dan kejadian ini berlaku kerana perasaan prihatin dalam diri manusia mengenai kesulitan dihadapi orang sekelilingnya. Definisi ini merujuk kepada pandangan Norita Ariffin (2006) mengenai sifat bertimbang rasa yang mampu melahirkan masyarakat yang sanggup menjaga kebajikan masyarakat. Secara ringkasnya, perwatakan ini akan membentuk sebuah kehidupan masyarakat yang harmoni.



FYP FTKW

4.9.1 Hidup Bermasyarakat Melalui Sikap Tolong-Menolong

Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) memaparkan sikap manusia yang gemar menyampaikan bantuan kepada orang yang memerlukan demi kepentingan dan kebajikan bersama sebagai rakyat begitu jugalah pandangan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Manakala Hashim Musa (2008) ialah tindakan yang diambil untuk meringankan beban orang disekelilingnya. Jelaslah, sikap tolong-menolong dapat disampaikan dalam pelbagai kaedah yang mampu mengurangkan beban di bahu seperti sentiasa bermuafakat, bekerjasama, mengutamakan perpaduan dapat menghakis perasaan perit yang menimpa diri. Menerusi cerita yang bertajuk *Lipat Sanggul Penempatan Residen British* mengetengahkan sifat yang sentiasa mengutamakan kebajikan iaitu:

> Petikan 13
> Pak Dollah yang melihat Cik Melah tidak sedarkan diri itu telah meminta pertolongan. Majikannya yang ketika itu sedang membaca surat akhbar di tingkat bawah terkejut dengan jeritan Pak Dollah lalu segera naik ke tingkat atas. Melihatkan keadaan Cik Melah yang tidak sedarkan diri itu segera Howard mengangkat Cik Melah lalu dibawa ke keretanya. Cik Melah segera dibawa ke hospital.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 36)

Petikan 13 menampilkan hati budi Melayu yang sentiasa tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan. Kebajikan yang diberikan oleh majikan kepada pekerjanya. Howard memiliki sikap yang sangat mengambil berat dan mengutamakan kebajikan pekerjanya. Beliau suka membantu orang semasa menghadapi kesusahan dan membantu semampu yang mungkin. Sikapnya yang gemar menjaga kebajikan ini merupakan faktor pekerjanya setia dan selesa bekerja dengannya. Howard juga sanggup melakukan apa sahaja agar kebajikan pekerjanya terjaga. Sebagai contoh, ketika Cik Melah dipatuk ular dan pengsan dengan pantas Howard mengangkat pekerjanya lalu segera di bawa ke hospital menggunakan keretanya agar nyawa Cik Melah dapat diselamatkan dan segera mendapatkan rawatan.



FYP FTKW

Menerusi sikap tolong-menolong yang diterapkan dalam diri Howard memberikan satu teladan kepada generasi kini. Terdapat beberapa permasalahan bahawa segelintir majikan masih melakukan penyalahgunaan fungsi pekerja kerana majikan hanya memanfaatkan pekerja asalkan setiap pekerjaan boleh diselesaikan dan memberikan keuntungan kepada mereka tanpa menghiraukan kebajikan pekerja. Oleh itu, pentingnya dalam satu organisasi untuk menjaga kebajikan-kebajikan pekerja kerana dalam hal ini kedua-dua pihak adalah saling memerlukan perkhidmatan masing-masing dalam mencari rezeki yang halal. Disebabkan itu, kebajikan terhadap seseorang perlulah dijaga dengan baik supaya pekerjaan yang dilakukan oleh orang tersebut dijalankan dengan penuh amanah dan tanggungjawab terutama seperti contoh dalam petikan di atas malahan mereka akan sentiasa bersungguh-sungguh memberikan komitmen ketika bekerja dan perasaan bertanggungjawab dalam bekerja tertanam dalam diri.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menjelaskan tolong-menolong adalah satu perbuatan yang menyediakan pertolongan kepada orang lain agar kebajikan dan kepentingan mereka terjaga. Sikap tolong menolong mampu menyelesaikan urusan orang lain dengan lebih mudah dan cepat. Perbuatan tolong menolong adalah satu perlakuan yang murni dan memberikan kesenangan kepada semua pihak. Di samping itu, kepentingan masyarakat atau orang lain dapat ditolong dengan sehabis baik. Dalam menjalani kehidupan sebagai seorang manusia, pelbagai dugaan dan rintangan yang dihadapi dalam memperoleh kejayaan bahkan manusia ini sentiasa bekerjasama untuk meringankan beban yang dihadapi walaupun seseorang itu hanya mampu mendengar luahan perasaan untuk permasalahan sahaja sudah memadai kerana bantuan bukanlah sekadar harta sahaja tetapi bantuan juga dapat diberikan melalui nasihat, motivasi dan banyak lagi yang bersesuaian dengan kemampuan diri.



FYP FTKW

4.9.2 Hidup Bermasyarakat Melalui Sikap Muafakat

Konsep sikap muafakat adalah perbincangan yang dilakukan secara bersepakat untuk memperoleh persetujuan ramai sebelum sesuatu tindakan dibuat Hashim Musa (2008). Seterusnya, dalam kehidupan sesebuah masyarakat amat mengutamakan sikap muafakat yang memberikan keuntungan kepada semua pihak (Mustafa Daud, 1995). Norazit Selat (2001) menyatakan dalam sistem kebudayaan masyarakat Melayu mengemukakan bahawa sikap muafakat adalah tunjang utama kepada pembentukan komuniti yang sejahtera. Secara ringkasnya, sikap muafakat memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu tindakan bagi mengumpulkan persetujuan ramai sebelum memulakan pekerjaan. Hubungan antara masyarakat juga lebih erat kerana mereka sentiasa berkumpul untuk bermusyawarah dan mengambil berat perihal antara satu sama lain. Kisah yang seterusnya juga membincangkan perihal sikap tolong menolong menerusi naratif lisan yang berjudul *Tok Perindu.*

> Petikan 14
> Tentera Siam menggali beberapa lubang yang besar untuk menanam bangkai gajah tersebut sebelum mereka berangkat pulang. Keasyikan suara buluh telah menyebabkan binatang-binatang yang melintasi kawasan itu akan tertarik untuk mendengarnya dengam leka sehingga mati kelaparan.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 58)

Petikan cerita berkisarkan tentang gajah-gajah yang digunakan untuk berperang mati apabila merentasi kawasan rumpun buluh yang berdekatan pokok tanjung. Ada yang mengatakan bahawa rumpun bulu mempunyai penunggu yang digelar sebagai Tok Perindu yang merupakan penghuni ghaib yang tinggal di pohon buluh tersebut. Dia memiliki suara yang sangat merdu dan suara dari rumpun buluh akan kedengaran apabila ia ditiup oleh angin. Begitu jugalah dengan kisah gajah-gajah yang mati itu kerana mereka mendengar suara yang merdu dari arah tersebut pada ketika itu para tentera sedang tidur mengakibatkan gajah-gajah itu mendekati kawasan



FYP FTKW

Tok Perindu. Apabila pagi sudah tiba, para tentera terkejut apabila mengetahui gajah mereka telah hilang dan mereka menjumpai gajah yang masih leka menghayati suara yang merdu tersebut. Pelbagai cara yang dilakukan oleh pihak tentera untuk membawa gajah itu pulang tidak membuahkan hasil kerana gajah itu tidak meninggalkan tempat itu sehingga gajah-gajah itu mulai sakit dan mati di Tanjung Tok Perindu. Jelaslah, kejadian tersebut memberikan impak kepada para tentera Siam.

Sikap yang mengutamakan sikap tolong menolong diamalkan dalam diri para tentera Siam. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka telah menanam bangkai gajah itu di dalam satu lubang yang sebelum pulang ke Siam. Mereka sedar bahawa gajah itu sudah banyak membantu dan memberikan kemudahan kepada mereka ketika peperangan. Tentera Siam juga mengerti bahawa sekiranya mereka tidak menanam bangkai-bangkai gajah tersebut maka ia akan menyusahkan orang lain kerana terpaksa melakukan perkara tersebut. Oleh itu, mereka menunaikan tanggungjawab terakhir dengan menanam bangkai gajah tersebut malah mereka mulai sedar bahawa suara merdu dari pohon buluh menjadi punca kematian gajah-gajah kerana mereka terlampau leka mendengar kemerduan suara itu sehingga mereka lupa untuk makan dan minum yang mengakibatkan kepada kematian gajah-gajah mereka. Selain itu, memperlihatkan sifat yang sentiasa bermuafakat. Tentera Siam berbincang sesama mereka mengenai tindakan yang perlu diambil apabila melihat gajah-gajah sudah mati. Ini membuktikan mereka bersepakat untuk melakukan sesuatu keputusan. Perkara ini turut disokong oleh Metzger (2007) mengemukakan pandangannya iaitu sikap tolong menolong yang ditampilkan dalam masyarakat Melayu merupakan satu simbolik kepada budaya Melayu dalam kehidupan. Sehingga kini masyarakat sudah terbiasa dengan menyalurkan pertolongan kepada orang lain bertujuan untuk berkongsi rezeki kerana didapati masih ramai manusia yang menghadapi pelbagai masalah dalam kelangsungan hidup. Maka tidaklah salah jika rezeki dan kelebihan yang dimiliki dikongsi bersama orang lain kerana ianya menjadi asbab untuk rezeki



FYP FTKW

semakin murah, segala urusan lancar dan teratur serta membina satu ikatan yang sejahtera dan harmoni dengan masyarakat.

Berdasarkan kedua-dua cerita yang berkisarkan tentang kebajikan telah memberikan didikan kepada pembaca dan generasi kini. Hal ini menjelaskan menjaga kebajikan perlulah diutamakan tanpa mengira sama ada manusia atau haiwan kerana mereka telah banyak berbakti kepada seseorang. Kebajikan yang dilakukan juga bukanlah menjadi sesuatu yang berat atau sukar kerana ia dilakukan mengikut kemampuan dan atas sifat bertimbang rasa seseorang individu terhadap orang lain. Oleh itu, kebajikan mereka harus dijaga agar kehidupannya lebih terjamin. Menerusi Teori Pengkaedahan Melayu terkandungnya pendekatan moral yang sepadan dengan sikap yang mengutamakan kebajikan dan memberi pertolongan dengan sehabis baik. Manusia berpegang kepada pengalaman hidup yang pernah dilalui demi mengetengahkan semangat bermasyarakat serta mendedahkan pengajaran kepada manusia. Impak penerapan hati budi Melayu menjadi landasan kepada generasi kini untuk menghidupkan budaya kerja yang positif. Mendahului kebajikan pekerja seperti yang dilampirkan oleh Howard mampu membangkitkan semangat pekerja untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh dan mampu memberikan komitmen yang terbaik serta meningkatkan produktiviti dalam bekerja.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.10 Hormat Dan Khidmat Pergaulan Dengan Tetamu

Hormat adalah sifat yang dapat memuliakan orang-orang yang lebih tua dan para tetamu dengan menyapa serta memberikan layanan yang terbaik agar mereka merasa dihormati dan senang apabila menziarahi seseorang. Siti Rabiatul Adawiah Jaafar (2013) menyatakan bahawa istilah hormat-menghormati merujuk kepada penghormatan yang diberikan kepada seseorang dengan memberikan layanan yang baik dan bersikap sopan dengan mereka mampu membuatkan merasa dihargai. Norita Arifin (2006) menjelaskan hormat adalah seseorang yang tinggi dengan budi pekerti dan memuliakan orang-orang yang lebih tua, jiran, tetamu serta memberikan layanan terbaik kepada mereka. Manusia yang mengamalkan sikap menghormati orang lain amatlah disanjung tinggi keperibadian kerana dia mampu berhadapan dengan pelbagai orang yang memiliki pelbagai perangai yang berbeza.

Tetamu adalah rezeki dan amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada seseorang. Kebiasaannya tetamu akan menziarahi dan berkunjung ke rumah sama ada dijemput ataupun tidak. Tugas seorang tuan rumah perlulah menerima kehadiran serta memberikan layanan dan menghormati mereka. Di sinilah, tahap keimanan dan kemuliaan seseorang dapat ditonjol menerusi sikapnya dalam menerima kehadiran tetamu dan pergaulan yang baik serta memuliakan tetamu adalah perkara yang baik. Selain itu, memuliakan dan mengutamakan tetamu adalah alat pengukur kepada kualiti iman seseorang malahan baik dan buruk sikapnya dapat dilihat menerusi layanan yang diberikan kepada tetamu.

> Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:
> "Tidak sempurna iman seseorang itu, sehingga dia mengasihi saudaranya, sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri."
>
> (Riwayat Muslim)

Potongan ayat di atas membincangkan bahawa kita haruslah mengasihi saudara sebaik mungkin seperti kita mengasihi diri sendiri. Oleh itu, sikap ini haruslah



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

diamalkan supaya mengeratkan sebuah perhubungan.

### 4.10.1 Hormat Dan Khidmat Pergaulan Dengan Tetamu Melalui Sikap Belas Kasihan

Hashim Musa (2008) merujuk kepada perasaan sedih yang dialami apabila melihat seseorang itu ditimpa musibah dan bersedia untuk berkhidmat dengan memberikan pertolongan. Selain itu, perasaan sedih yang membelenggu diri apabila mendengar seseorang mengalami masalah dan nekad untuk menyalurkan bantuan bagi meringankan beban yang dipikul (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Sikap belas kasihan mendorong manusia membantu dan tidak boleh melihat dugaan yang menimpa orang tersebut dan berupaya mencari penyelesaian untuk membantu adalah cara yang terbaik untuk menghilangkan rasa sedih yang menimpa diri. Berdasarkan petikan di bawah memaparkan hormat dan khidmat pergaulan dengan tetamu menerusi sikap belas kasihan yang terdapat dalam cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* iaitu:

> Petikan 15
> Pada suatu malam yang hening, Timah telah berkunjung ke masjid tempat kediaman imam tersebut. Timah datang untuk mengadu dan meluahkan permasalahannya kepada imam. Imam merasakan tidak sedap hati namun diteruskan juga kerana Timah adalah penduduk kampung yang dikenali.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 17)

Petikan 15 menunjukkan bahawa imam sangat menghormati dan khidmat dalam pergaulan dengan tetamu. Hal ini dikatakan demikian kerana, imam menerima dan menghormati kedatangan Timah sebagai tetamu di kediamannya walaupun dia merasakan tidak sedap hati kerana Timah datang pada waktu malam. Namun begitu, beliau tetap sedia mendengar segala permasalahan yang dihadapi oleh penduduk kampungnya dan merasa belas kasihan akan masalah yang ditanggung serta berusaha untuk menyalurkan pertolongan untuk meringankan beban yang dihadapi. Tamsilnya, seseorang yang memiliki sikap hormat dalam sebuah pergaulan



FYP FTKW

menggalakkan lebih ramai orang mahu mendekatinya dan menjadikan sebuah kehidupan itu lebih rukun. Perkara ini menjelaskan bahawa tok imam bersedia berkhidmat untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh Timah. Jelaslah bahawa, sikap belas kasihan yang wujud dalam diri menjadi pemangkin untuk seseorang itu memberikan pertolongan agar kepuasan dapat dirasai setelah menyalurkan bantuan (Mohd Ali Hashimi, 1992).

4.10.2 Hormat Dan Khidmat Pergaulan Dengan Tetamu Menerusi Sikap Memahami

Mustafa Daud (1995) menyatakan bahawa perpaduan yang terjalin atara masyarakat kerana sikap memahami antara satu sama lain. sikap memahami dapat menggelakkan daripada berlakunya ketidaksefahaman pandangan ataupun mengeratkan lagi sebuah perhubungan yang terjalin agar terus utuh. Seterusnya, cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* juga mengemukakan nilai hormat dan hormat dalam pergaulan dengan tetamu.

> Petikan 16
> Setelah beberapa bulan menginap di Kampung Pulau Gajah, lelaki tersebut telah melihat kehadiran beberapa buah keluarga berpindah ke penempatan yang dia tinggal namun dia menerima kunjungan itu dengan rela hati.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 29)

Berdasarkan petikan di atas, sikap hormat dan khidmat dalam pergaulan dengan tetamu telah diperoleh dalam naratif lisan ini. Sikap lelaki tersebut menerima kedatangan beberapa buah keluarga ke tempat tinggal dengan hati yang terbuka kerana perkampungan yang mereka tinggal mengalami ancaman hakisan dan tempat tinggal sudah terjejas serta keselamatan mereka sudah tidak terjamin lagi. Dia juga menghormati dan menerima kehadiran tetamu ke penempatannya bahkan mereka akan menjadi jiran tetangga serta menjalani kehidupan seharian bersama-sama. Menerusi perwatakan yang ditampilkan membuktikan lelaki tersebut memiliki perasaan yang bertimbang rasa terhadap orang yang mengalami kesusahan. Oleh itu, sikap



FYP FTKW

menghormati dan memberikan layanan yang baik kepada tetamu memberikan impak kepada generasi kini untuk memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan sekali gus dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

Hormat dan khidmat dalam pergaulan dengan tetamu amat bersesuaian dengan pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2022). Hal ini kerana, menghormati tetamu atau orang yang lebih tua adalah satu satu aspek yang mendorong untuk memiliki kehidupan harmoni dalam kalangan masyarakat setempat atau jiran tetangga serta membentuk kesejahteraan hidup bermasyarakat. Impaknya, generasi kini perlu mengamalkan nilai hormat dan memberikan khidmat dalam pergaulan dengan tetamu dengan memberi layanan yang baik serta mendidik generasi menghormati dan menghargai kehadiran tetamu yang sebenarnya membawa rezeki.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.11 Sederhana Bukan Ekstremis

Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa sederhana atau tidak ekstrem merupakan sikap yang mendahulukan kesepakatan dan memperoleh persetujuan ramai supaya keputusan yang dilakukan tidak akan melampaui batas atau menyinggung perasaan mana-mana pihak yang terlibat. Sikap sederhana amat diperlukan dalam diri setiap individu terutamanya yang sentiasa berkomunikasi dengan masyarakat agar mengetahui batasan dalam berkata-kata ataupun tingkah laku. Sederhana menerusi tutur kata dan tingkah laku adalah percakapan atau perlakuan yang tidak melampau dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) juga menyatakan sikap kesederhanaan mampu menghindarkan manusia memilik sikap sombong. Sikap sombong perlulah dihakis dalam diri manusia kerana ianya akan memberikan satu persepsi yang tidak baik dan menggalakkan manusia sentiasa dirinya sentiasa sempurna dan memiliki segalanya sehingga sanggup merendah-rendahkan orang disekililingnya. Selain itu, Musetah Mashod (2001) menyatakan bahawa sederhana dalam tutur kata dan tingkah laku dapat dilihat menerusi pertuturan dan tingkah laku yang sopan yang ditampilkan oleh seseorang dan mereka juga melakukan sesuatu perkara secara berlebihan dan melampaui batas. Seseorang yang menggunakan pertuturan dan tingkah laku yang tidak melampau mengamalkan sikap itu sebagai prinsip dalam kehidupan.

4.11 Sederhana Bukan Ekstremis Melalui Pertuturan Dan Tingkah Laku

Musetah Mashod (2001) menyatakan bahawa sederhana dalam tutur kata dan tingkah laku dapat dilihat menerusi pertuturan dan tingkah laku yang sopan yang ditampilkan oleh seseorang dan mereka juga melakukan sesuatu perkara secara berlebihan dan melampaui batas. Seseorang yang menggunakan pertuturan dan tingkah laku yang tidak melampau mengamalkan sikap itu sebagai prinsip dalam kehidupan. Seterusnya, cerita *Misteri Batu Hampar* menunjukkan penemuan



FYP FTKW

sederhana dalam bertutur kata dan tingkah laku iaitu:

Petikan 17
Haji Lat menegur Sepek kerana perbuatan yang terjun melawan arus sungai untuk mendapatkan batu hampar kerana amat berbahaya dan membawa pada kepada dirinya sendiri namun tidak diendahkan oleh Sepek dengan meneruskan hasratnya untuk mendapatkan batu tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 38)

Petikan 17 menunjukkan bahawa pertuturan dan tingkah laku yang ditampilkan oleh Haji Lat yang memberikan teguran kepada Sepek dengan cara yang baik agar tidak membahayakan diri sendiri hanya untuk mendapatkan batu hampar sehingga dia perlu terjun ke sungai secara berlawan arus. Hal ini membuktikan bahawa wujudnya perasaan bimbang dalam diri Haji Lat dengan keselamatan Sepek dan dia juga bersederhana dalam memberikan nasihat. Oleh itu, sederhana dalam tutur kata dan tingkah laku perlulah diterapkan dalam diri setiap generasi agar kehidupan lebih harmoni. Selanjutnya, sederhana dalam tutur kata dan tingkah laku juga dapat diperoleh dalam cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur* seperti yang termuat dalam potongan ayat iaitu:

Petikan 18
Walaupun masyarakat sangat menyanjungi dan menghormati beliau namun sikap merendah diri masih wujud dalam dirinya bahkan beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang dimiliki.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

Petikan 18 menampilkan perwatakan Tok Karim sebagai seorang guru silat yang terkenal kerana kehandalannya bahkan ramai anak muda yang menuntut ilmu dengan beliau. Tok Karim adalah seorang yang sederhana dari segi tutur kata, tingkah laku dan tidak mengamalkan ketegasan yang melampau dalam mengajar silat. Tok Karim menceritakan kepada anak-anak murid tentang ilmu handalnya agar patuh dengan arahan yang diberikan. Tamsilnya, sikap yang bersederhana diamalkan dalam



FYP FTKW

diri membuatkan dia tidak pernah merasa bangga dengan kelebihan yang dimiliki walaupun dihormati dan disanjungi oleh masyarakat.

Nilai sederhana dalam tutur kata dan tingkah laku sejajar dengan pendekatan kemasyarakatan. Sebagai bukti kedua-dua naratif lisan ini memaparkan kehidupan masyarakat yang baik dan damai menyampaikan impak yang positif kepada masyarakat. Oleh itu, setiap golongan terutamanya generasi kini perlu mengamalkan sikap bersederhana agar tidak menyesal di kemudian hari kerana kesederhaan memberikan kita ruang untuk kita berfikir sebelum melakukan sesuatu tindakan. Masyarakat Melayu menjadikan kesederhanaan sebagai prinsip kehidupan supaya sentiasa insan yang bersederhana. Tambahan pula, Swettenham (2003) juga menyokong bahawa masyarakat Melayu mengamalkan hidup yang tidak keterlaluan dan tidak ekstrem dalam pertuturan dan tingkah laku. Perbuatan yang tidak berlebihan menjadikan seseorang itu mudah diterima dan disenangi oleh masyarakat.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.12 Menjaga Maruah Diri

Berdasarkan pandangan dari Hashim Musa (2008) menegaskan orang berani dalam mempertahankan diri memiliki sikap yang bersungguh-sungguh membela suatu melalui keputusan yang benar. Sikap berani memberikan satu dorongan kepada manusia untuk berjuang mempertahankan maruah diri yang dipandang hina oleh orang lain. Secara ringkasnya, maruah diri mampu dipelihara dengan penerapan nilai keberanian dalam diri manusia. Hati budi Melayu menggalakkan keprihatinan terhadap harga diri dan maruah agar masyarakat memelihara dan tiada siapa pun yang berhak untuk merendah-rendahkan harga diri dan maruah seseorang. Sikap prihatin memberikan gambaran tentang kesanggupan dalam mempertahankan harga diri dan maruah. Perkara ini menjelaskan bahawa manusia sangat memelihara harga diri dan maruah yang akan mewujudkan semangat berani dalam diri untuk mempertahankan harga diri dan maruah apabila dipandang rendah atau dihina oleh orang lain.

Maruah haruslah dipelihara bagi menjaga nama dan kehormatan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Penjagaan maruah dengan baik amatlah dituntut kerana seseorang yang memelihara maruah adalah seseorang yang memiliki jati diri dan hati budi yang utuh. Percakapan yang baik dapat diamalkan iaitu bertutur secara sopan dan lemah-lembut serta menggunakan bahasa yang sopan apabila berkomunikasi dengan orang disekeliling. Metzger (2007) menjelaskan manusia yang berani dalam mempertahankan dan mementingkan harga diri dan maruah mampu menimbulkan rasa hormat oleh orang lain kerana sangat mengutamakan maruah diri walaupun diri sendiri mengalami kesusahan. Dengan ini menunjukkan cara untuk memelihara harga diri dan maruah ataupun menjaga air muka. Selain itu, memelihara harga diri dan maruah memerlukan sikap berani dalam diri agar mampu mempertahankan diri dari segala rintangan dan cabaran yang perlu direntasi. Norita Ariffin (2006) menyatakan berani merujuk kepada manusia yang memiliki keberanian yang tinggi untuk merentasi dugaan dan sanggup melakukan segalanya walaupun terpaksa menanggung risiko



FYP FTKW

yang tinggi demi mempertahankan harga dan maruah diri, keluarga serta negara.

### 4.12.1 Menjaga Maruah Diri Melalui Sikap Bertanggungjawab

Sikap bertanggungjawab merujuk kepada sikap seseorang yang melakukan apa sahaja yang menjamin kehidupan diri dan masyarakat terjaga bahkan seseorang yang bertanggungjawab menjadi harapan orang sekeliling. Sikap bertanggungjawab dalam menjaga maruah diri memelihara kemuliaan dan keperibadian manusia dengan lebih terjamin. Berdasarkan Kamus Dewan (2016) menyatakan sikap bertanggungjawab dalam diri manusia menjadikan mereka berhak untuk memikul segala beban yang mereka perlu hadapi seperti petikan 19 membincangkan tentang pemerintah yang bertanggungjawab dan sanggup berjuang untuk memelihara maruah diri dan negara menerusi cerita *Kegemilangan Pengkalan Datu*:

> Petikan 19
> Kehilangan Puteri Saadong setelah serangan dari pihak Siam menjadikan pemerintahan diambil oleh Sultan Omar. Sultan Omar pada ketika itu bertindak untuk menyatukan kembali negeri Kelantan dalam satu pentadbiran dengan cara melawat seluruh jajahan negeri termasuklah Pengkalan Datu. Baginda menitahkan untuk membuka satu kawasan untuk penanaman padi dan melakukan aktiviti perdagangan di Sungai Pengkalan Datu. Akhirnya, Pengkalan Datu muncul sebagai pusat perdagangan besar di Kelantan.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 13)

Petikan 19 menampilkan satu penceritaan tentang pemerintahan seorang puteri yang sangat cantik yang memerintah negeri Kelantan. Baginda sangat memartabatkan maruah kerajaan yang dipimpinnya dengan baik. Sewaktu pemerintahannya, Pengkalan Datu dikenali sebagai pusat perdagangan serantau yang berkembang dengan sangat pesat. Pengkalan Datu diserang oleh pihak Siam yang didakwa merasa cemburu dengan kemajuan pengkalan tersebut sebagai pusat perdagangan dan menjadi salah satu faktor Puteri Saadong menghilangkan diri serta keberadaannya tidak dapat dijejaki selepas serangan tersebut.



FYP FTKW

Kesungguhan yang dipamerkan oleh Sultan Omar untuk menyatukan kembali negeri Kelantan membentuk satu pentadbiran membuktikan bahawa baginda sangat mengagungkan maruah sesebuah kerajaan dan mahu mengembalikan kegemilangan yang sama seperti semasa pemeritahan Puteri Saadong. Baginda memutuskan untuk melawat setiap tempat yang berada dalam negeri Kelantan untuk mengetahui kemajuan dan keunikan setiap perkampungan termasuklah Pengkalan Datu. Lantas, baginda memulakan semula kesemua kegiatan perdagangan untuk mengembalikan kejayaan dan martabat negeri Kelantan yang pernah dicapai pada suatu ketika dahulu dan segala usahanya membuahkan hasil apabila Pengkalan Datu kembali menjadi pusat perdagangan. Secara ringkas, setiap pemerintah memiliki hati budi Melayu diamalkan dalam dirinya seperti memiliki keperibadian yang memartabatkan maruah negara yang ditonjolkan menerusi watak Puteri Saadong dan Sultan Omar. Walaupun pemerintahan tersebut ditadbir oleh orang yang berbeza namun ia tetap memberi impak yang positif di mana ia mampu mengembalikan kembali penyatuan negeri-negeri di Kelantan serta maruah Puteri Saadong juga terjaga dengan apa yang dilakukan oleh Sultan Omar. Oleh itu, generasi mampu mempelajari dan menghayati perjuangan yang dilaksanakan oleh mereka untuk memelihara kemajuan dan keamanan sesebuah negara.

### 4.12.2 Menjaga Maruah Diri Melalui Sikap Mempertahankan Pendirian

Sikap mempertahankan diri menurut pandangan Hashim Musa (2008) mengkategorikan manusia yang berani dalam mempertahankan diri dianggap memiliki prinsip hidup yang benar serta menjamin kebaikan kepada diri sendiri dan orang sekelilingnya. Prinsip hidup menjadi satu pegangan kepada seseorang untuk terus bertahan dalam kehidupan agar mampu menempuhi segala halangan dengan baik dan mampu memelihara maruah diri. Aboebakar Atjeh (1988) mengutarakan pandangannya bahawa sikap mempertahankan diri atau pendirian ialah sikap manusia yang yakin dan memiliki pendirian yang tetap dalam menentukan sesuatu tindakan



FYP FTKW

yang benar dalam keadaan sulit demi perlindungan diri daripada serangan pihak musuh.

Tambahan pula, pandangan yang dikemukakan oleh Mustafa Daud (1995) turut menjelaskan definisi sikap mempertahankan diri iaitu kemuliaan sikap manusia dapat dipelihara daripada ditindas oleh orang lain apabila sikap mempertahankan diri diterapkan dalam diri seseorang manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia yang bijak menjaga maruah diri akan dipandang hormat oleh masyarakat bahkan imej juga akan terjaga. Pada pandangan saya pula, sikap mempertahankan diri adalah satu sifat yang tertanam dalam diri seseorang untuk melindungi dan mempertahankan pendirian diri apabila direndah-rendahkan oleh pihak lain yang mampu menghakis semangat keyakinan diri. Oleh itu, sikap mempertahankan pendirian amat penting dalam menjaga maruah diri perlu ditanam dalam generasi kini supaya lebih berani dan berkeyakinan dalam melakukan sesuatu perkara.

> Petikan 20
> Maka, terjadilah satu pertarungan yang hebat di antara kedua baginda sultan. Malangnya Temangi tewas di tangan Parameswara. Kemangkatan Temangi telah dketahui oleh para pembesar dan rakyat Siam pada ketika itu mengakibatkan Parameswara telah diburu.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 32)

Petikan 20 membincangkan tentang pemerintah yang mempertahankan maruah diri dan negara yang diperoleh dalam naratif lisan yang berjudul *Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik*. Secara ringkasnya, pertarungan yang berlaku di antara Parameswara dengan Temangi kerana Temangi telah merendahkan maruah dengan tengkingan hinaan kepada Parameswara yang merupakan seorang raja di mana beliau melarikan diri serta dianggap pendatang yang tak diundang di negeri Temasik. Hal ini juga kerana berita atau perkhabaran yang sampai kepada Temangi bahawa Parameswara ingin membuka kerajaannya sendiri. Pertarungan yang berlaku ini juga adalah kerana kemarahan yang tinggi dan sedikit sebanyak telah mencabar maruah



FYP FTKW

diri masing-masing serta mengakibatkan pertumpahan darah. Walau bagaimanapun kedua-dua pihak bersalah kerana saling tidak menghormati antara satu sama lain.

Menerusi cerita ini menunjukkan bahawa Temangi memperjuangkan maruah kerajaan yang dipimpinnya. Baginda memiliki hak untuk mempertahankan maruah diri dan negeri taklukannya iaitu Temasik kerana telah lama menjajah berbanding Parameswara yang baru muncul dan telah berhasrat untuk membuka negeri pemerintahannya sendiri di tempat pelariannya juga. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa sikap yang ditonjolkan oleh Temangi benar kerana mempertahankan hak dan maruah walaupun pada akhirnya Temangi telah tumpas semasa berlakunya pertarungan bersama Parameswara. Akhirnya, Parameswara melarikan diri sekali lagi kerana diburu oleh rakyat jelata Temangi.

Pendekatan moral yang berada di bawah Teori Pengkaedahan Melayu amatlah sepadan dengan petikan tersebut kerana kejadian yang dilalui oleh manusia dan persekitarannya telah menyerlahkan pelbagai tingkah laku manusia untuk dijadikan sebagai pengajaran yang terbaik sama ada secara positif atau negatif. Sebagai contoh, perlakuan Parameswara yang masuk ke negeri Temasik kerana melarikan diri dan berhasrat untuk mendirikan kerajaan tanpa meminta kebenaran pemerintah di negeri Temasik terlebih dahulu. Tindakan yang dilakukan oleh Temangi iaitu pergi menemui Parameswara sebenarnya memberikan nilai yang positif kerana mahu mempertahankan kerajaan yang telah diceroboh tetapi pertuturan baginda yang salah dan agak kasar telah menimbulkan kemarahan. Impak dari cerita ini menjelaskan bahawa untuk menyampaikan teguran haruslah menggunakan bahasa pertuturan yang sopan dan sekiranya berlakunya penindasan terhadap seseorang perlulah diselesaikan dengan baik bukanlah dengan cara yang kejam. Hashim Awang (2002) juga ada mengatakan bahawa pengalaman yang dilalui oleh manusia memberikan pengajaran kepada manusia untuk menjalani kehidupan. Jelaslah bahawa Temangi memiliki hati budi Melayu yang boleh diamalkan oleh generasi kini dalam kehidupan



FYP FTKW

supaya maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara sentiasa dipelihara.

FYP FTKW

4.13 Bertindak Sewajarnya

Hashim Musa (2008) menjelaskan bahawa tindakan yang dilaksanakan berlandaskan fakta yang sahih dan betul serta seseorang itu diberikan tanggungjawab untuk menanggung perkara tersebut. Manusia haruslah bijak dalam menentukan keputusan agar tidak terpesong dari landasan yang benar. Sikap ini juga melambangkan orang bermaruah kerana orang yang bermaruah mengetahui dan sedar setiap perkara yang dilakukan dengan berpandukan fakta yang benar. Bertindak sewajarnya boleh dikaitkan dengan nilai rasional di mana manusia mampu untuk berfikir secara logik dan waras serta benar. Norita Ariffin (2006) nilai rasional mendorong manusia untuk memutuskan keputusan yang benar dan mereka mampu bertindak sewajarnya. Manusia mampu bertindak sendiri dalam melakukan keputusan apabila semangat percayakan diri dan kesanggupan wujud dalam diri iaitu mereka mampu bertindak sewajarnya menggunakan pemikiran yang matang (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Secara umumnya nilai rasional mampu membantu untuk membuat tindakan dengan baik.

4.13.1 Bertindak Sewajarnya Melalui Sikap Rasional

Komponen teras hati budi Melayu iaitu bertindak sewajarnya merujuk kepada sikap rasional iaitu kemampuan seseorang berfikir berlandaskan hujahan dan akal fikiran yang betul. Dengan ini membuktikan seseorang yang mahu bertindak sewajarnya berlandaskan pegangan dan bukti yang kukuh. Berdasarkan pandangan dari Khairul Azhar Meerangani (2017) menjelaskan bahawa nilai rasional membawa makna sebagai cara pemikiran seseorang dalam menentukan sesuatu keputusan yang berpegang kepada ilmu dan hujahan yang sahih serta mempunyai bukti dan bertindak dengan sewajanya. Hashim Musa (2008) menjelaskan bahawa nilai rasional mampu mendorong manusia untuk berfikir merujuk kepada alasan yang kukuh sebelum melakukan sesuatu tindakan. Kemampuan berfikir dengan baik mendorong seseorang



FYP FTKW

melakukan keputusan dan tindakan yang tepat.

Selain itu, Jumali Selamat (2011) menyatakan manusia yang memiliki sifat rasional mempunyai alasan yang munasabah dan berusaha serta berpendirian teguh dalam membuat satu keputusan serta mampu bertindak dengan sewajarnya secara matang dan waras. Sikap rasional dalam bertindak memberikan kemampuan untuk manusia berfikir terlebih dahulu untuk memudahkan lagi pencapaian yang diinginkan dan mendorong manusia meminta pendangan orang lain serta bersama-sama dalam menyelesaikan masalah yang menimpa. Menerusi cerita *Kebijaksanaan Burung Hantu* memaparkan nilai rasional dalam bertindak sewajarnya.

Petikan 21
Setelah menilik, ahli nujum menyuruh raja memanggil pengadu domba agar menghasut garuda untuk menerima cabaran dari raja. Bahkan jika garuda mampu membatalkan perkahwinan raja dengan Puteri China maka negara akan diserahkan kepadanya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 87)

Petikan 21 memaparkan perwatakan ahli nujum yang berfikir sebelum bertindak dan dia bertindak dengan sewajarnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, dia merancang strategi secara terperinci untuk mengalahkan garuda secara halus kerana jika menggunakan kekuatan sudah tentu mereka akan kalah dengan kekuatan dan pengaruh yang dimiliki oleh garuda. Strateginya berjaya apabila burung hantu berjaya menghasut garuda untuk menerima cabaran tersebut dan akhirnya garuda terpaksa meninggalkan kampung tersebut. Jelaslah, menerusi petikan ini memperlihatkan ahli nujum mampu membuat keputusan dengan baik dan membantu raja menyelesaikan masalah yang membelenggu.

Petikan 22
Seorang perempuan yang dikenali sebagai Senah bersama anak lelaki datang ke rumah Mok Su Nab untuk meminta pertolongan supaya merawat anaknya yang telah dipatuk ular sewaktu mencari rotan di hutan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 71)



FYP FTKW

Menerusi petikan 22 menceritakan tentang Senah yang membawa anaknya menemui Mok Su Nab setelah anaknya telah dipatuk oleh ular. Menerusi sikap yang dipamerkan oleh Senah yang mengambil berat perihal anaknya dan mencari penyelesaian yang terbaik serta bertindak sewajarnya. Kita sedar bahawa Senah mampu bertindak dengan baik iaitu mendapatkan rawatan dengan Mok Su Nab yang memiliki kemahiran dalam merawat sesiapa sahaja yang dipatuk oleh ular.

Secara ringkasnya, komponen teras hati budi Melayu iaitu bertindak sewajarnya memberikan satu impak yang positif kepada generasi kini agar mampu bertindak sewajarnya apabila menghadapi sebarang permasalahan agar dapat diselesaikan secara baik dan efisien. Komponen ini juga bersesuaian dengan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya membahaskan tentang pengalaman kehidupan manusia yang meninggalkan impak yang positif dan negatif kepada manusia. Impaknya, generasi kini perlulah bijak untuk bertindak dalam melakukan sesuatu perkara agar dipandang sebagai seorang yang berdikari. Nilai rasional dalam bertindak memupuk kepada perkembangan intelek manusia kerana seseorang yang mahu membuat keputusan ataupun bertindak memerlukan keberanian dalam memperjuangkan pandangannya untuk kepentingan semua sekali gus dapat menghindari penindasan dan penganiayaan kepada manusia yang lemah. Secara umumnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) juga menyokong bahawa keupayaan seseorang dalam menggunakan pemikiran yang rasional mampu memilih keputusan yang benar untuk bertindak. Dengan ini membantu manusia menyelesaikan masalah dengan baik dan lebih berkesan.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.14 Membela Kebenaran Dan Keadilan

Manusia mempunyai hak untuk membela dan mempertahankan sebuah kebenaran agar keadilan berpihak kepada orang benar. Selain itu, kehidupan yang berlandaskan keberanian akan memberikan satu kekuasaan kepada manusia untuk mempertahankan dan memperjuangkan maruah diri, masyarakat dan negara serta memperjuangkan keadilan. Bagi pandangan Mohd Ali Hashimi (1992) keadilan merujuk kepada perlakuan manusia yang tidak curang dalam mencapai suatu keputusan termasuklah dari pertuturan atau tindakannya. Sikap yang berani memiliki kedudukan yang sangat terpuji dalam Islam kerana mereka sanggup mengorbankan diri demi memperjuangkan sebuah kebenaran yang berlandaskan ajaran Islam.

Demi mempertahankan hak manusia perlulah memiliki sikap kebebasan bersuara untuk mengungkapkan segala pandangannya. Satu hujahan daripada Amir A. Rahman (1991) mengetengahkan definisi kebebasan bersuara ialah hak yang manusia miliki untuk menyuarakan pandangan untuk mendapatkan impian yang diinginkan serta tidak memudaratkan diri sendiri. Hak bersuara mampu diperjuangkan oleh manusia untuk memastikan keselamatan diri lebih terjamin. Namun dalam memperjuangkan hak bersuara untunk mempertahankan kebenaran juga memerlukan satu sikap dalam diri yang menjadi pemangkin untuk melakukan perkara tersebut. Sikap yang perlu ada dalam diri seseorang untuk membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan adalah sifat berani. Hashim Musa (2008) menyatakan berani merupakan satu sifat yang memiliki kekuatan yang terdapat dalam seseorang manusia bagi menghadapi segala rintangan dan dugaan dalam menjadi erti sebuah kehidupan yang penuh cabaran dan masalah. Nilai berani perlu diterapkan dalam diri untuk mencapai satu matlamat kehidupan kerana berani merupakan objektif utama yang perlu diperjuangkan untuk memperoleh kejayaan dalam hidup. Tegasnya, nilai keberanian dalam bersuara membantu seseorang untuk memperjuangkan kebenaran dan keadilan demi kesejahteraan hidup masyarkat dan negara.



FYP FTKW

4.14.1 Membela Kebenaran Dan Keadilan Melalui Sikap Berani Kerana Benar

Sikap berani dalam mengungkapkan keberanian merujuk kepada sikap manusia yang bertindak dengan betul dalam setiap perkara yang dihadapi. Berdasarkan pandangan Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) mengemukakan tentang berani mengungkapkan kebenaran memupuk semangat berani kerana benar. Sikap ini dianggap mulia kerana seseorang sanggup mengakui segala kesalahan atau kelebihan yang dimiliki untuk kepentingan bersama bahkan ini juga mengelak daripada sikap pengkhianat ditanam dalam diri (Mohd Ali Hashimi, 1992). Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) juga menjelaskan sikap berani kerana benar merujuk kepada manusia yang membuat keputusan berlandaskan agama Islam kerana itu sikap ini dianggap mulia. Sikap berani perlu diterapkan dalam diri untuk menjadikan seseorang yang mempunyai pendirian dan tegas dalam membuat keputusan agar tidak berlakunya penindasan. Oleh itu, cerita *Kehebatan Laksamana Laut* menemui sikap berani kerana benar dalam membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan.

> Petikan 23
> Laksamana Che Deraman dilantik sebagai laksamana oleh Raja Kelantan kerana sikapnya yang berani dan saiz badan beliau yang gagah perkasa dan sasa. Tugas Laksamana Che Deraman dan rakannya yang lain adalah mengiringi Raja Kelantan semasa baginda keluar belayar. Beliau ditugaskan untuk melindungi raja kerana risiko disamun oleh lanun semasa belayar adalah sangat tinggi.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 62)

Berpandukan petikan ini menunjukkan perwatakan berani dalam diri Laksamana Che Deraman yang merupakan seorang laksamana yang dilantik oleh raja. Sikap berani yang dimiliki merupakan faktor beliau terpilih menjadi laksamana kepada Raja Kelantan ditambah pula fizikal badannya yang gagah dan sasa. Bahkan jika terpandang badannya sahaja sudah menimbulkan rasa takut kepada pihak lawan. Oleh itu, beliau ditugaskan untuk melindungi raja ketika keluar belayar.



FYP FTKW

Selain itu, keberanian Laksamana Che Deraman turut ditampilkan melalui keberanian dalam mengungkapkan kebenaran. Sikap yang gemar menyatakan perkara yang sebenar dapat mengelakkan berlakunya salah faham antara satu sama lain. Contohnya, beliau berani memberitahu raja bahawa beliau memiliki keris yang membantu mereka ketika berhadapan dengan lanun iaitu keris tersebut mampu menjadikan kapal yang mereka tidak dapat dilihat dengan mata kasar oleh kumpulan lanun apabila keris itu turut dibawa belayar bersama-sama. Dengan ini, keselamatan Raja Kelantan lebih terjamin dan bebas daripada dirompak oleh lanun. Jelaslah bahawa seseorang yang memiliki keberanian semestinya kehidupan akan berlangsungnya dengan baik dan teratur.

Menerusi petikan 24 membuktikan bahawa nilai berani juga diterapkan dan mampu diperoleh dalam cerita *Pengunduran Raja Patani* iaitu:

> Petikan 24
> Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam merupakan seorang raja yang hebat. Baginda memiliki sikap yang berani dalam berperang bahkan keberaniannya tidak dapat ditandingi oleh raja-raja lain di sekeliling negerinya. Baginda berpengaruh dalam meluaskan kuasa di pelosok dunia dan diberi gelaran sebagai "Raja Kuning" kerana kejayaan yang diperoleh iaitu menakluki negeri-negeri lain.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 79)

Petikan ini memperlihatkan Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam yang memiliki keberanian yang tinggi. Negeri Patani adalah sebuah negeri yang termasyhur berbanding negeri-negeri yang lain. Setelah penyebaran Islam, pentadbiran negeri semakin kuat kerana dipimpin oleh seorang raja yang hebat. Empayar pemerintahannya sangatlah luas menerusi aktiviti perdagangan dan perhubungan antara pedagang sangatlah baik dan mereka hidup aman di bawah naungan pemerintahan Raja Patani. Sikap berani baginda terserlah apabila baginda terlibat dalam peperangan malahan tiada siapa yang boleh mengalahkannya dan menandingi keberanian dan keulungan baginda dalam menjaga kesejahteraan kerajaan. Salah



FYP FTKW

satu keunikan yang membuatkan negeri Patani dikenali sebagai negeri yang ulung adalah strategi pemerintahan yang sistematik yang dirancang oleh sultan. Keberanian baginda dalam mempertahankan kebenaran dan keadilan telah menimbulkan perasaan takut pihak lawan untuk berhadapan dengannya.

Jelaslah bahawa nilai berani oleh Raja Patani memberikan impak yang positif kepada generasi kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi kini diajarkan untuk meletakkan sikap berani sebagai salah satu prinsip hidup. Dalam kehidupan memerlukan nilai keberanian untuk bertindak dalam melakukan tugasan yang diberikan dan keberanian menjadi simbolik kepada persediaan untuk menghadapi setiap perkara yang telah dirancang. Sebuah kehidupan tiada nilainya jika tiada sikap berani dalam diri. Jelaslah, jangan pernah wujudkan perasaan takut dalam kehidupan dan semaikan perasaan percaya dalam diri bahawa kepercayaan yang disemaikan dalam diri akan membantu mewujudkan mimpi itu menjadi satu kenyataan dengan hanya menjalani kehidupan dengan berani untuk mencuba perkara dan pengalaman yang baru. Oleh itu, penerapan hati budi Melayu memberikan impak yang positif kepada generasi kini.

Pendekatan kemasyarakatan yang diperoleh dalam Teori Pengkaedahan Melayu bersesuaian dengan nilai berani demi membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan kerana mampu dijadikan sebagai medium pendedahan tentang kepelbagaian persoalan untuk menentukan perkara baik dan buruk dalam masyarakat seperti yang diperintah berpandukan ajaran agama Islam. Penerapan hati budi Melayu menyampaikan satu impak yang besar dan positif kepada generasi kini dan mampu mempengaruhi keperibadian mereka. Contohnya, penglibatan generasi kini sebagai salah seorang pemimpin organisasi maka dia haruslah berani untuk mempertahankan organisasinya walaupun ditimpa pelbagai kesukaran atau penindasan. Jelaslah sikap berani haruslah diaplikasikan untuk matlamat yang baik demi mengangkatkan maruah dan integriti diri, masyarakat dan negara seperti sikap



FYP FTKW

berani yang dipaparkan dalam perwatakan Laksamana Che Deraman dan Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam yang menggunakan nilai keberanian dalam membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan untuk kepentingan semua pihak bukanlah hanya untuk kepentingan diri semata-mata sahaja seperti pandangan yang dihujahkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) iaitu seseorang itu berhak untuk bersuara dan memperjuangkan pegangannya selagi tidak terpesong dari landasan ajaran Islam.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.15 Menanam Dan Membalas Budi

Budi boleh dikaitkan dengan dengan istilah akal dan intelek yang merupakan satu sifat manusia yang berhubung antara jasmani dan otaknya. Menurut Hashim Musa (2008) budi adalah daya fikir yang boleh diasah sehingga tajam maka seseorang mampu membuat pertimbangan dengan baik. Oleh itu, seseorang yang memiliki budi dikategorikan sebagai individu yang bijaksana yang memberikan jasa dan berbakti kepada orang lain. Jelaslah bahawa penerapan hati budi Melayu mampu membentuk sahsiah seseorang itu menanam budi dan membalas budi terhadap manusia di sekelilingnya. Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) juga menyatakan bahawa seseorang perlu menghargai dan menyanjungi orang yang memberikan pertolongan, sumbangan dan bakti kepada dirinya. Dengan ini membuktikan manusia yang menabur budi kepada masyarakat akan sentiasa dikenang kerana kebaikan dan perjuangan yang diberikan untuk kepentingan semua. Manusia amat digalakkan untuk menerapkan sifat suka menanam budi kepada orang lain agar segala kebaikan dan pengorbanan akan dikenang selamanya serta sentiasa menjadi kenangan yang terbaik kepada diri, masyarakat dan negara.

Selain itu, Hamka (1976) membicarakan pandangannya mengenai budi yang merupakan simbolik kepada sikap yang baik dan mulia. Seseorang yang berbudi akan dipandang sebagai seorang yang mulia, terpuji dan sentiasa berbakti kepada orang lain. Oleh itu, sikap orang yang suka menanam budi dan membalas budi sangatlah mulia malahan dapat mengelakkan dari mengalami kesempitan hidup kerana tiadanya sikap yang mengutamakan kepentingan diri. Berbudi adalah amalan yang amatlah disanjung tinggi oleh masyarakat kerana orang yang yang menabur dan mengenang akan sentiasa menghargai kelebihan dan kebaikan orang lain yang telah diberikan kepada diri sendiri serta mendidik manusia agar tidak melupakan jasa orang dan tidak memandang rendah terhadap orang lain.



FYP FTKW

Seterusnya, komponen menanam budi dan membalas budi dipaparkan dalam cerita *Asal Usul Kampung Babong* agar dapat difahami dengan lebih jelas seperti yang tertera pada petikan di bawah:

> Petikan 25
> Keperibadian Tok Babong diserlah menerusi sikapnya bergaul dengan masyarakat bahkan beliau juga banyak menceritakan kisah duka laranya kepada penduduk kampung yang dianggap sebagai kawan. Sikapnya yang baik, jasa dan budi serta sanjungannya terhadap masyarakat menyebabkan masyarakat masih menghormati walaupun beliau sudah tiada.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 5)

Menerusi petikan 25 dapat dilihat bahawa Tok Babong adalah seseorang yang penting, dihormati dan disayangi oleh penduduk kampung. Tok Babong merupakan seorang yang suka menolong orang walaupun perkara tersebut sukar. Tok Babong juga seorang yang berani dan tegas. Di samping itu, Tok Babong menganggap orang kampungnya sebagai kawan kerana beliau suka berkongsi cerita kepada penduduk dan secara tidak langsung Tok Babong disayangi ramai. Jasa dan budi baik tersebut berlaku kerana penduduk saling membantu antara satu sama lain.

Penerapan hati budi Melayu dapat dipaparkan berdasarkan naratif lisan. Tok Babong seorang yang suka menanam dan membalas budi. Tok Babong akan berlaku baik terhadap orang yang berbuat baik kepada beliau. Di samping itu, Tok Babong sanggup menolong penduduk kampung yang berada dalam kesusahan. Budi baik Tok Babong juga dihargai oleh penduduk kampung dan menyenangkan hati ramai orang. Jelaslah di sini, penerapan hati budi Melayu iaitu menanam budi dan membalas budi adalah jelas dan ianya terbentuk bermula dari hati yang suci. Berdasarkan petikan di atas juga dapat dilihat bagaimana sikap Tok Babong memberi kesan yang positif kepada penduduk kampung yang telah dianggap sebagai kawan-kawannya dan menjadi tempat berkongsi kisah suka duka kehidupannya. Jelaslah, hati budi Melayu yang diterapkan melalui cerita rakyat ini ialah Tok Babong seorang yang suka menanam budi dan membalas budi terhadap orang yang menolong dan membantu



FYP FTKW

beliau sebagai salah seorang orang penting di kampung itu.

Selain itu, menanam budi dan membalas budi turut ditemui dalam cerita *Berpuakakah Pengkalan Parit?*

> Petikan 26
> Ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh Pak Bar telah menyebabkan masyarakat setempat ataupun luar amat menghormati dan menyanjunginya atas dasar jasa yang telah ditaburkan olehnya.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 54)

Berpandukan nukilan cerita ini mengisahkan tentang suatu tempat yang dianggap sebagai tempat yang berpuaka kerana berlaku beberapa situasi dan kejadian di tempat tersebut. Pak Bar merupakan seorang bomoh yang dikenali dan mampu menyembuhkan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh orang ramai. Pada suatu hari datang sepasang suami isteri dengan tujuan datang berubat. Situasi tersebut berlaku kerana si suami telah mendapat penyakit pelik yang bermula terkena setelah pulang dari laut sehingga menyebabkan si suami tidak bercakap berminggu-minggu. Sebagai seorang isteri, si isteri telah membawa suaminya datang berubat dengan Pak Bar. Lalu Pak Bar sebagai seorang yang mampu menyembuhkan penyakit pelik telah membuat persediaan untuk menyembuhkan si suami dan pada akhirnya si suami telah sihat seperti sedia kala. Akhirnya, sebagai tanda bersyukur dan membalas budi si isteri telah mengadakan kenduri lalu menjamu penduduk kampung. Melalui petikan dan ringkasan cerita rakyat di atas, dapat dilihat wujudnya penerapan hati budi Melayu yang ditonjolkan iaitu menanam budi dan membalas budi. Hal ini dikatakan demikian kerana Pak Bar sebagai seorang telah menanam budinya dengan menyediakan semua peralatan untuk menyembuhkan si suami yang mempunyai penyakit pelik setelah pulang dari laut sehingga menyebabkan si suami tidak bercakap berminggu-minggu. Melalui sikap baik dan pertolongan Pak Bar si suami telah sembuh seperti sedia kala. Si isteri gembira dan sangat bersyukur setelah suaminya sihat lalu sebagai seorang yang mengenang budi, si isteri telah memasak dan menjamu



FYP FTKW

penduduk kampung termasuklah Pak Bar yang telah menyembuhkan suaminya kembali. Oleh hal demikian jelas terpapar bahawa penerapan hati budi Melayu iaitu menanam budi dan membalas budi antara dua pihak mampu memberikan kesan positif kepada semua pihak. Akhirnya, membawa kepada ketenangan dan keselesaan dalam hidup bermasyarakat.

Komponen menanam budi dan membalas budi adalah sejajar dengan pendekatan moral kerana ianya mampu dijadikan pengajaran dalam kehidupan berdasarkan pengalaman dan peristiwa yang pernah dilalui oleh manusia. Penerapan hati budi Melayu mendidik generasi kini untuk membantu dan menghargai segala pemberian yang diberikan. Perkara ini mampu mendorong generasi kini untuk hidup sebagai seorang manusia yang berbudi pekerti. Masyarakat Melayu sangat menyanjung tinggi orang yang berbudi bahasa atau berbudi pekerti kerana golongan ini memiliki adab yang sangat sopan santun. Selain itu, Awang Had Salleh (1985) bersetuju dan menegaskan pembentukan bangsa Melayu dibangunkan oleh seseorang yang memiliki hati budi kerana tanpanya ketamadunan Melayu tidak mampu untuk berdiri dan berkembang.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.16 Sifat Pemurah

Adli Yacob & Khuzaihan Zakaria (2008) menyatakan bahawa murah hati adalah satu sifat yang melambangkan ketulusan hati manusia dan mengikhlaskan pemberian sesuatu benda kepada orang lain malahan ianya merupakan satu yang amat terpuji apabila manusia mengamalkannya dalam kehidupan. Murah hati ini juga boleh dikatakan sebagai sedekah atau pemberian yang membantu orang lain dan dapat meringankan beban mereka. Mereka yang bersifat murah hati ini akan lebih disayangi dan dihormati oleh orang ramai. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa sikap pemurah merupakan satu perwatakan manusia yang tidak kedekut namun gemar bersedekah dan berkongsi rezeki dengan sesiapa sahaja yang berada disekelilingnya malahan setiap perbuatan yang dilakukan olehnya sememangnya tidak mengharapkan balasan. Seperti yang kita tahu sifat murah hati merupakan sifat mulia Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, sifat murah hati menjadi satu sifat mulia dan melambangkan hati manusia yang tulus ikhlas serta wajib ada dalam diri setiap manusia. Seterusnya, istilah pemurah menerusi pandangan Ismail Hamid (1988) adalah mendermakan atau memberikan seseuatu kepada orang lain dengan perasaan yang penuh keikhlasan tanpa meminta pembalasan daripada orang yang diberikan pertolongan. Sifat pemurah merupakan satu sifat semulajadi yang wujud dalam diri manusia kerana diasuh sejak kecil supaya sentiasa berkongsi kelebihan yang dimiliki dengan orang lain.

> Rasulullah SAW pernah bersabda;
> “Tidak ada hari yang disambut oleh para hamba melainkan di sana ada dua malaikat yang turun, salah satunya berkata: ‘Ya Allah, berikanlah ganti kepada orang-orang yang berinfaq. Sedangkan (malaikat) yang lainnya berkata: ‘Ya Allah berikanlah kehancuran kepada orang-orang yang menahan (hartanya).”
>
> (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)



FYP FTKW

Berpandukan hadis di atas, bersedekah merupakan salah satu perlakuan yang menjadi simbolik kepada sikap bermurah hati. Menerusi bersedekah dapat mendekatkan diri kepada Maha Pencipta malahan impak dari gemar bersedekah akan menambahkan rezeki dan memperoleh satu keberkatan dalam kehidupan kepada insan yang murah hati. Sifat bermurah merupakan perlakuan yang terpuji yang dilakukan oleh seorang manusia kepada manusia yang lain. Malahan mampu menjadikan satu simbolik kepada sahsiah diri kepada masyarakat.

### 4.16.1 Sifat Pemurah Melalui Sikap Tolong-Menolong

Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) memaparkan sikap manusia yang gemar menyampaikan bantuan kepada orang yang memerlukan demi kepentingan dan kebajikan bersama sebagai rakyat begitu jugalah pandangan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Manakala Hashim Musa (2008) ialah tindakan yang diambil untuk meringankan beban orang disekelilingnya. Secara ringkas, pertolongan yang diberikan mampu meringankan beban orang lain dan memudahkan segala urusannya. Seterusnya, dalam analisis akan menjelaskan sifat pemurah melalui sikap tolong-menolong dalam cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong.*

> Petikan 27
> Diceritakan dahulu Tok Babong telah banyak membantu golongan yang menghadapi musibah tak terduga. Beliau juga membantu mereka yang ditimpa kesusahan hidup sepanjang hayatnya ada. Selain itu, sikap pemurahnya terserlah apabila beliau gemar mengadakan kenduri dan memanggil para penduduk setempat untuk makan dirumahnya. Ini menyebabkan Tok Babong sangat dihormati masyarakat.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

Menerusi petikan 27 mengisahkan kehidupan Tok Babong yang sentiasa membantu penduduk kampung yang mengalami kesusahan dan beliau sentiasa mengajak penduduk kampung untuk makan di rumahnya kerana beliau suka mengadakan kenduri. Seperti yang diketahui musibah, kemalangan atau bencana adalah satu perkara yang tidak dapat dijangka bila berlakunya perkara tersebut. Sifat



FYP FTKW

pemurah atau murah hati yang ditonjolkan oleh Tok Babong sangatlah bagus kerana ia melibatkan masyarakat setempat dan meringankan beban yang ditanggung oleh orang lain. Masyarakat yang telibat dengan bencana, musibah dan lain-lain juga merasa lebih baik. Petikan 27 turut membuktikan Tok Babong seorang yang suka memberikan bantuan tanpa mengira waktu. Walaupun masyarakat tidak terlibat dengan musibah-musibah namun Tok Babong tetap bermurah hati mengadakan kenduri-kendara dan memanggil orang kampungnya untuk datang makan di rumahnya. Oleh itu, dapat dilihat bahawa sifat murah hati yang ditonjokan oleh Tok Babong patut diberikan pujian dan menjadi contoh kepada semua masyarakat.

Hati budi menerusi sifat pemurah dilihat melalui tajuk cerita *Nurani Che Him Dalam Masyarakat*. Ianya dapat dilihat melalui petikan 28 seperti yang disediakan iaitu:

> Petikan 28
> Beliau sentiasa berkongsi rezeki dengan penduduk kampung seperti menyediakan kain kapan untuk masyarakat Melayu yang meninggal dunia. Penglibatan beliau sangat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan tidak merungut dalam menyalurkan bantuan kepada penduduk yang memerlukan.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 72)

Berdasarkan petikan 28 juga menunjukkan contoh yang lain bagi nilai bermurah hati yang terdapat dalam cerita *Nurani Che Him Dalam Masyarakat.* Dalam naratif lisan juga menceritakan tentang sikap murah hati Che Him dalam menyalurkan bantuan kepada penduduk kampung yang mengalami musibah dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Che Him pada mulanya bekerja sebagai seorang petani namun menukarkan pekerjaan sebagai seorang peniaga dan perniagaan semakin maju dan berkembang kerana sikapnya yang ramah dalam pergaulan dengan masyakarakat. Che Him sentiasa berkongsi rezeki yang diperolehnya dengan orang lain seperti Che Him menolong seorang wanita tua yang sangat tidak terurus dengan memberikan keperluan asas kepada wanita itu seperti makanan dan minuman sedangkan orang lain tidak menghampiri wanita yang menampilkan pemakaian yang



FYP FTKW

lusuh. Selain itu, beliau akan memberikan kain kapan jika berlakunya kematian di kampung tersebut dan banyak melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan dengan sukarela.

Sikap ini juga mampu memudahkan urusan orang lain serta dapat menggalakkan orang lain untuk melakukan perkara yang sama kerana sikap yang gemar berkongsi memberikan satu nikmat yang terbaik dan sumber kebahagiaan kepada manusia. Oleh itu, sikap murah yang ditampilkan oleh Che Him menyebabkan beliau dihormati dan disegani oleh penduduk kampung walaupun berbangsa Cina. Tegasnya, orang yang memiliki hati budi yang baik adalah orang bersifat pemurah kerana mereka suka gemar menghargai dan memberikan perhatian kepada orang lain tetapi dia tidak mengharapkan balasan agar mereka memperoleh kesenangan melihat orang lain turut menikmati kesenangan yang pernah dirasai. Oleh itu, hati budi Melayu dapat diamalkan dalam generasi kini melalui sifat pemurah.

Petikan di atas amatlah bersesuaian dengan pendekatan moral yang ada dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Dengan ini menunjukkan nilai hati budi iaitu yang tertumpu pada sifat pemurah yang ditonjolkan oleh Tok Babong dan Che Him kepada masyarakat yang ada di sekitarnya. Pendekatan moral itu sendiri adalah satu pendekatan yang menekankan penilaian moral serta perhubungan budaya sama sendiri. Ia juga menunjukkan penilaian yang lebih kepada agama, budaya dan falsafah hidup seseorang. Sifat murah hati yang ada pada Tok Babong yang suka membuat kenduri dan menjemput orang kampungnya untuk makan di rumahnya menunjukkan betapa pemurahnya hati beliau dalam melakukan sesuatu perkara. Ia melibatkan hati yang ikhlas dan tulus tanpa berkira dalam kehidupannya. Murah hati itu sendiri adalah satu sifat mulia yang Nabi Muhammad SAW tekankan dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, sifat pemurah sangat bersesuaian untuk dijadikan salah satu contoh dalam pendekatan moral. Impaknya naratif lisan ini dapat memupuk keikhlasan hati generasi kini untuk melakukan sesuatu perkara tanpa memikirkan apa balasan



FYP FTKW

orang akan berikan kepada kita kembali melainkan memohon mendapatkan keredaan Allah. Ismail Hamid (1988) menegaskan hujahannya bahawa masyarakat Melayu dikenali sebagai manusia yang dermawan yang sudah menjadi tradisi kepada masyarakat Melayu.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.17 Sifat Kasih Sayang

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan kasih sayang adalah satu perasaan kasih dan sayang antara satu sama lain dan sifat kasih sayang dapat dilihat dalam satu perhubungan yang akrab di mana mereka akan saling mengambil berat dan menyayangi. Selain itu, Hashim Musa (2008) juga menjelaskan bahawa penyayang merujuk kepada sifat sayang sesama manusia termasuklah keluarga, sahabat, jiran dan orang lain iaitu mereka akan menampilkan sifat yang menyayangi, melindungi makhluk, alam sekitar dan harta benda. Sifat kasih sayang merupakan elemen utama dalam memupuk pembentukan moral dan etika mulia. Dengan ini, untuk memperoleh kehidupan yang harmoni dan bahagia sebagai seorang insan haruslah memupuk dan menanam sifat kasih sayang terutamanya terhadap keluarga sekali gus mampu mencipta satu ikatan perhubungan yang utuh antara satu sama lain. Oleh itu, dalam kajian ini terdapat dua jenis aspek kasih sayang iaitu kasih sayang kepada keluarga dan kasih sayang kepada masyarakat. Muhammad Al-Ghazali (1987) menyampaikan definisi kasih sayang adalah perasaan sayang dan mengasihi secara mendalam yang tiada had sempadan yang mencipta sebuah hubungan yang erat antara satu sama. Sifat kasih sayang wujud dalam diri setiap orang namun cara penyampaiannya adalah berbeza mengikut perwatakannya.

4.17.1 Sifat Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Sayangkan Nyawa

Muhammad Al-Ghazali (1987) menyampaikan definisi kasih sayang adalah perasaan sayang dan mengasihi secara mendalam yang tiada had sempadan yang mencipta sebuah hubungan yang erat antara satu sama. Sifat kasih sayang wujud dalam diri setiap orang namun cara penyampaiannya adalah berbeza mengikut perwatakannya. Selain itu, seseorang yang sayangkan nyawa sanggup melaksanakan apa sahaja perkara kerana tidak menginginkan kehilangan nyawa seperti cerita *Kain Sutera Cina* memaparkan sifat kasih sayang kepada keluarga yang terkandung dalam



FYP FTKW

petikan 29 iaitu:

> Petikan 29
> Hassan dan Hussin bertekad untuk masuk ke dalam hutan untuk mencari penawar bagi merawat luka yang dialami oleh anggota keluarga Hassan.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 10)

Berlandaskan petikan 29 menggambarkan sifat kasih sayang manusia terhadap keluarganya iaitu manusia sayangkan nyawa. Apabila wujudnya perasaan kasih dan sayang membuatkan seseorang itu sanggup melakukan apa-apa sahaja agar orang yang disayangi dapat diselamatkan dan sihat seperti sedia kala. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), perkataan atau istilah nyawa diertikan sesuatu perkara seperti roh yang ada untuk menghidupkan manusia, semangat manusia dan jiwa manusia. Oleh itu, perkara yang sama yang dilakukan oleh Hassan apabila salah seorang ahli keluarganya cedera parah di bahagian betis kanan yang sukar untuk diubati dan sembuh dia melainkan hanya mampu menahan sakit. Hal ini menyebabkan Hassan bersama kawan baiknya iaitu Hussin bertekad untuk masuk ke hutan untuk mencari penawar demi mengubati kecederaan yang dialami oleh keluarga tanpa memikirkan suasana di hutan yang dipenuhi dengan haiwan buas yang akan menggugat keselamatan mereka. Namun disebabkan perasaan kasih sayang yang mendalam terhadap keluarga mendorong dirinya untuk melakukan apa sahaja agar keluarganya selamat. Sikap manusia sayangkan nyawa juga disokong oleh Hashim Musa (2008) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) iaitu sikap manusia yang berusaha untuk mengelakkan dan menyelamatkan perkara berbahaya yang mampu menghilangkan nyawa dari dalam diri seseorang manusia. Melalui cara ini manusia dapat melindungi diri dengan sebaiknya daripada terjebak ke dalam satu situasi yang genting dan boleh membahayakan diri sendiri, orang sekeliling dan sebagainya. Jelaslah bahawa sifat kasih sayang sangatlah penting dan ianya mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan serta ia memaparkan bahawa Hassan memiliki teras hati budi Melayu yang tinggi dalam dirinya. Di samping, membuktikan



FYP FTKW

manusia memiliki sikap yang sayangkan nyawa iaitu Hassan berusaha untuk menyelamatkan nyawa ahli keluarganya yang dalam bahaya dan tenant daripada tidak berbuat apa-apa.

4.17.2 Sifat Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Sayangkan Masyarakat

Sifat penyayang merujuk kepada sifat sayang sesama manusia termasuklah keluarga, sahabat, jiran dan orang lain iaitu mereka akan menampilkan sifat yang menyayangi, melindungi makhluk, alam sekitar dan harta benda (Hashim Musa, 2008). Selanjutnya, dalam petikan 30 memaparkan sifat kasih sayang kepada masyarakat menerusi cerita *Simbolik Rebana.*

Petikan 30
Masyarakat setempat akan menginap di rumah yang mengadakan majilis tanpa pulang ke rumah masing-masing untuk saling membantu antara satu sama lain tanpa mengendah penat lelah sepanjang majlis berlangsung.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 19)

Berdasarkan petikan 30 membuktikan bahawa sifat kasih sayang kepada masyarakat masih wujud dalam kehidupan bermasyarakat. Masyarakat yang saling menyayangi akan membina suasana persekitaran yang positif dan mampu mengekang daripada berlakunya persengketaan antara masyarakat. Penduduk kampung di Pulau Gajah memiliki hubungan kekeluargaan yang erat dan mereka sentiasa saling membantu antara satu sama lain umpama kata pepatah bagai isi dan kuku. Walaupun mereka hidup berjiran namun mereka tidak beranggapan bahawa mereka jiran malahan dianggap mereka semua adalah adik beradik yang sentiasa ada untuk satu sama lain di kala jatuh dan bangun dalam meniti perjuangan hidup. Contohnya, apabila majlis diadakan di kampung tersebut mereka akan menginap di rumah pemilik majlis kerana mereka akan saling tolong-menolong sehinggalah majlis itu selesai walaupun majlis berlangsung dalam jangka masa yang lama serta mereka tidak akan mengeluh kepenatan kerana mereka sangat menghayati dan menghargai suasana



FYP FTKW

majlis tersebut. Hal ini kerana, ketika itulah mereka berkesempatan untuk meluangkan masa bersama dan meringankan segala beban yang dipikul. Tegaslah, sifat kasih sayang antara masyarakat di Pulau Gajah sangatlah akrab dan utuh yang menjadi salah satu faktor kehidupan mereka di kampung sangat rukun dan damai serta rebana yang merupakan simbolik kepada penyatuan perhubungan mereka sekampung.

Penerapan hati budi Melayu iaitu sifat kasih sayang menerusi kedua-dua naratif lisan memberikan gambaran kepada generasi kini agar mengamalkan sifat kasih sayang supaya memperoleh kehidupan yang rukun dan terhindar dari persengketaan. Selain itu, sifat kasih sayang bersesuaian dengan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengalaman yang pernah dilalui akan dijadikan satu pengajaran kepada manusia sama ada dari aspek yang positif ataupun negatif. Impaknya, generasi kini perlulah mengaplikasikan sifat kasih sayang terutamanya kepada diri dan keluarga serta jalinan hubungan yang penuh kasih sayang mendorong kepada pembentukan kehidupan yang harmoni. Hashim Musa (2008) mengakui bahawa sifat kasih sayang telah diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu dan membina sebuah keluarga dan masyarakat yang bahagia dan harmoni.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.18 Hidup Sederhana

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) juga menyatakan manusia yang hidup bersederhana mampu menghindari sikap sombong dalam diri manusia. Sikap sombong perlulah dihakis dari diri manusia kerana ianya akan memberikan satu persepsi yang tidak baik dan menggelakkan daripada manusia menganggap dirinya sentiasa sempurna dan memiliki segalanya sehingga sanggup merendah-rendahkan orang disekelilingnya. Hidup sederhana merupakan satu kehidupan yang dijalani oleh seseorang dengan sikap sederhana dan tidak ekstremis. Hal ini kerana mereka tidak mengamalkan kehidupan yang menunjuk-nunjuk dan berlagak malahan berperilaku yang baik dan rendah diri tanpa menampilkan sebarang kelebihan yang ada dalam dirinya. Hamka (1976) mendidik manusia untuk hidup sederhana iaitu tidak berlebih-lebihan atau melampaui batas dalam melakukan sesuatu perkara. Beliau juga menyatakan bahawa hidup sederhana mampu mengawal nafsu kerana hidup berlandaskan nafsu tiada penghujungnya. Oleh itu, manusia diberikan pendedahan untuk hidup secara bersederhana seperti menerima segala ujian dengar sabar dan bertindak tidak melampaui batas mendorong ke arah kehidupan yang sejahtera dan menghindari sikap sombong dalam diri serta disenangi oleh orang lain. Hidup sederhana merujuk kepada sikap rendah diri. Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa rendah diri adalah satu sifat yang sangat santun dan tidak suka menonjolkan kelebihan diri secara melampau, menghormati orang lain dan memberikan layanan yang sesuai dengan kedudukan mereka iaitu tidak membanding-bandingkan seseorang dengan orang yang lain. Selain itu, hidup sederhana mengajar manusia untuk hidup tanpa kemewahan kerana memupuk sikap yang sabar dan tenang dalam menghadapi segala ujian dan cabaran malahan hidup sederhana bukanlah kehidupan manusia akan menjadi miskin tetapi mendidik manusia untuk tidak menaruh harapan yang tinggi kepada kemewahan dan tidak keterlaluan dalam melakukan sesuatu perkara serta sentiasa berlapang dada.



FYP FTKW

4.18.1 Hidup Sederhana Melalui Sikap Merendah Diri

Nilai rendah diri sememangnya sudah terpupuk sedari kecil dalam budaya masyarakat Melayu. Seseorang yang mempunyai sifat rendah diri dilihat sebagai seorang yang baik dan berkeperibadian mulia. Hashim Musa (2008) menyatakan sikap merendah diri merujuk kepada seseorang yang tidak mempamerkan kelebihan yang wujud dalam dirinya kepada orang lain seperti kekayaan, kepandaian yang dimiliki telah membezakan dirinya dengan orang lain namun dia menghina atau merendah-rendahkan orang lain. Menerusi cerita yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman* menampilkan komponen hidup sederhana.

Petikan 31
Haji Long Abdul Rahman telah menetap di pulau itu setelah sekian lama yang hanya didiami oleh tiga buah keluarga dan makin berkembang pesat. Mereka hidup dalam keadaan rukun dan damai sebagai jiran tetangga.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 59)

Berdasarkan Petikan 31 di atas, telah menceritakan tentang tokoh yang alim ulama iaitu Haji Long Abdul Rahman yang tidak angkuh dengan kuasa dan kelebihan yang ada pada dirinya yang berilmu. Ramai anak muda yang datang menuntut ilmu agama sehingga menyebabkan beliau mampu menubuhkan madrasah untuk kegunaan beliau mengajar dan berkongsi ilmu. Kehebatan beliau dalam menyembuhkan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh penduduk kampung juga tersebar sehingga ke kampung sebelahnya. Identiti sebenar Haji Long Abdul Rahman adalah beliau seorang raja Patani yang melarikan diri daripada musuh. Walau bagaimanapun, identiti beliau tidak terbongkar kerana penduduk kampungnya tahu akan kisah sebenar dirinya. Kampung yang Haji Long Abdul Rahman diami sekarang semakin maju dan berkembang pesat dengan adanya tiga buah keluarga yang tinggal di sana juga. Pada akhirnya, mereka semua hidup dalam keadaan yang aman dan damai.



FYP FTKW

Menerusi petikan cerita rakyat di atas dapat dilihat bahawa hidup sederhana adalah penerapan hati budi Melayu yang ada. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan kisah Haji Long Abdul Rahman yang pada awalnya beliau merupakan seorang raja di Patani sebelum diami kampung baru telah hidup secara bersederhana. Haji Long Abdul Rahman kekal hidup dalam keadaan yang bersederhana walaupun beliau mempunyai kuasa dan kelebihan lain seperti mempunyai madrasah untuk mengajar ilmu agama kepada anak-anak muda di kampungnya. Haji Long Abdul Rahman juga dikenali ramai sehingga ke kampung sebelahnya kerana mampu menyembuhkan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh penduduk kampung. Hati budi Melayu seperti hidup bersederhana jelas terpancar melalui keperibadian Haji Long Abdul Rahman. Hidup bersederhana seperti Haji Long Abdul Rahman memberikan kesan yang baik kerana wujudnya nilai hormat menghormati antara satu sama lain dan sebagainya lagi. Oleh itu, penerapan hati budi Melayu jelas terpancar melalui petikan di atas.

Secara ringkasnya, komponen hidup sederhana perlu diterapkan dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesetengah generasi sudah terbiasa diberikan kemewahan dan hidup dalam keadaan yang senang. Menerusi komponen teras hati budi dapat mendidik generasi kini untuk hidup secara bersederhana. Pendekatan kemasyarakatan sejajar dengan hidup sederhana kerana ianya menyampaikan erti kehidupan yang nyata mampu memberikan teladan dalam kehidupan. Generasi kini dididik untuk hidup sederhana agar perasaan sombong terhakis dalam diri dan tidak memandang rendah kepada orang lain. Swettenham (2003) bersetuju bahawa masyarakat Melayu mengamalkan kehidupan secara bersederhana dan tidak keterlaluan dalam melakukan sesuatu tindakan akan memberikan jaminan kepada untuk memperoleh kehidupan yang tenang dan sejahtera.



FYP FTKW

4.19 Ikhlas

Ikhlas merujuk kepada pengertian berkaitan bersih, jernih, murni dan suci yang bebas daripada gabungan sifat yang lain. Penyataan ini disetujui oleh Mohd Ali Hashimi (1992) iaitu hati yang bersih mencegah daripada melakukan kemungkaran dan sentiasa memelihara hak diri sendiri. Selanjutnya, ikhlas ialah satu sifat seseorang yang tidak peduli akan penghargaan dan tidak mengharapkan balasan dan orang lain memuji segala kebaikan yang dilaksanakan walaupun sebesar zarah. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa ikhlas ialah seseorang yang memiliki hati yang bersih dan menjaga hak dirinya dan orang disekelilingnya dengan baik. Di samping itu, Hashim Musa (2008) juga menyatakan pandangan mengenai sikap ikhlas iaitu manusia yang memiliki kemurniaan hati dan sentiasa mencegah kemungkaran dan melakukan setiap pekerjaan secara benar dan tidak memanfaatkan keadaan sekelilingnya. Penerapan perasaan ikhlas dalam diri mampu membina jiwa manusia yang bersih dan suci dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

4.19.1 Ikhlas Melalui Sikap Rela Berkorban

Rela berkorban pula sanggup melakukan apa-apa pun asalkan ianya mampu memberikan manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat (Hashim Musa, 2008). Sikap ikhlas yang terlahir dalam diri mendorong seseorang untuk rela berkorban demi kepentingan semua. Komponen hati budi Melayu ini dapat dilihat menerusi cerita *Kezaliman Seorang Raja* seperti yang tersedia dalam petikan di bawah:

> Petikan 32
> Perasaan duka atas kecurangan dan kematian suaminya serta kezaliman yang berlaku terhadap rakyat yang dilakukan oleh Sultan Abdul Rahim telah mengganggu ketenteraman sehingga baginda mengambil keputusan untuk berpindah ke Gunung Ayam untuk mencari ketenangan bagi merawat jiwanya yang rapuh.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 75)



FYP FTKW

Berdasarkan petikan di atas, Sultan Abdul Rahim merupakan seorang raja yang kejam dan sering melakukan kekejaman terhadap orang kampung sehingga menyebabkan berlaku kekacauan dan ketidaktenteraman seperti memeras ugut hasil pertanian. Perkara ini mendorong penduduk untuk mengadu kepada Puteri Saadong tentang perilaku raja yang sangat zalim. Menerusi cerita lisan ini menggambarkan Puteri Saadong menerima dengan ikhlas dan rela berkorban meninggalkan segalanya kerana perasaan bersalah menguasai diri apabila baginda telah membunuh suaminya kerana curang dan tidak setia kepadanya. Perkara ini berlaku kerana baginda ingin memperoleh ketenangan dan melupakan segalanya iaitu baginda berpindah ke Gunung Ayam. Jelaslah memaparkan sikap Puteri Saadong yang tidak mahu memperbesarkan masalah dan menerima segalanya dengan hati yang terbuka dan ikhlas.

Selain itu, petikan 33 juga memaparkan sikap ikhlas melalui sikap rela berkorban menerusi cerita *Tengku Mahmud Muhiyuddin.*

> Petikan 33
> Pihak British telah menjadikan kerajaan Patani sebagai tawanan dan benteng daripada serangan Jepun mengakibatkan Raja Patani kehilangan takhta dalam pentadbirannya. Setelah Jepun kalah, Biritish menyerah kerajaan Patani kepada Siam membuatkan Raja Patani merasa sedih dan membawa diri.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 64)

Petikan di atas menceritakan tentang kerajaan Patani yang ditadbir oleh Tengku Mahmud Muhiyuddin berasa tergugat dan terjejas kerana kedatangan penjajah Jepun di Tanah Melayu. Pada awalnya negeri Kelantan merupakan hak miilik Raja Patani. Namun disebabkan kedatangan Jepun yang datang, Raja Patani telah membuat perjanjian dengan British. Disebabkan perjanjian tersebut British mempunyai kuasa terhadap Tanah Melayu kerana perjanjian yang telah dimenteraikan. Secara tidak langsung, kuasa Jepun semakin lemah kerana British banyak menguasai Tanah Melayu. Di samping itu, British dan Patani telah membuat perjanjian di mana Patani



FYP FTKW

menjadi tawanan dan benteng perlindungan daripada Jepun. Secara tidak langsung, Patani telah kehilangan kuasa pentadbiran ke atas kerajaannya sendiri. Patani telah membuat perjanjian dengan British sekali lagi untuk mendapatkan kuasanya kembali tetapi tidak dilaksanakan seperti dalam perjanjian tersebut. Pada akhirnya, Patani telah diserahkan kembali kepada kerajaan Siam dan akhirnya Raja Patani berasa sedih dan membawa diri ke tempat yang lain.

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa Raja Patani ikhlas dengan apa yang berlaku terhadap kerajaannya setelah berlaku peperangan dengan Jepun yang cuba mendapatkan Tanah Melayu secara drastik. Di samping itu, Raja Patani rela berkorban untuk menyelamatkan tanah jajahannya di Tanah Melayu seperti negeri Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana Raja Patani sanggup membuat perjanjian dengan pihak British demi mengelakkan Kelantan diambil oleh pihak Jepun. Di sini menjelaskan bahawa, Raja Patani yang menerajui kerajaannya sanggup melakukan apa sahaja demi kesejahteraan kerajaannya namun pada akhirnya, kerajaannya telah dikuasai oleh British kerana perjanjian yang tidak dilaksanakan oleh British setelah pengunduran Jepun. Melalui kisah ini, dapat dilihat bahawa wujudnya hati budi Melayu dalam diri Raja Patani yang ikhlas dengan perkara yang terjadi dan rela berkorban dengan perkara yang berlaku demi menyelamatkan kerajaan yang dimiliki oleh Raja Patani. Oleh itu, ikhlas dan rela berkorban adalah salah satu penerapan hati budi Melayu. Sikap ikhlas dan rela berkorban adalah bersesuaian pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana peristiwa dan pengalaman yang pernah dilalui mampu membentuk keperibadian seseorang ke arah lebih matang dan bijak dalam membuat sesuatu pertimbangan. Hashim Musa (2008) juga menjelaskan setiap perkara yang dilakukan dengan perasaan yang ikhlas akan mendidik manusia ke arah kebaikan dan membina manusia yang berhati bersih dari segala kemungkaran.



FYP FTKW

## 4.20 Sikap Berdikari

Menurut Hashim Musa (2008) berdikari menampilkan pemikiran yang bebas dan yakin dengan diri sendiri serta bergantung pada orang lain iaitu seseorang sanggup memikul amanah yang diberikan dengan penuh perasaan tanggungjawab dan dilakukan dengan cara yang terbaik. Seterusnya, Zainal Abidin Safarwan (1997) juga menyatakan bahawa tanggungjawab ialah amanah dan kewajipan yang perlu dilaksanakan dan diselesaikan jika sudah memperoleh tanggungjawab tersebut. Menerusi tanggungjawab yang diberikan mampu memperlihatkan sama ada seseorang mampu melakukan kerja dengan baik atau sebaliknya. Penerapan nilai bertanggungjawab dalam sikap berdikari mampu membentuk seorang manusia untuk lebih amanah dalam menjalankan tugasnya.

Sikap berdikari merujuk kepada kemampuan diri yang dimiliki oleh seseorang untuk melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan pertolongan daripada orang lain. Norita Ariffin (2016) mendefinisikan berdikari adalah kemampuan manusia dalam melakukan sesuatu pekerjaan atau tugas menggunakan kebolehan diri sendiri tanpa bergantung kepada pertolongan daripada orang lain untuk menyelesaikannya. Ini menjelaskan bahawa untuk memperoleh kejayaan haruslah mengutamakan daya usaha terlebih dahulu sendiri dan bukanlah hanya mengharapkan bantuan orang lain sebagai penyelesaiannya. Daya usaha sendiri akan lebih memuaskan bahkan dapat manusia mempelajari peritnya untuk mendapat sesuatu menggunakan usaha sendiri.

### 4.20.1 Sikap Berdikari Melalui Sikap Yakin Diri

Sikap yakin diri merupakan kesungguhan dan kebolehan seseorang dalam mencapai matlamat yang ingin dicapai (Jumali Selamat, 2001). Selain itu, sikap yakin diri menjadi pemangkin untuk manusia membina gagasan ataupun misi demi memperoleh kejayaan menerusi pandangan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob. Sikap yakin diri telah membina semangat baru dalam diri manusia untuk menggapai



FYP FTKW

impian dan berupaya memperoleh kejayaan yang membanggakan. Cerita *Asal Usul Datu* merupakan sebuah naratif lisan yang menyampaikan hati budi Melayu iaitu sikap berdikari dalam bertindak sendiri menerusi petikan di bawah iaitu:

> Petikan 34
> Datu berlabuh dan mencari tempat sesuai untuk tinggal dan tumbuhan untuk merawat kecederaan yang dialami. Datu juga berusaha membersihkan kawasan untuk berteduh walaupun masih dalam keadaan cedera.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 2)

Menerusi petikan 34, cerita rakyat ini merupakan cerita yang mengisahkan tentang Datu seorang pemuda yang dilantik untuk mengambil ufti. Pada suatu masa, kerajaan Thailand telah diserang oleh musuh secara tiba-tiba dan pada ketika itu kerajaan Thailand tidak mempunyai apa-apa persediaan untuk melawan pihak musuh. Oleh itu, Datu sebagai salah seorang rakyat telah mengambil kedudukan dalam pasukan tentera panah bagi menyelamatkan kerajaan Thailand yang telah diserang secara tiba-tiba. Namun demikian, Datu telah pun terkena panah dari pihak musuh dan menyebabkan beliau cedera. Secara perlahan-lahan, Datu mengambil kesempatan untuk menyelamatkan dirinya dengan belayar ke tengah-tengah sungai. Disebabkan keadaan Datu yang cedera, Datu mencari tempat untuk merawat luka yang dialami dan berehat.

Berdasarkan Petikan 34 di atas dapat dibuktikan bahawa wujudnya penerapan hati budi Melayu iaitu sikap berdikari. Pada pandangan saya, sikap berdikari ini adalah satu sikap yang mana kita sebagai manusia berusaha mencapai semua perkara dengan menyelesaikan sendiri masalah yang ada dengan sehabis baik. Kamus Dewan (2016), perkataan jaya adalah satu kejayaan, usaha semampu habis atau kemenangan yang diperolehi dan dicapai melalui perlakuan secara bersungguh-sungguh dalam mencapai sesuatu impian atau kejayaan. Perkataan yakin juga diberi ertikan sebagai tiada perasaan ragu-ragu atau gusar dan menyebabkan wujudnya satu rasa kepercayaan atau keyakinan yang tinggi. Sama juga dengan cerita rakyat di atas



FYP FTKW

di mana Datu seorang pengambil ufti untuk kerajaan Thailand telah tercedera kerana terkena panah dari pihak musuh lalu Datu cuba menyelamatkan diri dengan pergi ke tempat yang lain. Datu telah menjumpai satu kawasan yang sesuai untuk dijadikan sebagai tempat perlindungan sementaranya. Setelah itu, Datu turut mencari tumbuhan untuk mengubati lukanya walaupun sukar bergerak dan mengalami kesakitan. Abd Rahim Abd Rashid (2001), Jumali Selamat (2001), Hashim Musa (2008) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) memberi hujahan bahawa kecerdasan dan kebolehan dalam melakukan sesuatu perkara dengan ada satu rasa semangat yang berkobar-kobar untuk memperoleh kejayaan adalah satu sikap jaya dan yakin diri. Situasi ini jelas menunjukkan wujudnya sikap berdikari oleh Datu. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun Datu mengalami kecederaan tetapi Datu tetap berusaha mencari penempatan sementara dia dan Datu berdikari dalam mencari tumbuhan untuk menyembuhkan lukanya itu. Datu sangat yakin diri terhadap dirinya walaupun Datu mengalami kecederaan dan agak menyulitkannya dalam menyelesaikan situasi rumit yang berlaku kepada dirinya. Sikap yakin diri ini juga telah menunjukkan satu sikap yang bagus dan baik untuk dicontohi oleh masyarakat lain. Jelaslah, penerapan hati budi Melayu melalui cerita rakyat di atas adalah sikap berdikari melalui sikap yakin diri.

#### 4.20.2 Sikap Berdikari Melalu Sikap Bertindak Sendiri

Di samping itu, cerita *Bidan Tok Haji Esah* mengetengahkan sikap berdikari melalui sikap bertindak sendiri. Ibrahim Mamat (1995) menyatakan jika seseorang sanggup untuk memikul dan melakukan pekerjaan yang diperintah dengan ini membuktikan dia memiliki sikap bertanggungjawab yang tinggi dalam diri. Tidak semua orang mampu memberikan sepenuhnya komitmen kepada sesuatu perkara dengan baik dan bersungguh-sungguh.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Petikan 35

Tok Haji Esah merupakan orang tua yang wajahnya sudah dimamah usia namun dia masih kuat dalam melaksanakan sesuatu perkara bahkan masih ramai yang meminta pertolongan daripadanya kerana kecekapannya. Dia juga membantu Melati untuk melahirkan anak.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 65)

Cerita rakyat di atas mengisahkan seorang bidan yang dikenali sebagai Tok Haji Esah yang sudah agak berusia tetapi tetap aktif membuat kerjanya dengan sebaik mungkin. Tok Haji Esah telah banyak membantu orang kampungnya seperti Melati yang ingin melahirkan anak. Selain itu, Tok Haji Esah membantu penduduk kampung yang telah disampuk oleh makhluk ghaib. Bidan Tok Haji Esah juga sanggup meminjamkan barangan dapur untuk kegunaan kenduri di kampung tersebut. Sikap baik dan berdikari oleh bidan Tok Haji Esah ini mampu menjadikan beliau sebagai salah seorang yang dihormati dan disayangi oleh semua orang.

Berdasarkan petikan cerita di atas, terdapat aspek penerapan hati budi Melayu iaitu sikap berdikari. Hal ini dikatakan demikian kerana kebaikan hati bidan Tok Haji Esah itu sendiri yang menunjukkan beliau seorang yang berdikari kerana bidan Tok Haji Esah sanggup menolong Melati melahirkan anak ketika ketiadaan suaminya di rumah. Bidan Tok Haji Esah juga dikatakan berdikari kerana beliau membantu dengan sebaik mungkin sehingga Melati dan anaknya selamat dilahirkan. Di samping itu, bidan Tok Haji Esah sendiri sanggup meminjamkan barangan atau peralatan dapur untuk membantu kenduri di kampungnya. Sikap berdikari ini diJelaslah berdasarkan situasi tersebut memperlihatkan bidan Tok Haji Esah merupakan seorang yang sangat berdikari sehingga menyebabkan semua penduduk senang dengan dirinya kerana beliau tidak menyusahkan orang lain dan boleh menyelesaikan masalah dengan baik serta berusaha sebaik yang mungkin. Menurut pandangan Asmah Bee Mohd Noor & Iran Herman (1995), Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa nilai berdikari melalui sikap berupaya bertindak sendiri ialah satu kebolehan, kemampuan, keyakinan, dan kepercayaan diri dalam



FYP FTKW

melakukan sesuatu perkara tanap mengharapkan bantuan orang lain dan tanpa menyusahkan orang lain. Berdasarkan contoh petikan cerita rakyat di atas juga menunjukkan sikap berdikari yang ditonjolkan oleh Bidan Tok Haji Esah tanpa menyusahkan orang lain walaupun usianya sedikit uzur. Terbuktilah, wujudnya nilai berdikari yang dipancarkan oleh Bidan Tok Haji Esah melalui sikap berupaya bertindak sendiri dan semampu yang mungkin tanpa melibatkan orang lain.

Melalui kisah ini dapat dilihat bahawa ada penerapan hati budi Melayu dan sangat bersesuaian dengan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan pendekatan moral. Perkara ini memperihalkan tentang pengalaman yang dilalui oleh manusia dalam menjalani kehidupan. Generasi kini perlulah berdikari dalam melakukan perkara jangan terlampau bergantung kepada orang lain kerana setiap orang memiliki komitmen yang tersendiri. Selain itu, cerita rakyat di atas turut memaparkan seseorang yang berdikari menyelesaikan masalah dengan keupayaan sendiri seperti Datu dan Bidan Haji Esah yang bertindak untuk mengatasi permasalahan yang berlaku menggunakan kepakaran dan pemikiran yang bijak malahan penyataan ini juga mendapat persetujuan daripada Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) iaitu manusia yang memiliki keberanian melakukan sesuatu perkara dengan keupayaan sendiri dan boleh bertindak bersendirian.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 4.21 Menghormati Hak Dan Milik

Hormat merujuk kepada sikap yang memuliakan orang-orang yang lebih tua, menghormati hak serta keperluan asasi dan maruah individu. Nilai menghormati ialah satu amalan mulia yang perlu diaplikasikan dalam rutin harian dan kehidupan agar keharmonian terus terjamin. Menurut Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan (1992) menjelaskan istilah hormat berfokus sikap iaitu kelakuan yang sopan ditampil oleh seseorang untuk membuktikan tanda penghormatan. Tambahan pula, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa hormat-menghormati memberikan gambaran mengenai sikap manusia memuliakan seseorang dan amat menghargai kewujudannya yang ditampilkan menerusi layanan yang sopan dan berhemat. Menerusi komponen hati budi Melayu lebih memfokuskan kepada menghormati hak dan milik. Dalam kehidupan adalah sangat penting menghormati pendirian serta barangan yang dimiliki oleh seseorang dan tidak boleh diambil secara sembarangan tanpa keizinan.

Seterusnya, hak adalah segala sesuatu yang diperoleh oleh seseorang sejak lahir manakala milik pula membawa makna seseorang yang memiliki penguasaan terhadap benda tersebut seperti harta, kereta, syarikat dan banyak lagi. Raja merupakan seorang pemimpin yang memerintah sesebuah kerajaan. Dalam sesebuah pemerintahan terdiri daripada raja dan rakyat jelata yang saling menjaga antara satu sama lain yang memiliki sistem pentadbiran. Sikap menghormati raja dan negara salah satu aspek hak dan milik yang perlu dihormati. Hashim Musa (2008) menyatakan sebuah negara yang aman dan bersatu-padu dapat membangun dengan megahnya apabila wujudnya sikap menghormati raja dan negara.



FYP FTKW

FYP FTKW

4.21.1 Menghormati Hak Dan Milik Melalui Sikap Menghormati Raja Dan Negara

Sikap menghormati raja dan negara merupakan aspek dalam membangunkan sebuah negara yang aman dan maju (Hashim Musa, 2008). Secara umumnya, rakyat perlulah menghormati raja yang memerintah kerana mereka memiliki hak ke atas kerajaan yang ditakluki. Perasaan hormat perlulah ditanam dalam diri supaya tidak berlakunya pencerobohan dan perebutan kuasa bahkan manusia tidak boleh mengaku hak dan milik sesuatu dengan sewenang-wenangnya melainkan sudah mendapatkan keizinan daripada raja atau pemerintah. Oleh itu, Norita Ariffin (2006) menegaskan sikap menghormati mampu melambangkan perlakuan yang baik kerana sangat menghargai dan memuliakan perhubungan antara pemimpin dengan undang-undang serta peraturan. Menghormati hak dan milik menerusi sikap menghormati raja dan negara ditampilkan dalam cerita lisan *Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik* seperti petikan di bawah:

> Petikan 36
> Parameswara berhasrat untuk membangunkan pentadbiran di Temasik. Temangi merasa marah apabila mendengar perbuatan Paramaeswara lantas membuat keputusan untuk menemuinya.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 31)

Petikan di atas menerangkan kedatangan Parameswara ke Temasik setelah melarikan diri. Melihat akan kemajuan dan perkembangan Temasik menimbulkan satu perasaan ingin membangunkan satu pemerintahannya yang tersendiri di negeri itu. Temangi amat murka apabila mengetahui perkhabaran tersebut lantas berjumpa dengan Parameswara. Walau bagaimanapun, berlaku juga pergaduhan antara satu sama lain kerana mereka terlampau mengikut perasaan marah tetapi pada akhirnya permasalahan tersebut tetap dapat diselesaikan dan wujud keamanan selepas isu tersebut berlaku.

Berdasarkan cerita rakyat di atas, dapat dilihat bahawa wujudnya penerapan nilai hati budi Melayu iaitu menghormati hak dan milik orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana Temangi datang bertemu Parameswara untuk menyelesaikan masalah tersebut dan tindakan tersebut sudah menunjukkan bahawa Temangi menonjolkan sikap seorang pemimpin yang perlu menghormati hak orang. Di samping itu, Parameswara sebagai pendatang baru di Temasik perlulah menyimpan kembali niat untuk membuat kerajaan baru di negeri orang. Penerapan hati budi Melayu yang ditonjolkan berdasarkan cerita rakyat ini ialah pada akhir cerita ini berlaku pengunduran diri oleh Parameswara setelah dirinya dicari oleh orang-orang Temangi kerana kemangkatannya. Di sini jelas penerapan hati budi Melayu ditunjukkan kerana Parameswara berasa tidak sepatutnya beliau kekal di Temasik dan perlu hormat hak orang lain juga.

Di samping itu, cerita *Kebijaksaan Burung Hantu* turut menampilkan sikap menghormati hak dan milik menerusi petikan yang disediakan di bawah iaitu:

> Petikan 37
> Kehadiran burung garuda telah menggugat ketenteraman kampung itu kerana burung garuda telah menangkap haiwan peliharaan penduduk kampung bahkan mereka hanya berkurung di dalam rumah kerana terancam dengan kewujudan burung garuda.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 87)

Menerusi kisah ini menceritakan tentang sepasang burung garuda yang membuat sarang di pohon pauh malahan kehadirannya menyebabkan keamanan kampung terjejas. Hal ini dikatakan demikian kerana, burung garuda telah menangkap semua haiwan peliharaan penduduk kampung dan raja juga merasa murka lantas menitahkan Laksamana membunuh burung garuda tersebut namun anak panah itu berjaya dipatahkan olehnya. Permasalahan ini hanya ada penyelesaian iaitu jika raja berjaya berkahwin dengan Puteri China maka burung garuda perlu meninggalkan kampung itu. Garuda menerima cabaran tersebut kerana dia yakin dapat mengalahkan



FYP FTKW

raja kerana sikap gagah dan kuat yang dimilikinya. Burung garuda menyerang kapal Puteri China dan membuang tempayan ke dalam kerana sang puteri bersembunyi di dalam tempayan dan menganggap dia sudah mati. Nasib tidak menyebelahi burung garuda apabila Puteri China masih hidup dan mereka berkahwin menyebabkan garuda perlu meninggalkan kampung tersebut.

Petikan di atas memberikan gambaran kepada masyarakat bahawa sikap garuda yang angkuh kerana kekuatan yang dimiliki mendorongnya untuk mengambil barangan dan hak milik orang tanpa izin. Namun menerusi penerapan hati budi Melayu mendidik kita menghormati hak dan milik. Hal ini dikatakan demikian kerana pada pengakhiran cerita rakyat ini burung garuda yang telah menyahut cabaran bahawa sekiranya dapat berkahwin dengan puteri China maka ia akan keluar daripada negeri tersebut. Burung garuda tersebut telah kalah dan secara tidak langsung, burung garuda perlu keluar dari negeri tersebut kerana dapat berkahwin dengan puteri China. Burung garuda menunjukkan sisi menghormati hak dan milik di mana burung garuda keluar dari negeri tersebut. Walaupun secara terpaksa tetapi burung garuda tetap keluar. Burung garuda yang akhirnya menghormati hak dan milik kerana sekiranya burung garuda masih di negeri itu akan mendatangkan masalah sahaja. Oleh hal demikian, jelas bahawa penerapan hati budi Melayu berdasarkan cerita rakyat ini jelas terpapar dan dapat diterapkan ke dalam diri masyarakat dengan baik.

Menghormati hak dan milik sangat bersesuaian dengan pendekatan moral. Hashim Awang (2002) menegaskan kerana pendekatan ini memaparkan gambaran kehidupan manusia yang berlandaskan kepada pengalaman hidup yang pernah diharungi yang mampu mendedahkan ilmu dan kesan yang positif dan negatif kepada masyarakat. Setiap orang haruslah menghormati hak dan milik seseorang kerana ianya melambangkan perjuangan dan pengalaman hidup yang dilalui oleh keluarganya yang perlu dipelihara. Sesungguhnya apabila kita menghormati hak milik orang lain maka mereka juga akan memperlakukan perkara yang sama kepada kita. Impaknya,



FYP FTKW

generasi kini perlu menghormati hak dan milik orang agar menerima penghormatan yang sama daripada orang lain bahkan kita memiliki hak untuk menentukan sesuatu tindakan mengambil hak mereka kerana mereka memiliki hak yang lebih tinggi terhadap perkara tersebut.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.22 Kejujuran

Kejujuran merujuk kepada sifat atau perlakuan manusia yang ikhlas dalam menguruskan setiap tanggungjawab yang diberikan dengan penuh amanah. Semua orang mahu memiliki sifat yang jujur dalam diri kerana kejujuran mampu melahirkan kepercayaan dari seseorang yang sukar untuk diperoleh. Pandangan Hashim Musa (2008) mengenai kejujuran adalah sifat tulus dalam menyalurkan pertolongan dan kehidupan yang mengakibatkan khalayak memberikan kepercayaan kepadanya. Aboebakar Atjeh (1988) mendefinisikan kejujuran adalah sifat manusia yang mengamalkan sikap ikhlas dalam melakukan pekerjaan serta memberikan pertolongan tanpa mengharapkan balasan. Nilai kejujuran dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan melakukan dengan sebaik mungkin mampu menambat seseorang untuk percaya dengan keupayaan yang dimiliki. Oleh itu, sikap jujur menjadi perkara terpenting dalam pelbagai aspek dalam kehidupan seperti pemerintahan, perniagaan dan kehidupan yang bermasyarakat.

> Rasulullah SAW bersabda;
> “Hendaklah kalian selalu berlaku jujur kerana kejujuran membawa kepada kebaikan dan kebaikan membawa seseorang ke Syurga”
>
> (Abdullah bin Mas’ud RA)

Kejujuran haruslah diberikan keutamaan kerana ianya membawa kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Bahkan Rasulullah SAW juga mengutamakan kejujuran dalam kehidupan baginda dari kecil sehingga memperoleh gelaran “Al-amin” serta dapat membangunkan masyarakat Islam kerana masyarakat sudah memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada baginda untuk melahirkan insan budiman. Mohd Ali Hashimi (1992) menjelaskan bahawa kejujuran ditampilkan melalui sikap yang ditampilkan oleh seseorang dalam melakukan sesuatu perkara dengan penuh perasaan jujur dan ikhlas tanpa mengharapkan balasan serta menganggap kejujuran dapat menghakis penindasan yang berlaku terhadap segelintir masyarakat. Jelaslah



FYP FTKW

bahawa masalah penindasan mampu dicegah jika semua masyarakat mengamalkan kejujuran dalam melaksanakan tanggungjawab dalam pekerjaan malahan golongan yang ditindas akan hidup dengan sejahtera begitu jugalah bagi golongan yang ditimpa musibah yang dapat menjejaskan kehidupan. Seterusnya, Norita Ariffin (2006) juga menyampaikan pandangannya mengenai kejujuran. Kejujuran merupakan satu sifat yang sangat mulia dan tinggi dalam membentuk keperibadian seseorang iaitu menerapkan sikap yang penuh amanah dalam memenuhi kehendak orang lain secara ikhlas dan tidak meminta pembalasan. Dengan ini membuktikan bahawa kejujuran mampu mendidik manusia untuk menyalurkan pertolongan kepada orang lain dan melakukan pekerjaan dengan sikap yang ikhlas, menepati janji dan sentiasa berterus terang.

4.22.1 Kejujuran Melalui Sikap Ikhlas

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menjelaskan sikap ikhlas yang tertanam dalam diri seseorang menyebabkan mereka menghindari perkara-perkara mungkar malahan mendekatkan diri dengan perkara-perkara yang baik. Pandangan ini juga disokong oleh Hashim Musa (2008) dan Mohd Ali Hashimi (1992) bahawa manusia yang bersikap ikhlas mempunyai hati yang bersih bahkan mereka tidak sanggup untuk melakukan perkara yang mendorong ke arah kemungkaran. Secara umumnya, manusia yang bersikap ikhlas diajar untuk melakukan perkara dengan baik tanpa mengharapkan balasan yang memberikan keselesaan kepada orang sekeliling malahan mereka mampu beradaptasi dengan perkara tanpa perasaan curiga yang menguasai diri. Oleh itu, terdapat beberapa contoh hati budi Melayu dalam cerita *Musibah di Kampung Pulau Gajah* dalam aspek kejujuran menerusi sikap ikhlas menerusi petikan yang disediakan.

Petikan 38
Setelah banjir besar terjadi di Kampung Pulau Gajah Kecil, penduduknya mulai menyelamatkan diri ke Kampung Pulau Gajah Besar. Selain itu, penduduk Kampung Pulau Gajah Besar membantu mangsa hakisan ombak yang enggan



FYP FTKW

> berpindah, menyalurkan segala barang keperluan, memberikan rawatan kepada mangsa yang tercedera, mengizinkan mangsa banjir tinggal di kampung dan memberikan layanan yang sebaik mungkin kepada penduduk kampung Kampung Pulau Gajah Kecil. Sikap ikhlas yang dimiliki oleh penduduk Kampung Pulau Gajah Besar telah menguatkan keutuhan perhubungan antara kedua-dua buah kampung.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 25)

Petikan 38 menceritakan tentang penduduk Kampung Pulau Gajah Besar menerima kehadiran penduduk Kampung Pulau Gajah Kecil dengan hati terbuka untuk menumpang di kampung kerana mereka telah ditimpa musibah banjir yang mengakibatkan mereka kehilangan tempat berteduh. Mereka membantu penduduk kampung itu dengan cara mereka yang tersendiri demi keselamatan mereka. Kejujuran melalui sikap ikhlas dalam menyalurkan bantuan kepada orang lain akan memberikan kesenangan kepada mereka yang ditimpa musibah bahkan mampu meringankan beban mereka yang mengalami kerugian dan kehilangan barang-barang penting. Selain itu, kesedihan dan ketakutan yang mereka alami akan terubat kerana perasaan ambil berat yang ditunjukkan. Berdasarkan cerita rakyat di atas, kejadian itu menimbulkan perasaan trauma yang mendalam kepada penduduk Kampung Pulau Gajah Kecil mengakibatkan mereka tidak memiliki keberanian untuk pulang ke kampung mereka walaupun banjir sudah berhenti. Oleh kerana, layanan yang terbaik yang diterima oleh mereka menyebabkan mereka mahu terus menetap di Kampung Pulau Gajah Besar dan perkampungan tersebut membangun dengan pesat kerana terbentuknya sebuah penempatan yang baru serta perhubungan antara mereka juga bertambah erat dan utuh. Sesungguhnya, nilai jujur memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi dan perhubungan supaya keharmonian dapat dicapai bersama-sama. Jelaslah bahawa nilai jujur adalah satu komponen hati budi Melayu yang dapat menggalakkan generasi kini untuk sentiasa jujur dalam melakukan sesuatu hal kerana ianya akan memberikan keuntungan kepada diri sendiri dan keperibadian akan menjadi yang lebih baik.



FYP FTKW

4.22.1 Kejujuran Melalui Sikap Bercakap Benar

Hashim Musa (2008) menyatakan manusia yang mempunyai sikap bercakap benar adalah manusia yang tidak berbohong dalam pertuturan bahkan sentiasa jujur berkaitan perkara yang dinyatakan. Seseorang yang bercakap benar akan memperoleh kepercayaan dan disanjungi oleh masyarakat kerana keperibadiannya yang murni serta bersih. Menghakis unsur penipuan dalam pertuturan dan bercakap mengenai perkara yang benar merupakan definisi sikap bercakap benar daripada pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Kebiasaannya, seseorang yang bercakap benar akan menuturkan sesuatu perkataan yang lahir dari hati dan tidak memasukkan elemen pembohongan dalam percakapannya (Mohd Ali Hashimi, 1992). Tegasnya, manusia yang bercakap benar adalah manusia yang tidak mengamalkan percakapan yang bohong dalam pembicaraannya dan jauh sekali untuk menipu orang lain bahkan sikap bercakap benar merujuk kepada masyarakat yang berkeperibadian mulia. Di samping itu, cerita *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* juga membincangkan tentang hati budi Melayu dalam kejujuran melalui sikap bercakap benar yang ditampilkan dalam watak utama iaitu:

> Petikan 39
> Kehadiran beliau ke Kampung Atas Banggol membawa seribu tuah kepada rakyat jelata untuk mempelajari ilmu agama sebagai ilmu akhirat. Tok Guru Haji Awang Alim merupakan ulama terbilang iaitu beliau merupakan seorang guru yang ikhlas menyampaikan dakwah dan ajaran Islam kepada rakyat.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 70)

Petikan 39 menyatakan kisah seorang ulama dan guru yang terbilang yang tinggal di Kampung Atas Banggol. Kehadirannya di kampung tersebut telah memberikan banyak perubahan seperti pembinaan madrasah-madrasah untuk penduduk beribadah dan belajar tentang ilmu agama. Kehadiran beliau juga mengubahkan kehidupan penduduk kampung yang lebih teratur dengan memiliki bekalan sumber makanan yang cukup. Ini kerana, wujudnya seorang pemimpin yang



FYP FTKW

sangat jujur dalam menjaga kebajikan penduduk. Kejujuran menerusi sikap bercakap benar dalam menyampaikan ilmu menjadikan Tok Guru Haji Awang Alim sebagai insan yang dipandang hebat dan dihormati. Oleh kerana itu, masyarakat kampung mahu menuntut ilmu dengan beliau kerana sikap beliau yang menyampaikan ilmu dengan seikhlas hati dan beliau menyampaikan ilmu yang benar kepada penduduk kampung serta sanggup membangunkan madrasah untuk memudahkan kegiatan menuntut ilmu serta mereka dapat memberikan lebih banyak fokus kepada beribadah apabila berada di tempat yang selesa dan tenang. Jelaslah, kejujuran dapat ditampilkan menerusi pertuturan dan perlakuan yang ditampilkan oleh seseorang untuk mewujudkan kepercayaan dalam masyarakat.

Pendekatan dakwah yang berada di bawah Teori Pengkaedahan Melayu amat sesuai dikaitkan dengan petikan tersebut kerana teori ini menjelaskan tentang satu perbincangan yang mengetengahkan keagungan dan kemurniaan agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai jujur merupakan sikap terpuji dalam Islam. Dengan ini, Hashim Awang (2002) menegaskan bahawa perwatakan manusia yang mengangkat kesuciaan agama Islam mampu mendorong manusia untuk menghormati dan menghargai Islam walaupun mereka bukanlah orang Islam mahupun orang Islam. Kesan penerapan hati budi Melayu mempengaruhi generasi kini untuk mengamalkan kejujuran dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan malahan melakukannya tanpa mengharapkan balasan atau sebarang pujian daripada orang lain melainkan mengharapkan keberkatan daripada Allah SWT untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Generasi kini diberikan didikan untuk melaksanakan kebaikan bersama-sama demi kesejahteraan hidup bersama.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 4.23 Berbaik Sangka

Berbaik sangka adalah satu sifat yang sangat terpuji yang harus dimiliki oleh setiap orang kerana kita diarahkan untuk sentiasa berbaik sangka terutamanya dengan Allah SWT, diri sendiri dan sesama manusia. Makhluk merujuk kepada manusia. Manusia adalah individu yang saling memerlukan antara satu sama lain dan kehidupan harian manusia sentiasa dikelilingi dengan orang lain. Terdapat empat jenis berbaik sangka iaitu pada Allah, diri sendiri, orang dan situasi atau keadaan namun dalam topik hanya berfokuskan kepada berbaik sangka pada sesama makhluk. Pandangan yang dikemukakan oleh Teuku Iskandar (1995) memaparkan bahawa memiliki hati dan fikiran yang bersih dan sentiasa positif terhahap orang lain merupakan simbolik kepada nilai kebersihan fizikal dan mental. Natijahnya, manusia yang memiliki pemikiran sihat dan membina mampu melakukan tindakan yang sistematik. Selain itu, Siti Rabiatul Adawiah Jaafar (2013) juga mempunyai pendapat mengenai nilai kebersihan mental dan fizikal iaitu manusia yang mempunyai hati yang bersih merangkumi pertuturan, pemikiran, perlakuan dan kerohanian. Apabila memiliki fizikal dan mental yang bersih mampu mengetengahkan perwatakan manusia yang sentiasa positif dan menghindarkan diri dari melakukan perkara yang tidak baik.

Berdasarkan ulasan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) membuktikan nilai kebersihan sangat penting bagi merancangkan kehidupan yang baik terutamanya kebersihan fizikal dan mental. Beliau menyatakan manusia yang mengamalkan kebersihan fizikal dan mental mampu mencegah manusia dari memiliki sikap yang jahat, berdendam dan sombong melainkan mereka sentiasa memiliki pemikiran yang positif dengan mengamalkan sikap yang berbaik sangka sesama makhluk. Menjaga perhubungan dengam manusia memberikan banyak manfaat seperti melahirkan semangat yang ingin bersaing antara satu sama lain untuk menjadi orang yang berjaya dan perkara ini akan memberikan keuntungan kepada dua-dua pihak yang bersaing sekali gus dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama makhluk. Dalam sebuah



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hadis, Baginda Rasulullah SAW memberikan nasihat iaitu:

> "Jauhilah dari kalian prasangka buruk, karena prasangka buruk adalah sedusta-dusta pembicaraan. Janganlah kalian saling memata-matai, saling mencari aib orang lain, saling berlomba-lomba mencari kemewahan dunia, saling dengki, saling memusuhi, dan saling memutuskan. Jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara."

Potongan ayat di atas menjelaskan bahawa manusia haruslah menjauhkan diri daripada bersangka buruk kerana perkara tersebut akan merugikan diri sendiri seperti sikap iri hati dan bermusuhan sesama makhluk. Tambahan pula, berbaik sangka sesama makhluk amatlah mulia daripada berterusan bersangka buruk kepada orang lain namun turut dinasihatkan juga bahawa berbaik sangka mempunyai batasan iaitu jangan sampai manusia memanfaatkan sikap positif yang dimiliki sehingga memakan diri sendiri.

4.23.1 Berbaik Sangka Melalui Sikap Menghormati Orang Yang Tua

Hashim Musa (2008) menjelaskan menghormati orang yang tua merupakan prinsip utama dalam memperoleh kehidupan harmoni dan sejahtera antara masyarakat. Sikap manusia yang sentiasa berbaik sangka amatlah dituntut dalam agama Islam dan menjadikan teladan yang baik untuk menjalani kehidupan. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) mengetengahkan pendapatnya bahawa masyarakat perlu menghormati orang yang lebih tua bahkan digalakkan untuk memberikan satu gelaran khas sebagai tanda menghormati mereka. Secara ringkasnya, sikap menghormati amatlah penting dalam kehidupan agar memperoleh keberkatan dan orang lain juga akan menghormati kita. Oleh itu, dalam petikan 40 menampilkan aspek bersangka baik terhadap sesama makhluk menerusi cerita *Milik Siapakah Saka Itu?* seperti yang tertera di bawah:

FYP FTKW

Petikan 40
Penduduk kampung masih tertanya-tanya berkaitan pemilik saka yang mengganggu mereka namun mereka tidak menuduh sesiapa kerana tiada bukti yang kukuh.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 46)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan sikap berbaik sangka terhadap sesama makhluk. Dalam kehidupan bermasyarakat hendaklah sentiasa berbaik sangka terhadap sesama manusia sama juga yang dilakukan oleh penduduk kampung. Mereka beranggapan saka yang berkeliaran dan menganggu penduduk kampung dan kematian Wak Leman berpunca daripada saka itu namun mereka tiada bukti untuk kenyataan tersebut mendorong mereka untuk sentiasa berbaik sangka tambahan pula Wak Leman juga sudah meninggal dunia dan mereka tidak mahu menyebarkan fitnah dan memburukkan orang lain demi kepentingan diriserta mereka menghormati orang yang lebih tua. Tegasnya, sikap berbaik sangka sangat amatlah terpuji dan sesiapa yang menerapkan sikap ini dalam diri semestinya kehidupannya akan tenang.

Selanjutnya bersangka baik dengan sesama makhluk juga boleh dilihat dalam teks *Nurani Che Him dalam Masyarakat* iaitu:

Petikan 41
Menerusi sikap Che Him yang peramah dalam pergaulan dengan masyarakat membuatkan masyarakat sentiasa berbaik sangka dan menerimanya dengan baik di kampung walaupun dia berbangsa cina.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 72)

Berdasarkan petikan 41 mengisahkan Che Him merupakan seorang lelaki yang berbangsa Cina yang di tinggal di Pengkalan Datu. Kebanyakan penduduk kampung tersebut adalah orang Melayu namun mereka menerima kehadiran Che Him dengan baik bahkan masyarakat sangat kagum sikapnya yang sangat berwibawa. Beliau sentiasa memberikan bantuan kepada orang yang memerlukan seperti menghulurkan



FYP FTKW

makanan dan memberikan kain kapan secara percuma serta banyak melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan. Dengan ini, terserlah sikapnya yang peramah dan gemar membantu masyarakat. Oleh itu, tidak peliklah jika masyarakat sentiasa berbaik sangka dengan Che Him kerana peribadinya yang baik juga mendorong masyarakat beranggapan begitu terhadapnya.

Penerapan hati budi Melayu memberikan impak yang positif kepada generasi kini. Jelaslah, berbaik sangka kepada sesama menimbulkan perasaan senang, nyaman dan tenteram tanpa timbul perasaan dengki dan kebencian yang mengakibatkan hubungan dengan sesama menjadi tidak harmoni dan damai, berprasangka baik juga akan tercipta saling tolong menolong, dapat menjalinkan hubungan persaudaraan akan tetap terpelihara. Oleh itu, pendekatan dakwah amatlah bersesuaian dengan berbaik sangka dengan sesama makhluk. Hal ini kerana, pemikiran dan perlakuan sihat yang ditonjolkan dalam perwatakan manusia membuktikan bahawa mereka menjaga dan memelihara keagungan serta kesuciaan agama Islam. Impaknya, generasi kini perlulah sentiasa berbaik sangka dengan sesama makhluk kerana ianya memberikan manfaat yang baik kepada kedua-dua pihak bahkan mereka diberikan didikan untuk menggunakan pemikiran dan perlakuan yang sihat sebelum melakukan sesuatu tindakan. Tegaslah bahawa keperibadian yang baik dapat dibentuk menerusi pemikiran dan perlakuan yang bersih yang diamalkan dalam kehidupan seseorang yang membolehkan mereka sentiasa berbaik sangka sesama makhluk serta Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) juga menegaskan bahawa kebersihan fizikal dan mental mendorong manusia untuk bertindak dengan baik bahkan menyokong pandangan yang dinyatakan tersebut.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.24 Sifat Keterbukaan

Sifat keterbukaan ini memaparkan sikap seorang pemimpin yang mudah didekati dan sentiasa terbuka untuk menerima idea dan pandangan daripada rakyat atau orang bawahan tanpa mengira waktu dan tempat. Tilaar (1999) menyatakan definisi sifat keterbukaan yang memperihalkan tentang persefahaman antara satu sama lain untuk saling membantu dan memberikan kesepakatan dalam menyelesaikan atau menguruskan sesuatu perkara dengan lebih mudah dan efisien. Ini boleh dikaitkan dengan kesanggupan untuk menerima dan menghormati pandangan yang berbeza namun masih mengekalkan persefahaman yang sama tanpa membahas perihal masing-masing dan mengaibkan antara satu sama lain. Sifat keterbukaan antara pemimpin dengan rakyat atau sesama masyarakat akan membentuk satu sikap menjalankan tanggungjawab bersama-sama kerana mempunyai kesepakatan yang sama dan saling melengkapi antara satu sama lain. Menurut pandangan Joan T (1992) menyatakan keterbukaan menggambarkan pelaksanaan aktiviti yang dari pelbagai bidang disatukan dalam satu kelompok yang kecil. Perkara ini menjelaskan sifat keterbukaan yang wujud dalam kelompok yang kecil kerana sikap yang saling memahami dan menghormati antara satu sama lain mampu membentuk satu kumpulan yang mengutamakan kesepakatan dalam melakukan sesuatu perkara walaupun terdiri daripada bidang yang berbeza. Sikap pemimpin yang mampu menerima segala pandangan daripada orang lain merupakan pemimpin yang memiliki sifat keterbukaan (Hashim Musa, 2008).

Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) memberikan pandangannya tentang sikap bekerjasama antara masyarakat amatlah diperlukan untuk aktiviti kemasyarakatan agar memberikan manfaat untuk semua kerana setiap aktiviti yang dilaksanakan sudah memperoleh kesepakatan bersama. Sifat keterbukaan juga mendorong seseorang untuk menerima dan mendengar setiap cadangan serta nasihat yang disampaikan malahan sikap ini juga menjadi benteng dari munculnya perasaan



FYP FTKW

dendam dan ingin melakukan kecurangan dalam diri seseorang.

4.24.1 Sifat Keterbukaan Melalui Sikap Persaudaraan

Aboebakar Atjeh (1988) mengutarakan pandangan mengenai sikap persaudaraan iaitu orang Melayu sangat mementingkan hubungan persaudaraan bahkan agama Islam juga mengutamakan perkara tersebut. Dalam sebuah kehidupan, amalan persaudaraan adalah sejajar sebagai prinsip hidup bagi orang Melayu dan agama Islam (Hashim Musa, 2008). Sikap persaudaraan menjadi teras kepada masyarakat untuk menjalani kehidupan yang sejahtera. Selain itu, Mohd Ali Hashimi (1992) juga menyatakan orang Melayu sangat menyayangi dan mengasihi hubungan persaudaraan yang terjalin kerana Allah untuk memperoleh keredaan dan kesejahteraan dalam kehidupan. Oleh itu, terdapat satu penemuan sikap keterbukaan menerusi cerita *Asal Usul Wakaf Aik* iaitu:

> Petikan 42
> Sikap keterbukaan yang dipamerkan oleh Pak Cu Abu membuatnya tidak merasa terasing dalam masyarakat Melayu ditambah pula kepandaian dan kemahiran dalam permainan tradisional seperti bermain seruling Cina, wayang kulit, silat dan pembuatan parang.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

Menerusi petikan 42 memaparkan sikap keterbukaan yang dimiliki oleh Pak Cu Abu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap beliau yang berkeperibadian mulia yang sentiasa terbuka untuk bergaul dengan masyakarat kampung dan beliau juga memiliki kemahiran dalam memainkan permainan tradisional dengan baik. Ini menyebabkan beliau dapat merasai kehidupan masyarakat Melayu walaupun beliau berbangsa Cina. Selain itu, Pak Cu Abu akan memberikan pertolongan jika penduduk kampung itu menghadapi masalah dengan sebaik mungkin seperti masalah pergaduhan yang berlaku di kampung tersebut. Jelaslah bahawa sikap keterbukaan menggalakkan seseorang untuk lebih mengenali sesuatu yang baru dan semangat mahu mencuba



FYP FTKW

sentiasa tertanam dalam dirinya seperti Pak Cu Abu walaupun dia berbangsa Cina namun beliau mencuba untuk bermain permainan apabila dipelawa oleh penduduk kampung sekali gus dapat menampilkan bahawa beliau memiliki bakat dalam bidang tersebut. Oleh itu, sikap keterbukaan perlulah diterapkan dalam diri supaya mampu melahirkan insan yang memiliki pemikiran yang terbuka untuk menerima atau menentukan sesuatu penyelesaian dengan tindakan yang sewajarnya.

Selanjutnya, cerita *Kepesatan Pengkalan Parit* juga memaparkan sikap keterbukaan melalui sikap persaudaraan yang diperoleh daripada petikan 43 iaitu:

> Petikan 43
> Setelah perbincangan, Pak Bulat meminta maaf kerana merasa bersalah kepada Ah Li dan dia juga telah memaafkan perbuatan Pak Bulat dan mereka dikhabarkan telah berkawan baik sejak peristiwa itu.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 34)

Kelihatannya petikan tersebut memaparkan perwatakan Pak Bulat yang memiliki sikap keterbukaan. Sikapnya jelas terlihat apabila dia memohon maaf atas tingkah lakunya terhadap Ah Li dengan rendah diri kerana merasa bersalah melakukan perkara tersebut disebabkan sikap panas barannya apabila perkara yang diingini tidak mampu ditunaikan. Kesanggupan untuk memohon maaf atas kesilapan yang dilakukan amatlah susah untuk dilakukan oleh setiap orang kerana adanya perasaan malu dan sikap egois yang tinggi dalam diri yang tidak mahu dirinya dipersalahkan namun sebaliknya dengan sikap keterbukaan Pak Bulat yang bersedia untuk memohon kemaafan telah meletakkan beliau di peringkat yang berbeza dengan orang lain. Oleh itu, sikap keterbukaan amatlah untuk penting dan perlu diamalkan oleh setiap golongan kerana melalui sikap ini juga mampu mencipta satu ikatan perhubungan yang utuh seperti perhubungan Pak Bulat dan Ah Li yang sudah menjadi kawan baik setelah kejadian itu.



FYP FTKW

Tambahan pula, sikap keterbukaan dalam kedua-dua naratif lisan memberikan pengajaran yang sangat besar kepada generasi kini. Hal ini kerana sikap keterbukaan dapat mengekang daripada berlakunya persengketaan, lebih mudah untuk didekati dan diajak berbincang sesuatu permasalahan serta dapat membentuk sikap yang tidak mengutamakan kepentingan diri. Tuntasnya, pendekatan kemasyarakatan sangat sepadan dengan sikap keterbukaan kerana ianya memberikan gambaran kehidupan yang nyata dan menyampaikan tauladan yang baik untuk mengekalkan kesejahteraan hidup dalam sesebuah komuniti. Menerusi sikap keterbukaan ini juga membentuk sebuah kesepakatan dan kesefahaman yang melahirkan masyarakat yang bersatu-padu, saling menyayangi dan hormat-menghormati. Sikap keterbukaan sangat mempengaruhi keperibadian dan memberikan faedah yang baik terhadap generasi kini seperti generasi kini sentiasa bersedia dengan hati yang terbuka untuk menerima dan mendengar segala pandangan daripada orang lain serta dapat memperbaiki kesalahan yang dilakukan. Jelaslah, penerapan hati budi Melayu mampu membina jati diri generasi kini yang lebih berani, ikhlas dan sanggup menanggung risiko dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Natijahnya, generasi kini haruslah menerapkan sifat keterbukaan dalam kehidupan agar lebih mudah untuk didekati dan diajak berbincang sebelum melakukan sebarang tindakan serta mendidik generasi kini supaya menerima segala nasihat, pandangan kritikan daripada orang mengenai diri sendiri dengan hati terbuka. Penerapan sikap mampu membentuk diri seseorang yang sentiasa memperbaiki kesalahan diri dan berlapang ada dengan perkara yang disampaikan. Jumali Selamat (2001) juga menyokong bahawa kemampuan manusia dalam menerima teguran dan nasihat sebelum membuat sesuatu keputusan merupakan tindakan yang wajar dan rasional.



FYP FTKW

4.25 Sifat Amanah

Pengertian konsep amanah sangatlah meluas iaitu merangkumi tentang perhubungan antara manusia dan Allah SWT. Orang yang amanah akan disegani oleh masyarakat kerana amanah adalah satu kepercayaan yang diperoleh oleh seseorang kerana dia mampu menjalankan tugas penuh perasaan tanggungjawab tanpa berlakunya sebarang penyelewengan. Oleh itu, dia berhak untuk menerima amanah yang diberikan. Selain itu, amanah berupaya untuk melambangkan keimanan mereka berdasarkan kemampuan mereka dalam menunaikan tanggungjawab. Terdapat dua jenis penyampaian amanah iaitu amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada makhluk dan pemberian amanah di antara sesama manusia. Selain itu, sifat amanah membuktikan wujudnya manusia yang tidak menipu dan tidak mengamalkan penindasan terhadap orang lain malahan menerapkan perasaan ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara. Pendefinisian ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menjelaskan amanah merupakan pertolongan yang diberikan dengan penuh perasaan jujur tanpa mengambil kesempatan terhadap orang lain iaitu tidak melakukan penindasan kepada orang lain. Dengan ini memaparkan bahawa sifat amanah yang terbentuk dalam diri seseorang mampu mendidik mereka agar tidak menipu dan tidak memanfaatkan kekurangan dan kelemahan yang dimiliki oleh orang lain untuk kepentingan diri sendiri.

Selain itu, Hashim Musa (2008) juga memberikan satu hujahan mengenai sifat amanah iaitu setiap masyarakat menganut agama Islam memiliki sikap amanah dalam diri yang merupakan satu keperibadian yang terbentuk bahkan mereka dididik sejak kecil untuk mengamalkan sikap amanah dalam kelangsungan hidup. Sifat amanah membentuk kehidupan manusia lebih teratur dan hubungan antara masyarakat juga akan terjaga di mana mereka akan saling bersandarkan antara satu sama lain. Berdasarkan pandangan daripada Mumtaz, Norzaini dan Mohammed Sani (2010) menyatakan bahawa amanah ialah satu tugasan yang diberikan untuk diuruskan



FYP FTKW

dengan penuh tanggungjawab tanpa memanfaatkan kuasa yang dimiliki untuk kepentingan diri sendiri. Bahkan dalam hadis juga menyatakan berkaitan dengan sifat amanah iaitu:

> "Setiap orang adalah pemimpin dan mereka akan minta pertanggungjawaban atas kepimpinan mereka"
>
> (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Potongan hadis tersebut menghuraikan bahawa seseorang yang diberikan tanggungjawab untuk memimpin sesebuah organisasi haruslah sanggup berkorban atas tanggungjawab tersebut dengan penuh amanah. Contohnya, perdana menteri merupakan ketua pemimpin dalam sebuah negara maka diberikan kepercayaan untuk menguruskan perihal rakyat di bawah kepimpinannya. Memiliki sikap amanah membentuk seseorang untuk memiliki keperibadian diri yang baik. Oleh itu, hati budi Melayu menerusi sifat amanah perlu diaplikasikan dalam diri seseorang dari sejak kecil kerana ketika usia itu, mereka amat mudah bagi memahami dan menghayati setiap perkara yang diajarkan.

4.25.1 Sifat Amanah Melalui Sikap Ketegasan

Sifat ketegasan merujuk kepada seorang yang berpendirian tetap dan memiliki prinsip kehidupan menurut Hashim Musa (2008). Swettenham (2007) menegaskan bahawa orang Melayu sangat tegas, berani dan amanah dalam menjalankan tugas. Sikap ketegasan mendorong seseorang untuk mempertahankan pendiriannya dalam menjalankan tugasan dan kebiasaannya pendirian yang diangkat dalam sesebuah komuniti memberikan kepentingan dan kebajikan bersama. Selanjutnya, cerita *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Bisu* memperlihatkan sifat amanah seorang pemimpin kepada rakyat seperti yang tersedia dalam petikan 44 di bawah:

> Petikan 44
> Ketua kampung bersetuju untuk kumpulan Mail menyertai pertandingan itu sekali gus membawa nama kampung ke kampung-kampung lain. Namun ketua kampung ada menyampaikan pesanan orang dulu-dulu. Ketua kampung berkata:



FYP FTKW

> “Sebelum kamu dan kumpulan kamu nak ke tempat pertandingan dikir nanti, kamu mesti pergi kat pokok tanjung yang besar dan membuat persembahan di situ dulu. Jika tidak melakukan perkara yang dipesankan alat muzik kamu tak akan mengeluarkan bunyi.”
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 6)

Berdasarkan petikan 44 memperihalkan tentang amanah yang diberikan kepada ketua kampung untuk menguruskannya memandangkan beliau merupakan seorang pemimpin di Kampung Pengkalan Datu. Cerita ini memfokuskan kepada pokok tanjung yang tinggi dan besar seperti gergasi yang tumbuh sendiri di Kampung Tanjung Besar. Pokok ini memiliki kuasa ajaib iaitu alat muzik tidak akan mengeluarkan bunyi jika ingin melakukan sebarang persembahan seperti Makyong, dikir barat, wayang kulit dan lain-lain lagi. Sudah menjadi satu tradisi di kampung tersebut jika mahu menyertai pertandingan haruslah dipersembahkan terlebih dahulu di pokok tanjung. Kejadian itu yang berlaku kepada Mail dan kumpulannya yang menyertai pertandingan dikir namun alat muzik tidak mengeluarkan bunyi kerana tidak mempersembahkan dikir barat di pokok tanjung terlebih dahulu kerana mengingkari pesanan daripada Tok Ketua. Menerusi cerita *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu* menampilkan watak Tok Ketua sebagai seorang yang memiliki sifat amanah. Beliau diberikan kepercayaan untuk memimpin serta menjaga kebajikan semua penduduk kampung. Selain itu, beliau juga diamanahkan untuk memberitahu tentang tradisi yang perlu dilaksanakan sebelum menyertai pertandingan supaya dapat meraih kemenangan jika tidak perjuangan itu hanyalah sia-sia.



FYP FTKW

4.25.2 Sifat Amanah Melalui Sikap Menepati Janji

Sifat amanah melalui sikap menepati janji memaparkan sikap manusia yang menunaikan segala perjanjian yang telah dilaksanakan supaya tidak berlakunya penindasan (Hashim Musa, 2008). Selain itu, ungkapan janji dalam masyarakat orang Melayu kini biasanya merujuk kepada maksud yang negatif iaitu janji yang tidak dipatuhi atau ditepati. Orang yang tidak menepati janji adalah individu yang tidak berakhlak dan dibenci. Dalam syarak, tidak menepati janji adalah salah satu ciri orang munafik, sebagaimana dari Abu Hurairah RA, bahawa sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

> "Tanda-tanda orang munafik itu ada tiga, iaitu bila berbicara dusta, bila berjanji tidak ditepati dan bila diamanati dia berkhianat"
>
> (HR Muslim. Muhammad Faiz Almath, 1993:348)

Petikan di atas menjelaskan orang berjanji namun tidak menepati segala perjanjian adalah seorang yang negatif kerana hanya mampu berjanji. Di samping itu, kisah seterusnya juga memfokuskan kepada sifat amanah yang diketengahkan dalam naratif lisan untuk menerapkan hati budi Melayu.

> Petikan 45
> Pesembunyian yang tidak diketahui oleh pihak musuh kerana masyarakat menyimpan rahsianya sehingga kematian beliau. Tiada siapa yang mengetahui makamnya di Kampung Gajah termasuklah keluarganya.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 59)

Petikan 45 membuktikan bahawa penerapan sifat amanah didapati dalam cerita *Haji Long Abdul Rahman*. Dalam analisis ini memfokuskan kepada sikap amanah penduduk kampung untuk menjaga kebajikan pemimpinnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, penduduk kampung merahsiakan identiti sebenar Haji Long Abdul Rahman yang ialah seorang Raja Patani sehinggakan pihak musuh tidak menemui keberadaan beliau. Penduduk kampung benar-benar mementingkan sifat amanah



FYP FTKW

mereka untuk memelihara keselamatan pemimpin yang sudah banyak berbakti mereka malahan sehingga kini tiada sesiapun pun mengetahui keberadaan makam beliau yang terletak di Pulau Gajah termasuklah ahli keluarga beliau sendiri. Dengan ini, sifat amanah membuktikan bahawa penduduk Kampung Pulau Gajah memiliki sifat amanah yang tinggi dalam diri yang merupakan komponen kepada pembentukan hati budi Melayu. Sehubungan itu, penerapan hati budi Melayu menerusi sifat amanah dan cerita rakyat memberikan impak yang positif kepada generasi kini. Oleh itu, pendedahan hati budi Melayu menerusi naratif lisan adalah satu langkah yang efisien untuk keperibadian insan yang lebih baik sekali gus dapat memartabatkan lagi keagungan cerita rakyat. Selain itu, menerusi sifat amanah yang ditampilkan dalam Haji Long Abdul Rahman memberikan kesedaran kepada rakyatnya juga amanah dalam melakukan sesuatu perkara. Tegasnya, generasi kini perlulah mengamalkan sifat amanah agar mudah memperoleh kepercayaan dan dihargai dalam kehidupan.

Sifat amanah yang diketengahkan dalam cerita rakyat ini bersesuaian dengan pendekatan dakwah yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Berasaskan kepada kedua-dua naratif lisan mengetengahkan kemurniaan agama Islam yang melahirkan rasa hormat dalam diri manusia agar mengagungkan kesucian agama Islam. Sifat amanah perlulah diutamakan dalam pembentukan sahsiah diri agar seseorang akan dihormati masyarakat di sekitarnya. Penerapan komponen hati budi Melayu meninggalkan impak kepada generasi kini agar melaksanakan setiap pekerjaan dengan penuh amanah. Swettenhem (2003) seseorang yang bersifat amanah mampu membentuk budaya yang sihat dalam satu organisasi dan mengkategorikan masyarakat Melayu adalah masyarakat yang sentiasa menerapkan sifat amanah dalam melaksanakan pekerjaan. Dengan ini masyarakat akan mempercayai dan memberikan sepenuhnya kepercayaan kepada individu yang bersifat amanah sekali gus dapat memelihara harga diri dan meningkatkan tahap keimanan serta manusia yang memiliki peribadi yang mulia.



FYP FTKW

4.26 Memanfaatkan Waktu

Waktu merujuk kepada serangkaian saat dalam proses suatu kejadian, perubahan atau keadaan dalam melaksanakan sesuatu perkara sekali gus waktu merupakan satu dimensi yang diperlukan dan mempengaruhi aspek kehidupan. Ilmu yang dimiliki mendorong seseorang untuk memanfaatkan waktu dan betapa ruginya apabila membuang masa. Manusia yang memiliki ilmu akan memanfaatkan ilmu yang dimiliki sebaiknya malahan ilmu memberikan pengalaman mengajar erti kehidupan yang sebenarnya. Manusia yang memanfaatkan waktu dengan baik adalah manusia yang bijaksana kerana mereka mengerti dan menyedari bahawa masa sangat penting. Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa memanfaatkan masa merupakan simbolik kepada orang yang berilmu kerana mereka tidak gemar untuk membuang masa bahkan setiap masa yang terluang akan dimanfaatkan dengan perkara yang berfaedah. Oleh hal demikian, orang yang berilmu sentiasa mengisi kehidupan mereka dengan mempelajari ilmu pada setiap masa agar ilmu mereka semakin bertambah dan masa mereka juga tidak akan terbuang begitu sahaja.

4.26.1 Memanfaatkan Waktu Melalui Sikap Bijaksana

Syed Naquib Al-Attas (1988) juga menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku dalam diri manusia berpandukan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan malahan disebabkan ilmu memberikan pengetahuan dan kebijaksanaan kepada manusia untuk menguruskan sesuatu pekerjaan yang diberikan serta mereka juga mampu untuk menguruskan masa dengan baik yang memberikan impak yang baik kepada seseorang. Di samping itu, Tenas Effendy (2004) juga menjelaskan orang yang bijak dalam menguruskan masa dan memanfaatkan masa dengan melaksanakan perkara yang berfaedah dan tidak membuang masa dengan sewenang-wenangnya merupakan seorang manusia yang berilmu. Tidak dapat dinafikan bahawa sesiapapun tidak dapat mengawal masa namun masa mampu diuruskan dengan baik kerana masa



FYP FTKW

akan terus berjalan dan berputar walaupun kita tidak melakukan sebarang pekerjaan. Oleh itu, manusia perlulah bijak dalam menguruskan masa agar memberikan manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara bahkan segelintir masyarakat menyatakan mereka tidak memiliki masa yang cukup untuk melakukan sesuatu perkara kerana mereka tidak memanfaatkan masa dengan sebaik mungkin. Di samping itu, memanfaatkan waktu melalui sikap bijaksana telah ditemui dalam cerita *Tentera Bergajah* iaitu:

> Petikan 46
> Segera Raja Patani mengarahkan sekumpulan tentera kecil mengawal tempat gajah-gajah berkumpul. Segala peralatan untuk mengalihkan gajah disediakan seperti membuat kapal besar untuk memuatkan bilangan gajah yang sihat dan menyediakan bekalan makanan untuk gajah dan tentera di tempat persembunyian.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 73)

Cerita di atas membincangkan tentang pergolakan yang berlaku antara golongan pembesar yang tidak berpuas hati dengan perlantikan takhta kerajaan Patani bahkan mereka telah memeterai perjanjian dengan kerajaan musuh untuk menjatuhkan Raja Patani menyebabkan suasana kerajaan itu huru-hara. Oleh itu, segala aktiviti tergendala dan sistem pertahanan yang semakin lemah kerana berlakunya serangan virus kepada gajah-gajah. Hal ini menyebabkan Raja Patani memikirkan penyelesaian yang terbaik untuk meningkatkan sistem pertahanan kerana masih ada keselamatan rakyat yang perlu dijaga lantas pemuda ufti dipanggil untuk menghadap raja untuk berbincang tentang permasalahan ini. Berdasarkan petikan 46 membuktikan bahawa sikap yang memanfaatkan waktu dan tidak membuang masa ditampilkan menerusi perwatakan Raja Patani. Hal ini dikatakan demikian kerana, baginda memikirkan penyelesaian bersama pemuda ufti untuk permasalahan tersebut iaitu gajah tentera kerana tanpa gajah peperangan tidak akan berpihak kepada mereka. Setelah perbincangan tanpa membuang masa baginda menyiapkan segala kelengkapan untuk membawa gajah tentera bersembunyi di perairan lembah sungai di



FYP FTKW

seberang kerajaan itu. Hari sudah silih berganti, kesihatan gajah semakin membaik dan kemenangan berpihak kepada mereka. Tegasnya, sikap ini perlu diterapkan dalam kehidupan agar memberikan manfaat yang baik kepada semua pihak. Jika Raja Patani melengah-lengahkan masa untuk mencari penyelesaian sudah pasti lebih banyak nyawa yang akan terkorban dan kerajaan Patani semestinya akan jatuh ke tangan kerajaan musuh serta pemikiran sihat dan membina dari seorang pemuda ufti mampu mengubah takdir kerana idea daripadanya diterima baik oleh Raja Patani bahkan baginda bertindak selepas melakukan perbincangan dengan pemuda ufti.

4.26.2 Memanfaatkan Waktu Melalui Sikap Bertanggungjawab Bersama

Sikap bertanggungjawab bersama merujuk kepada kegiatan yang dilakukan bersama-sama dan segala tanggungjawab ditanggung bersama dalam sesebuah kelompok (Hashim Musa, 2008). Berdasarkan Kamus Dewan (2016) mengatakan bahawa tanggungjawab bersama adalah manusia melakukan pekerjaan secara bergandingan bahu sehingga semuanya selesai. Seterusnya, penemuan memanfaatkan waktu melalui sikap bertanggungjawab bersama cerita *Kisah Sekumpulan Tupai* yang dinyatakan dalam petikan 47 iaitu:

> Petikan 47
> Setibanya di Pulau Gajah, Haji Long Abdul Rahman dan rakyat-rakyat mencari satu tempat yang sesuai untuk berehat dengan mendirikan pondok kecik atau rumah. Mereka segera menebas pokok-pokok kecil dan semak-samun kerana mereka mahu tinggal di tempat tersebut.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 85)

Petikan di atas membincangkan berkaitan sikap Haji Long Abdul Rahman yang amat memanfaatkan masa dan tidak membuang masa telah memudahkan segala urusannya. Hal ini menjelaskan bahawa Haji Long Abdul Rahman bertindak sebagai pemimpin yang bijak dalam menguruskan masa iaitu beliau mula menebas pokok-pokok dan semak samun. Pada mulanya, mereka hanya duduk di atas tanah rata yang beralaskan daun namun kini semakin banyak pembangunan yang mereka bina



FYP FTKW

bersama seperti rumah dan madrasah. Jelaslah bahawa seseorang yang itu mampu memupuk semangat memanfaatkan masa jika mereka mampu menguruskan masa dengan baik malahan setiap perkara yang diimpikan akan diperoleh dengan pencapaian yang terbaik serta disiplin diri dapat dibentuk.

Sikap yang memanfaatkan masa akan menjadikan seseorang itu bijak dalam menguruskan masa. Hal ini kerana, mereka mampu mengawal diri daripada melakukan perkara yang tidak bermanfaat malahan mendatangkan kerugian. Oleh itu, generasi kini perlulah menerapkan hati budi Melayu dalam diri untuk menjadi insan yang berdisiplin supaya segala urusan yang dilaksanakan lebih teratur. Dengan ini, pendekatan moral sejajar dengan prinsip memanfaatkan masa dan tidak membuang masa kerana ianya memberikan pengalaman yang pernah dijalani oleh manusia untuk dijadikan sebagai panduan yang dinyatakan oleh Hashim Awang (2002). Impaknya, generasi kini dapat berfikir secara normal dan memanfaatkan waktu kerana masa itu ibarat emas yang sangatlah mahal nilainya. Selain itu, bijak dalam menguruskan masa menjadikan generasi kini sebagai seorang yang berdisiplin dalam melakukan dan menguruskan pekerjaan secara terancang dan teratur. Di samping itu, Tenas Effendy (1990) juga menyatakan manusia yang dapat memanfaatkan waktu dengan baik akan memberikan manfaat yang bergunakan kepada manusia kerana orang-orang tua sangat mengutamakan agar generasi kini untuk menghargai dan memanfaatkan masa dengan sebaiknya untuk kepentingan di dunia dan di akhirat. Jelaslah, orang yang berilmu akan dipandang mulia dalam kalangan masyarakat kerana ilmu yang dimiliki akan memberikan faedah kepada kehidupan mereka. Contohnya, orang yang berilmu mampu menguruskan kewangan dengan baik. Begitu jugalah orang yang yang berilmu mampu memanfaatkan waktu dengan baik.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.27 Memandang Masa Depan

Memandang masa depan merujuk kepada seseorang yang suka berfikir jauh atau boleh diistilahkan sebagai pemikiran panjang dengan matlamat yang ingin dicapai. Istilah pemikiran bagi Dewey (1910) ialah proses untuk mencipta ilmu bagi melatih keupayaan untuk menghubungkan mental dalam otak manusia untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Kebiasaannya, orang yang berfikiran jauh merupakan seseorang yang mempunyai matlamat hidup dan hala tuju yang dirancang sebaik mungkin untuk dijadikan sebagai impian dan misi dalam kehidupan. Hashim Musa (2008) menyatakan memandang masa depan menampilkan pemikiran manusia yang berfikiran jauh untuk memperoleh impian yang ingin dicapai demi kepentingan dan kebaikan bersama. Jelaslah, memandang masa depan adalah satu perancangan yang diatur oleh manusia untuk menentukan kehidupan yang lebih baik. Selain itu, pemikiran yang sihat dan membina menggalakkan manusia untuk berpandangan jauh. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) mengutarakan pandangannya iaitu manusia yang memiliki pemikiran yang sihat mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah.

4.27.1 Memandang Masa Depan Melalui Sikap Rasional

Seseorang yang memandang masa depan memiliki pemikiran yang bijaksana. Oleh hal yang demikian, mereka akan menggunakan kebijaksanaan untuk membuat sesuatu tindakan dengan baik dan tepat pada masa dan keadaan kerana pemikiran mereka bertindak balas menggunakan kekuatan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dijadikan sebagai landasan dalam kehidupan. Nilai rasional akan terbentuk apabila manusia bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah serta bertindak tanpa mengikut perubahan emosi (Norita Ariffin, 2016). Seterusnya, dalam ajaran Islam juga mengajar untuk mengatur kehidupan dengan baik untuk memberikan faedah kepada manusia di dunia dan di akhirat. Berfikir secara rasional merujuk kepada kebolehan manusia dalam berfikir secara logik dan mempunyai hujahan yang



FYP FTKW

benar sebelum mengambil sesuatu tindakan malahan pandangan ini disokong oleh Hashim Musa (2008) bahawa pemikiran yang rasional menggalakkan seseorang berhujah dengan bukti yang kukuh bukan hanya sekadar bercakap. Kebijaksanaan terbentuk apabila seseorang memiliki akal budi yang baik. Menurut Nor Hashimah Jalaludin (2014) bahawa akal budi merujuk kepada penggunaan akal secara waras, rasional dalam pemilihan kata sebelum membuat keputusan atau mengungkapkan sesuatu perkara. Jelaslah bahawa manusia yang memandang masa depan mempunyai pemikiran yang bijaksana dan rasional dalam menentukan keputusan sebelum melakukan tindakan. Cerita *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* memaparkan komponen teras hati budi Melayu iaitu memandang masa depan melalui sikap rasional dalam petikan di bawah iaitu:

> Petikan 48
> Suatu hari Puteri Saadong telah pergi bersiar-siar di luar istana. Hal ini kerana baginda risau dan bimbang tiada ikhtiar yang mampu difikirkan oleh baginda pada ketika itu. Ketika itu, baginda memerhatikan seorang nelayan yang baru sahaja pulang dari lautan sedang menjual ikan kepada masyarakat setempat. Baginda mendapat idea untuk mengadakan aktiviti jualan di atas kapal untuk memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Cerita ini mengisahkan tentang Puteri Saadong yang merupakan seorang pemerintah di Pengkalan Datu. Baginda merupakan seorang pemimpin yang sangat handal dalam menguruskan pentadbiran negeri dan pemerintahannya maju terutamanya dari sektor perdagangan. Ketika awal pemerintahan baginda, aktiviti perdagangan di Pantai Pengkalan Datu tidak berkembang dengan maju. Pelbagai idea difikirkan untuk memajukan aktiviti perdagangan di pengkalan tersebut sehinggakan baginda melihat dengan sendiri aktiviti yang dilakukan oleh nelayan. Akhirnya, baginda berfikiran untuk melaksanakan aktiviti penjualan di atas kapal. Baginda berharap perancangannya akan memudahkan pencapaian matlamatnya yang mahu menjadikan pantai tersebut sebagai pusat perdagangan akan tercapai. Puteri Saadong juga



FYP FTKW

berfikiran secara rasional dan memandang masa depan. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai seorang pemimpin, baginda mempunyai matlamat dan mahu memberikan sumbangan kepada negeri sepanjang pemerintahan. Hal ini juga menampilkan bahawa baginda memiliki hala tuju untuk memperkembangkan empayar pemerintahan menerusi aktiviti perdagangan. Pada awalnya, idea tersebut dianggap kosong atau tidak akan berjaya oleh pembesar tetapi akhirnya membuahkan hasil setelah kegiatan tersebut berlangsung. Idea yang dicadangkan oleh Puteri Saadong adalah salah satu idea hasil daripada pandangan dan pemikiran sebagai seorang pemimpin yang bijaksana dan rasional dalam menentukan keputusan.

Kisah seterusnya juga membincangkan tentang memandang masa depan melalui sikap rasional yang termuat dalam cerita *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*.

> Petikan 49
> Akibat peperangan di negeri Patani telah berlakunya penghijrahan Raja Patani dengan pengikut setianya untuk membangunkan penempatan baru.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 26)

Petikan 49 menceritakan tentang pengunduran Raja Patani dari negeri dan berhijrah ke tempat yang baharu bersama pengikut setianya. Di Pengkalan Datu menjadi pilihan mereka untuk memulakan kehidupan yang baru kerana mereka takut untuk kembali ke negeri Patani dan bimbang akan berlaku lagi kejadian pergolakan sistem politik. Oleh kerana itu, mereka memutuskan untuk meneruskan kelangsungan hidup yang mendatang di kampung tersebut. Memandang masa depan boleh dikaitkan dengan petikan di atas kerana Raja Patani dan pengikutnya telah bertekad untuk meneruskan kehidupan yang baru dengan membuka penempatan baru. Dalam hal ini ia dikatakan begitu kerana Raja Patani berfikiran secara rasional dan yakin akan ada perkembangan baru dan penambahbaikan daripada tempat tinggal mereka sebelum ini. Ia juga berkaitan dengan kehidupan baginda sebagai seorang raja yang perlu



FYP FTKW

berfikir panjang sebelum membuat sebarang keputusan supaya tidak merugikan pelbagai pihak. Para pembesar dan rajanya juga telah mendapat sambutan yang baik setelah wujudnya perhubungan yang baik dengan penduduk sekitarnya dan banyak mendatangkan kemajuan terhadap tempat tinggal mereka yang baru.

Sikap yang memandang masa depan bersepadan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan begitu kerana bersifat pengalaman hidup. Menerusi pengalaman yang pernah mereka menyebabkan berfikir dan bermuafakat secara bijak sebelum memilih sesuatu keputusan. Pengalipkasian konsep memandang masa depan mempengaruhi pemikiran generasi kini untuk merancang kehidupan dengan teratur untuk memperoleh masa depan yang cerah dan berjaya. Cerita lisan di atas telah memaparkan faedah yang diperoleh apabila membuat keputusan yang baik dan merancang setiap perkara secara terperinci mengeluarkan hasil yang sepadan perjuangan yang digerakkan. Jelaslah, generasi dididik untuk sentiasa bersedia kerana setiap orang perlu menjalani kehidupan yang berbeza. Hati budi Melayu mempengaruhi generasi kini untuk berfikir secara rasional dan setiap penjelasan yang diketengahkan haruslah memiliki alasan dan bukti yang kukuh. Dengan ini, generasi kini mampu membuat perancangan yang terbaik kehidupan diri sendiri, masyarakat dan negara. Jumali Selamat (2001) mengemukakan satu pendapat untuk menyokong penyataan tersebut iaitu manusia yang memiliki pemikiran yang rasional dan teguh akan membuktikan setiap keputusan yang akan dilaksanakan perlulah memiliki alasan dan bukti yang kukuh dan merungkaikan terlebih kesan baik dan buruk setiap tindakan tersebut.



FYP FTKW

4.28 Mensyukuri Nikmat

Bersyukur adalah satu perbuatan yang menggambarkan perasaan terima kasih kepada sesama manusia sebagai tanda penghargaan di atas perlakuan mereka sekali gus merujuk kepada perasaan bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Berdasarkan kisah Islam iaitu iblis dikeluarkan dari syurga kerana perasaan sombong yang wujud dalam diri dan tidak mahu tunduk menyembah kepada Nabi Adam AS. Hal ini berlaku kerana tiadanya perasaan mensyukuri nikmat yang telah Allah SWT berikan melainkan menyanjung perasaan bangga dengan kelebihan yang wujud dalam diri manusia. Hashim Musa (2008) menjelaskan syukur memberikan gambaran tentang pengiktirafan yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang menyalurkan bantuan kepadanya sebagai tanda penghargaan dan kehormatan terhadap kebaikan yang telah diberikan. Perasaan bersyukur mendidik manusia untuk mengenal erti sebuah kehidupan yang berkat bahkan menghakis penyakit hati seperti perasaan sombong, hasad dengki dan cemburu malahan Allah SWT memberikan satu rasa kenikmatan dalam kehidupan iaitu sentiasa merasa cukup untuk setiap perkara yang diperoleh walaupun rezeki yang diperoleh hanya dalam jumlah yang kecil. Selain itu, beliau juga menegaskan bahawa manusia yang mensyukuri nikmat akan memperoleh sebaik-baik rahmat dalam kehidupan namun mereka haruslah menghindari perasaan yang sentiasa mengeluh dan jangan berprasangka buruk dengan semua kejadian yang telah berlaku.

Menurut Jumali Selamat (2013) bersyukur merujuk kepada sifat ikhlas yang ditampilkan oleh seseorang untuk membuktikan bahawa dia sangat menghargai pemberian orang lain kepadanya. Ini bermakna seseorang haruslah mensyukuri nikmat yang telah diberikan kepadanya. Cara bersyukur dapat dilakukan dalam pelbagai aspek seperti bersyukur menggunakan hati nurani, bersyukur dengan ucapan dan bersyukur dengan perbuatan. Perasaan bersyukur atas kegembiraan yang diberikan perlulah ditanam dalam diri manusia. Nelson (2009) juga menegaskan



FYP FTKW

bahawa semua agama di dunia menyatakan bahawa bersyukur merupakan satu prinsip yang umum dan penting kepada manusia malahan ungkapan rasa bersyukur ini adalah satu bentuk ibadah yang baik kerana semua agama mengajarkan umatnya untuk sentiasa bersyukur dengan rezeki yang diterima. Oleh itu, mensyukuri nikmat diketengahkan menerusi konsep berterima kasih dan mengenang budi.

4.28.1 Mensyukuri Nikmat Melalui Sikap Berterima Kasih

Norita Ariffin (2006) menyatakan definisi berterima kasih iaitu sikap manusia dalam menghargai segala perkara yang telah diterima. Perkara ini menjelaskan bahawa manusia haruslah mensyukuri nikmat yang diperoleh dalam kehidupan sebagai anugerah dan berterima kasih merupakan kaedah untuk mengemukakan dan melafazkan perasaan bersyukur terhadap anugerah yang dimiliki. Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) juga menyokong bahawa bersyukur melalui sikap berterima kasih menggambarkan satu perasaan memuliakan sesuatu perkara yang diterima secara ikhlas dan terbuka. Mohd Ali Hashimi (1992) berkongsi mengenai pandangannya iaitu sikap berterima kasih merupakan simbolik kepada perasaan bersyukur yang dirasai oleh seseorang dan menghargainya menggunakan ucapan terima kasih sebagai tanda mengenang budi untuk segala pertolongan yang diberikan. Sejujurnya, sikap berterima kasih merupakan satu kaedah yang memberangsangkan untuk menyanjungi segala kebaikan yang telah diterima dan menggalakkan manusia lebih gemar berkongsi rezeki kerana dirinya akan dihargai atas segala kebaikan yang dilaksanakan. Jelaslah, ucapan terima kasih adalah satu ucapan yang dilafazkan oleh seseorang kepada orang sebagai satu tanda penghargaan dan kesyukuran yang disalurkan mampu mendorong ke arah kehidupan yang lebih baik.



FYP FTKW

Petikan 50 merupakan gambaran tentang mensyukuri nikmat melalui sikap berterima kasih yang diperoleh dalam kisah *Asal Usul Datu.*

> Petikan 50
> Datu juga mengambil kesempatan untuk menyelamatkan nyawanya dengan melarikan diri ke tempat yang selamat. Datu telah merangkak ke arah perahu kecil secara diam-diam lalu menggerakkan perahu untuk belayar di tengah-tengah sungai.
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 2)

Berdasarkan petikan 50 mengisahkan seorang pemuda yang mengambil ufti yang diperintah oleh Raja Thailand. Namun perjalanan Datu ke Terengganu tertangguh kerana berlakunya peperangan dari pihak musuh dan Datu merupakan pasukan pemanah. Banyak nyawa yang terkorban akibat serangan yang berlanjutan dan kelihatan kerajaan Thailand tidak mampu bertahan akhirnya Datu memutuskan untuk menyelamatkan dirinya. Cerita *Asal Usul Datu* memaparkan hati budi Melayu dibentuk melalui sifat mensyukuri nikmat dengan mengucapkan terima kasih kepada orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana Datu berasa bersyukur kerana dia mampu menyelamatkan nyawanya daripada peperangan dan tiba di daratan dengan selamat setelah sekian lama belayar serta Datu bersyukur menemui tempat sesuai untuk diam meneruskan kelangsungan hidupnya dengan tenang. Jelaslah Allah SWT adalah Maha Pemurah yang sentiasa memberikan rezeki kepada umatnya maka manusia haruslah menghargai nikmat tersebut dengan mengucapkan rasa syukur untuk segala rezeki dan turut memperlihatkan bahawa mampu membentuk tingkah laku yang lebih baik. Sikap Datu menyerlahkan bahawa dia sentiasa berlapang dada menerima segala ketentuan. Malahan Al-Ghazali (1987) juga menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan bahawa sikap bersyukur mampu dipupuk dalam diri manusia menerusi mereka sentiasa menerima segala rezeki dan juga rintangan dengan dada yang lapang dan ikhlas. Bahkan sentiasa bersyukur mendorong seseorang itu sentiasa dimurahkan rezeki dan segala urusan yang dilaksanakan akan berjalan dengan lancar walaupun pelbagai cabaran yang perlu direntasi.



FYP FTKW

4.28.1 Mensyukuri Nikmat Melalui Sikap Mengenang Budi

Sikap mengenang budi ialah sikap manusia untuk mengingati dan menghargai setiap pertolongan yang telah diberikan malahan menerimanya dengan berlapang dada. Norita Ariffin (2006) melontarkan hujahannya iaitu mengenang budi merupakan kaedah untuk mensyukuri nikmat yang telah diberikan kepada manusia. Sikap ini mendidik manusia untuk menerima pemberian dengan berlapang dada lantas bersyukur dan berterima kasih kepada si pemberi bahkan mereka boleh membalas segala perbuatan baik itu jika mereka berkemampuan agar orang lain juga mampu menikmati perkara yang sama. Mengenang budi ialah menyanjung tinggi segala pemberian yang diberikan dan mengiktiraf pemberian tersebut bersama-sama agar mampu memberikan kesedaran kepada orang lain (Hashim Musa, 2008). Mohd Ali Hashimi (1992) menjelaskan sikap mengenang budi adalah perasaan bersyukur yang dirasai oleh seseorang dan menghargainya menggunakan ucapan terima kasih sebagai tanda mengenang budi untuk segala pertolongan yang diberikan. Selain itu, sikap mensyukuri nikmat turut dipaparkan dalam cerita *Kehebatan Bomoh Siam* berdasarkan petikan 51 yang disenaraikan.

Petikan 51
Si suami melihat si isteri telah pulih daripada penyakit ketawa itu merasa bersyukur lalu menghulurkan sedikit sumbangan namun tidak diambil oleh bomoh itu. Bomoh itu sekadar memberitahu bahawa semuanya adalah pertolongan dari Allah SWT.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 41)

Petikan tersebut memperihalkan tentang bomoh Siam yang mahir dalam merawat penyakit. Bomoh Siam didatangi oleh sepasang suami isteri untuk mendapatkan rawatan untuk isteri yang mengalami penyakit misteri iaitu penyakit ketawa. Bomoh Siam melaksanakan tugasnya dengan berdoa kepada Allah SWT. Setelah dua jam menjalani rawatan, si isteri mulai sedar walaupun belum sihat sepenuhnya. Oleh itu, sebagai tanda berterima kasih si suami mahu memberikan



FYP FTKW

sumbangan kepada bomoh Siam namun ditolak olehnya.

Menerusi cerita *Kehebatan Bomoh Siam* menampilkan hati budi Melayu menerusi sikap mensyukuri nikmat. Si suami mengucapkan kepada bomoh Siam kerana dia mampu menyembuhkan penyakit misteri isterinya sudah memberikan Penerapan hati budi Melayu kepada generasi untuk membentuk generasi yang sentiasa positif dengan ujian dan dugaan yang menimpa diri. Si suami juga berasa sangat bersyukur kerana si isteri pulih walaupun bukan sepenuhnya. Dengan itu, si suami berniat untuk memberi sedikit sumbangan tetapi ditolak oleh bomoh tersebut atas alasan dia ikhlas. Bersyukur dengan mengenang budi adalah satu amalan yang mulia untuk menghargai segala pertolongan yang telah disumbangkan yang mampu mengubah kehidupan seseorang. Oleh itu, seorang insan yang budiman tidak akan mengeluh terhadap cabaran yang diberikan melainkan mereka menerima setiap ketentuan yang berlaku dengan hati yang terbuka serta mensyukuri bahawa cabaran yang dilalui akan menjadikannya seorang yang lebih baik sekali gus mereka yakin bahawa akan munculnya hikmah disebalik semua perkara yang terjadi. Bahkan menerusi sikap bomoh memperlihatkan bahawa dia akan memperoleh kebahagiaan yang tersendiri atas kebaikan yang dilakukan. Penyataan ini turut disokong oleh Mohd Ali Hashimi (1992) bahawa setiap manusia akan memiliki kehidupan yang bahagia dan memperoleh kejayaan kerana mereka menerima setiap ketentuan daripada Allah SWT dengan hati yang terbuka. Jelaslah bahawa setiap manusia perlulah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Maha Pencipta agar kehidupan yang sejahtera dapat dinikmati di dunia dan di akhirat.

Sikap mensyukuri nikmat melalui sikap mengenang budi bersesuaian dengan pendekatan dakwah kerana aspek watak yang mengutamakan kesucian Islam dalam kehidupan serta perwatakan dan keperibadian yang sentiasa bersyukur menimbulkan rasa kecintaan kepada Allah. Selain itu, naratif lisan ini mengetengahkan sikap mensyukuri nikmat yang mampu mencerminkan keagungan Allah SWT dan agama



FYP FTKW

Islam malahan turut menyerlahkan bahawa manusia perlulah menghargai hubungan sesama manusia agar sebuah perhubungan sentiasa terjaga dan kebaikan sentiasa dikongsi bersama-sama. Menerusi mensyukuri nikmat ini memberikan gambaran bahawa manusia memiliki sikap yang mulia yang sentiasa mensyukuri dengan rezeki yang diterima serta meningkatkan nilai ketakwaan dalam diri seorang manusia. Oleh itu, sikap yang mensyukuri nikmat mampu mempengaruhi generasi kini agar sentiasa bersyukur dengan apa jua rezeki yang diperoleh walaupun tidak sama dengan kehendak bahkan mampu melahirkan perasaan empati dalam diri generasi kini iaitu mereka akan memahami masalah yang dihadapi oleh orang lain. Maka, itulah impak yang diperoleh generasi kini apabila menerapkan komponen hati budi dalam diri agar sentiasa mengenang budi terhadap orang yang pernah menabur jasa.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.29 Penutup

Tuntasnya, penerapan hati budi Melayu banyak terkandung menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* nukilan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Menerusi perbincangan telah membuktikan hati budi Melayu dapat dibentuk berpandukan dasar teras hati budi Melayu telah dikemukakan oleh Hashim Musa sebanyak 26 dasar. Teras hati budi Melayu yang dipaparkan menerusi naratif lisan ini memberikan teladan kepada generasi kini sekali gus menggalakkan mereka untuk mengamalkan hati budi Melayu dalam kehidupan seharian agar kehidupan menjadi lebih harmoni dan tenang. Hal ini dikatakan demikian kerana, penerapan hati budi Melayu mampu membina perlakuan manusia serta mendidik manusia yang sentiasa mengutamakan adab ketika bertutur. Di samping itu, analisis penelitian yang dilaksanakan berpandukan Teori Pengkaedahan Melayu memberikan impak yang baik kerana teori ini merujuk kepada perlakuan dan kepercayaan yang berunsurkan pegangan Islam serta sepadan untuk menjelaskan berkaitan budaya dalam kehidupan. Oleh itu, aspek hati budi Melayu ini perlulah dipupuk dari generasi ke generasi tanpa mengira batasan umur agar dapat memelihara nilai ketamadunan dalam masyarakat.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 5

# RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

## 5.1 Pengenalan

Bahagian ini memaparkan mengenai huraian keseluruhan tentang kajian yang dilaksanakan dan memaparkan kesesuaian objektif kajian yang telah ditetapkan dengan hasil dapatan kajian yang diperoleh setelah kajian ini dijalankan. Selain itu, bab 5 juga menyampaikan penyelesaian tentang persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini mengenai hati budi Melayu. Oleh itu, pengkaji telah menemui bahawa hati budi Melayu difokuskan melalui 26 komponen teras hati budi Melayu untuk disampaikan kepada masyarakat sekali gus menyatakan berkaitan impak penerapan hati budi Melayu berpandukan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Seterusnya, terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh pengkaji yang bersesuaian dan relevan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan untuk kegunaan dalam kajian penyelidikan untuk masa yang mendatang.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 5.2 Rumusan

